



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2016

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA







KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2016

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA





2

- ANGGOTA PENTADBIRAN **16**
- PENGURUSAN TERTINGGI **17**
- SEKTOR PENGURUSAN **18**
- SEKTOR DASAR **19**
- SEKTOR OPERASI **20**
- UNIT **21**
- JABATAN DAN AGENSI **22**
- PIAGAM PELANGGAN **24**
- PERUNTUKAN DAN PRESTASI **27**

PERBELANJAAN TAHUN 2016


- TERAS 4 : MEMPERKASA INDUSTRI KREATIF **101**
- PENGUKUHAN ORGANISASI **115**
- JARINGAN KERJASAMA STRATEGIK **153**

4



“Masyarakat Terhubung dan Berinformasi”





KANDUNGAN

MAKLUMAT KORPORAT

• PERUTUSAN MENTERI	8
• PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA	10
• VISI, MISI DAN OBJEKTIF KKMM	13
• CARTA ORGANISASI	14
• ANGGOTA PENTADBIRAN	16
• PENGURUSAN TERTINGGI	17
• SEKTOR PENGURUSAN	18
• SEKTOR DASAR	19
• SEKTOR OPERASI	20
• UNIT	21
• JABATAN DAN AGENSI	22
• PIAGAM PELANGGAN	24
• PERUNTUKAN DAN PRESTASI PERBELANJAAN TAHUN 2016	27

PENCAPAIAN KEMENTERIAN

TERAS 1 : MENGHUBUNG RAKYAT	29
TERAS 2 : MEMBINA MASYARAKAT BERMAKLUMAT	47
TERAS 3 : MENGGERAK EKONOMI DIGITAL	79
TERAS 4 : MEMPERKASA INDUSTRI KREATIF PENGUKUHAN ORGANISASI JARINGAN KERJASAMA STRATEGIK	101 115 153





KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

MAKLUMAT KORPORAT

- Perutusan Menteri
- Perutusan Ketua Setiausaha
- Visi, Misi dan Objektif KKMM
- Carta Organisasi
- Anggota Pentadbiran
- Pengurusan Tertinggi
- Sektor Pengurusan
- Sektor Dasar
- Sektor Operasi
- Unit
- Jabatan Dan Agensi
- Piagam Pelanggan
- Peruntukan Dan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2016

6





KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PERUTUSAN MENTERI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia-Nya, Buku Laporan Tahunan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) 2016 diterbitkan dengan jayanya. Pencapaian dan kejayaan Kementerian bagi tahun 2016 dilihat begitu cemerlang dan lebih baik berbanding tahun sebelumnya.

Ucapan terima kasih juga kepada YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Setiausaha kerana bersama-sama membantu dalam merancang dan memimpin warga Kementerian dalam pelaksanaan program bagi tahun 2016 dengan baik sekali.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan tertinggi KKMM dan warga Kementerian yang telah memberi komitmen yang baik dan berdedikasi dalam menjayakan segala perancangan Kementerian sepanjang tahun 2016. Sesungguhnya komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh semua pihak telah mengangkat KKMM ke satu pencapaian yang dibanggakan.

Akhir kata, semoga semua warga Kementerian dapat memainkan peranan yang lebih proaktif dan konsisten dalam mengekalkan kecemerlangan Kementerian dalam sektor Komunikasi dan Multimedia di masa akan datang.

YB DATUK SERI DR. SALLEH SAID KERUAK
Menteri Komunikasi Dan Multimedia Malaysia



KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Tahniah dan Syabas kepada semua warga Kementerian dalam bersama-sama memberikan komitmen yang baik dalam penerbitan Buku Laporan Tahunan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) 2016 ini. Alhamdulillah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2016 dapat dicapai dengan hasil kerjasama semua pihak secara langsung dan tidak langsung.

Sebagai sebuah Kementerian yang berperanan dalam industri Komunikasi dan Multimedia, pendekatan *Digitise and Humanise* perlu sentiasa dipupuk kerana semua rakyat Malaysia berhak untuk merasai kemajuan teknologi pada hari ini. Alhamdulillah Program Menghubung Menyatu oleh Kementerian dapat merapatkan jurang komunikasi penduduk pedalaman dan akan terus dilaksanakan di semua negeri.

Bagi menjamin kejayaan dan pencapaian prestasi Kementerian pada tahun hadapan, saya dan Pihak Pengurusan Tertinggi serta warga Kementerian akan terus memberikan kerjasama dan sokongan pada kepada YB Menteri dan YB Timbalan Menteri dalam menggalas tanggungjawab yang diamanahkan.

DATO' SRI DR. SHARIFAH ZARAH SYED AHMAD
Ketua Setiausaha





VISI

- Masyarakat Terhubung & Berinformasi


VISI


- Menghubung Rakyat
- Membina Masyarakat Bermaklumat
- Menggerak Ekonomi Digital
- Memperkasa Industri Kreatif

OBJEKTIF

- Menyediakan infrastruktur komunikasi secara menyeluruh dan inklusif, membangun ekonomi digital dan memperkasa industri kreatif serta memperluas dan memperdalam penyampaian dan penyebaran maklumat, secara strategik

CARTA ORGANISASI





• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

▶ ANGGOTA PENTADBIRAN

▶ **Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak**
Menteri



▶ **Dato' Jallani Johari**
Timbalan Menteri



▶ PENGURUSAN TERTINGGI

▶ Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad
Ketua Setiausaha

▶ Dato' Mohid Mohamed
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

▶ Dato' Dr. Mohd Ali Mohamad Nor
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

▶ Dato' Samsuni Mohd Nor
Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)



• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

▶ SEKTOR PENGURUSAN

▶ **Kudratullah Fatimy Afandi**
Setiausaha Bahagian Kewangan

▶ **Kamarudin Abdul Rani**
Setiausaha Bahagian Pembangunan

▶ **Norhaya Hassan**
Setiausaha Bahagian Akaun

▶ **Abd Shukor Mahmood**
Setiausaha Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia

▶ **M. Janagarajan A/L Mariappan**
Setiausaha Bahagian Khidmat
Pengurusan

▶ **Haji Mustapha Haji Mat**
Setiausaha Bahagian Pengurusan
Maklumat



▶ SEKTOR DASAR

▶ **Dr. Ismail Jamaluddin**
Setiausaha Bahagian Perancangan
Strategik

▶ **Nik Kamaruzaman Nik Husin**
Setiausaha Bahagian Pembangunan
Kandungan

▶ **Mazmalek Mohamad**
Setiausaha Bahagian Teknologi
Komunikasi

▶ **S. Letchumanan A/L Shanmugam**
Setiausaha Bahagian Antarabangsa



• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

▶ SEKTOR OPERASI

▶ Rosmahyuddin Baharuddin
Setiausaha Bahagian Kawalan dan Pematuhan

▶ Roselindawati Abdul Rahman
Setiausaha Bahagian Komunikasi Strategik

▶ Zanariah Abdul Malek
Ketua Unit PUSPAL

▶ Haji Daud Ismail
Setiausaha Bahagian Infrastruktur dan Aplikasi



▶ KETUA UNIT

▶ Saffie' Abdul Hassan
Ketua Unit Audit Dalam

▶ Ong Ling Loong
Ketua Unit KPI

▶ Zahiah Md Alwee
Ketua Unit Integriti

▶ Yang Zaimy Yang Ghazali
Penasihat Undang-Undang



• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

▶ KETUA JABATAN/AGENSI

▶ **Dato' Haji Abu Bakar Ab Rahim**
Ketua Pengarah Jabatan Penyebaran
Malaysia (RTM)

▶ **Datuk Dr. Mohd Puad Zarkashi**
Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal
Khas (JASA)

▶ **Dr. Nawiyah Che Lah**
Pegawai Institut Penyebaran Dan
Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR)

▶ **Dato' Ibrahim Abdul Rahman**
Ketua Pengarah Jabatan
Penerangan Malaysia (JAPEN)

▶ **Khalidah Mohd Darus**
Ketua Pengarah Jabatan
Perlindungan Data Peribadi (JPDP)



▶ **Datuk Zulkefli Salleh**
Pengurus Besar Pertubuhan Berita
Nasional Malaysia (BERNAMA)

▶ **Dato' Sri Dr. Halim Shafie**
Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia (MCMC)

▶ **Dato Fauzi @ Pauzi Ayob**
Ketua Pengarah Perbadanan
Kemajuan Filem Nasional Malaysia
(FINAS)

▶ **Datuk Yasmin Mahmood**
Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan
Ekonomi Digital Malaysia (MDEC)

▶ **Datuk Hasnul Fadhly Hassan**
Ketua Pegawai Eksekutif MYNIC





PIAGAM PELANGGAN

Kami, warga Kementerian berjanji akan:

- Menyampaikan maklumat terkini dan dasar Kerajaan kepada masyarakat dengan sahih, tepat, cepat, jelas dan berkesan menerusi media elektronik, cetak dan komunikasi bersemuka
- Menyediakan prasarana dan perkhidmatan komunikasi jalur lebar, Internet dan selular yang bermutu bagi memenuhi kehendak pelanggan
- Memproses permohonan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap
- Memberi respons kepada aduan pelanggan dengan cepat, tepat dan berbudi bahasa dalam tempoh masa berikut:



- *Akuan penerimaan dalam tempoh satu (1) hari bekerja;*
 - *Maklum balas awal dalam tempoh tiga (3) hari bekerja; dan*
 - *Laporan status bulanan aduan awam kepada Biro Pengaduan Awam (BPA) pada minggu pertama setiap bulan;*
- **Memastikan bil dan invois dibayar dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.**

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



PERUNTUKAN DAN PRESTASI PERBELANJAAN TAHUN 2016

Pada tahun 2016, KKMM telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM1,288,425,000.00 di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2016. Sekatan peruntukan berjumlah RM39,300,000.00 telah dikenakan kepada KKMM pada tahun 2016 oleh Kementerian Kewangan dalam usaha kerajaan mengoptimum perbelanjaan.

Prestasi keseluruhan Perbelanjaan Mengurus KKMM sehingga Disember 2016

Tahun	RM	Peratus
Suku Pertama	213,151,187.42	29.33%
Suku Kedua	507,926,684.68	49.97%
Suku Ketiga	808,836,808.23	72.78%
Suku Keempat	1,192,813,652.82	95.75%



TERAS
Masyarakat
Terhubung



TERAS 1

Masyarakat Terhubung

"Bagi memastikan masyarakat terus terhubung, ia adalah bergantung kepada penyediaan infrastruktur telekomunikasi yang cekap dan menyeluruh"

Penyediaan sistem dan perkhidmatan telekomunikasi yang baik adalah seiring dengan matlamat untuk menjadikan masyarakat di dalam negara terhubung antara satu sama lain dan juga dengan dunia luar. Bagi memastikan masyarakat terus terhubung, ia adalah bergantung kepada penyediaan infrastruktur telekomunikasi yang cekap dan menyeluruh. Oleh itu, bagi mencapai matlamat ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) memberi fokus kepada Teras Strategik 1 iaitu Masyarakat Terhubung yang mengandungi tiga (3) langkah strategik iaitu memperluaskan liputan dan menaik taraf infrastruktur jalur lebar, meningkatkan kelajuan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar serta meningkatkan kualiti perkhidmatan penyiaran negara.

Antara program utama berimpak tinggi di bawah Teras Strategik 1 ini adalah Pemberian Perkhidmatan Sejagat (*Universal Service Provision- USP*), Inisiatif Jalur Lebar Negara (*National Broadband Initiative - NBI*) dan penyediaan infrastruktur untuk TV Digital.

A. Pemberian Perkhidmatan Sejagat (Universal Service Provision-USP)

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menambah baik infrastruktur komunikasi di luar bandar di antaranya adalah melalui program Pemberian Perkhidmatan Sejagat. Di bawah program ini, pihak SKMM telah melaksanakan projek Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baru serta penaiktaraf perkhidmatan 3G di menara sedia ada di seluruh negara bagi memastikan masyarakat terutamanya di kawasan luar bandar dapat dihubungkan dengan lebih baik dan pantas.

(i) Inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih

Di bawah inisiatif Peluasan Liputan Selular dan Jalur Lebar Mudah Alih, sebanyak 2,050 lokasi menara telekomunikasi sedia ada telah siap dinaiktaraf pada tahun 2016 bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G di seluruh negara. Selain daripada itu, sebanyak 1,402 buah menara telekomunikasi baharu telah berjaya dibina dan diaktifkan dengan perkhidmatan selular semenjak tahun 2010 bagi memberi perkhidmatan jalur lebar mudah alih yang lebih laju dan berkualiti kepada pengguna. Dengan terlaksananya projek ini, capaian internet jalur lebar dan liputan selular dapat dipertingkatkan demi kemudahan dan kesenangan rakyat.

(ii) Inisiatif Subsidi Peranti Pintar

Bagi melengkapkan pelaksanaan peningkatan liputan dan kualiti perkhidmatan selular dan jalur lebar, Kementerian melalui SKMM telah memperkenalkan inisiatif subsidi Peranti Pintar sejak tahun 2014 kepada pengguna khususnya yang tinggal di kawasan luar bandar.

Di bawah inisiatif ini, pelbagai model peranti pintar ditawarkan kepada pengguna dengan harga yang lebih rendah daripada harga pasaran dan dipakejkan bersama dengan langganan Internet jalur lebar. Objektif inisiatif ini adalah bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan jalur lebar di kalangan masyarakat luar bandar yang secara

tidak langsung akan menyumbang kepada peningkatan kadar celik teknologi maklumat masyarakat dan kadar penembusan jalur lebar negara.

Inisiatif ini ditawarkan melalui syarikat-syarikat komunikasi utama negara seperti Celcom, Maxis, Digi dan Telekom Malaysia di mana sehingga kini sebanyak 1,479,323 unit telah diagihkan kepada pengguna-pengguna yang layak.

B. Penawaran Projek-Projek Inisiatif Jalur Lebar Negara

Bagi memastikan peningkatan kelajuan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar, KKMM pada tahun 2016 terus melaksanakan strategi-strategi di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara dari aspek penawaran dan permintaan perkhidmatan jalur lebar. Berdasarkan pelan pelaksanaan tersebut, kesemua lapisan masyarakat di bandar, pinggir bandar dan luar bandar dijangka akan dapat menikmati perkhidmatan jalur lebar melalui pelaksanaan lima (5) pelan iaitu Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (*High Speed Broadband - HSBB*), Jalur Lebar Untuk Orang Awam (*Broadband for General Population - BBGP*), Jalur Lebar Pinggir Bandar (*Sub Urban Broadband - SUBB*), Jalur Lebar Luar Bandar (*Rural Broadband - RBB*), Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKR1M) dan juga Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih.

(i) Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (High Speed Broadband - HSBB)

Pihak Kementerian telah melaksanakan projek HSBB bagi menambah baik kelajuan dan kualiti Internet selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai status negara pintar menjelang tahun 2020. Projek ini mampu menawarkan perkhidmatan jalur lebar dengan kelajuan sehingga 100Mbps di bandar-bandar utama dan kawasan ekonomi berimpak tinggi di seluruh negara.

Bagi memastikan kemudahan langganan dan capaian Internet lebih tinggi dan laju di kawasan bandar-bandar utama, Kementerian dengan kerjasama pihak Telekom Malaysia (TM) telah mula melaksanakan projek HSBB Fasa 2 pada tahun 2015 dan dijangka tamat pada tahun 2017. Pencapaian pada tahun 2016 adalah sebanyak 168,664 sambungan *ports* (112%) di seluruh Malaysia berbanding

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi

(High Speed Broadband - HSBB)





• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Jalur Lebar Pinggir Bandar

(Sub Urban Broadband - SUBB)





• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

keseluruhan sasaran 150,000 sambungan *ports* pada tahun semasa.

Sehingga kini, projek ini berjalan mengikut jadual di mana sebanyak 213 ribu sambungan *ports* telah tersedia bagi kegunaan rakyat dan tambahan 192 ribu sambungan *port* lagi akan disediakan secara berperingkat sehingga akhir tahun 2017.

Projek ini didapati telah berjaya menyumbang kepada peningkatan ketara kadar penembusan jalur lebar negara yang kini berada pada tahap 77.9% berbanding 55.6% pada tahun 2010.

(ii) **Jalur Lebar Untuk Orang Awam**

(Broadband for General Population -BBGP)

Selain daripada HSBB Fasa 2, Kementerian turut melaksanakan projek infrastruktur rangkaian teras Jalur Lebar Untuk Orang Ramai (BBGP *core network*) di Semenanjung di mana sehingga tahun 2016, sebanyak 54 *links* telah dilanggan manakala Sabah dan Sarawak pula telah mencatat peningkatan daripada 179 kepada 198 jumlah langganan *links*.

(iii) **Jalur Lebar Pinggir Bandar**

(Sub Urban Broadband - SUBB)

Bagi kemudahan langganan dan capaian internet di pinggir-pinggir bandar pula, pelaksanaan projek SUBB di Semenanjung dan Sabah/Sarawak diteruskan pada tahun semasa di mana sebanyak 127,546 sambungan *ports* disiapkan menjadikan keseluruhan sambungan *ports* tersedia adalah sebanyak 219,390 *ports*. Projek ini berupaya menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi sehingga 20Mbps dan dijangka siap sepenuhnya di seluruh negara menjelang tahun 2020.

(iv) **Jalur Lebar Luar Bandar (Rural Broadband - RBB)**

Projek ini menyediakan perkhidmatan jalur lebar di kawasan luar bandar sehingga 4Mbps untuk kegunaan masyarakat setempat.

(v) **Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKR1M)**

SKR1M merupakan salah satu projek di bawah Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia iaitu pemasangan kabel gentian optik dasar laut antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kabel gentian optik dasar laut adalah bagi tujuan penyambungan sistem komunikasi negara dengan negara luar melalui kapasiti lebar jalur (*bandwidth*) sebanyak 29.8 sehingga 58.1 Tbps. Pada tahun 2016, sepanjang 1,545 km fiber telah disambungkan melalui projek ini.

Kesemua projek NBI ini dilaksanakan susulan daripada projek peluasan liputan jalur lebar yang telah mula dilaksanakan di Sabah dan Sarawak pada tahun-tahun sebelumnya. Pencapaian utama bagi pelaksanaan projek NBI ialah kadar penembusan jalur lebar isi rumah di seluruh negara yang telah mencatat sebanyak 77.9% pada tahun 2016. Dengan terlaksananya projek ini, masyarakat di kawasan bandar-bandar utama, kawasan pinggir bandar dan luar bandar dijangka akan mendapat akses kepada jalur lebar dengan lebih meluas dan lebih berkualiti sejajar dengan langganan yang bersesuaian, di samping tahap kesedaran masyarakat tentang manfaat jalur lebar dapat dipertingkatkan.



• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Kementerian turut melaksanakan projek-projek lain yang turut memberikan impak positif dan menghubungkan masyarakat antara satu sama lain dengan teknologi dan kemudahan yang disediakan. Antaranya adalah seperti berikut:

(i) **Pusat Internet 1Malaysia (PI1M)**

Kementerian telah mengambil pendekatan baru dalam pelaksanaan projek PI1M di mana konsep *Hub & Spoke* yang menghubungkan PI1M dengan Wifi Komuniti (dahulunya dikenali sebagai Kampung Tanpa Wayar) dipasang di kawasan berdekatan bagi tujuan penambahbaikan kualiti dan kelajuan. Melalui pendekatan ini, penggunaan *bandwidth* dapat digunakan secara optimum dan pengguna dapat menikmati pengalaman yang lebih baik dalam melayari Internet.

Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) menyediakan capaian internet secara kolektif kepada komuniti setempat. Melalui PI1M juga, pelbagai bentuk program dan latihan berasaskan ICT dan keusahawanan secara percuma diberikan kepada penduduk setempat. Mereka diberikan pendedahan dan galakan untuk menggunakan gajet IT bagi menjalankan pelbagai aktiviti seperti mempelajari dan menggunakan kemahiran asas ICT, urus niaga dan pembelajaran atas talian, melayari media sosial, serta pembangunan aplikasi dan kandungan tempatan. Modul pembangunan kemahiran ICT ini dilaksanakan secara kerjasama dengan syarikat ICT terkemuka tempatan dan antarabangsa seperti Syarikat Intel Technology Sdn. Bhd.

Di bawah projek ini, sebanyak 758 pusat internet telah siap dilaksanakan pada tahun 2016.

(ii) **Pusat Internet Desa (PID)**

Melalui pengoperasian sebanyak 37 buah PID di seluruh negara, Kementerian dengan ini terus menyokong usaha untuk mempertingkatkan kesedaran dan memberi pengetahuan mengenai kemudahan Internet dan teknologi kepada masyarakat luar bandar khususnya, serta memperkenalkan faedah jalur lebar kepada kemudahan komuniti.

Pada tahun 2016, seramai 8,610 orang telah mengikuti kelas asas ICT, 8,254 orang berjaya mengikuti ke tahap kelas lanjutan ICT dan sejumlah 365 orang usahawan mikro telah berjaya dilatih di bawah aktiviti yang dilaksanakan oleh Pusat Internet Desa (PID). Selain daripada itu, sebanyak 545 bengkel e-Kerajaan telah berjaya dilaksanakan untuk peningkatan pengetahuan orang awam mengenai sistem-sistem yang telah dibangunkan oleh Kerajaan untuk kemudahan mereka.





Pusat Internet Desa (PID)





• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

(iii) **Malaysia Inklusif Negara Digital (MINDA)**

Program MINDA merupakan salah satu inisiatif Kementerian untuk merapatkan jurang saluran penyampaian informasi di antara Kerajaan dan rakyat. Pada masa yang sama, matlamat program ini adalah untuk menghubungkan rakyat dan membina masyarakat yang bermaklumat. MINDA bukan sahaja dapat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai teknologi komunikasi, malahan dapat membuka ruang kepada rakyat untuk meningkatkan diri sendiri dan negara melalui peluang ekonomi digital. Program ini melibatkan kerjasama antara kerajaan dan agensi peringkat Persekutuan dan Negeri, badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta agensi swasta termasuk syarikat telekomunikasi.

Majlis Perasmian program MINDA yang pertama bagi tahun 2016 diadakan dengan jayanya di Negeri Sarawak pada 12 Mac 2016 dan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. Seramai 23,862 orang pengunjung hadir semasa program MINDA di negeri Sarawak dan sebanyak 40 pempamer yang terdiri daripada agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan syarikat swasta termasuk syarikat telekomunikasi serta Perbadanan Bukan Kerajaan (NGO) telah terlibat.

MINDA berlangsung di Tebingan Sungai Kuching, Sarawak selama tiga (3) hari iaitu bermula pada 11 Mac hingga 13 Mac 2016 dan di antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut :

- (i) 50 booth pameran yang terdiri daripada agensi kerajaan persekutuan/negeri dan agensi swasta serta syarikat telekomunikasi;
- (ii) Mini studio Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM);
- (iii) Bengkel mengenai ICT dan ceramah-ceramah daripada usahawan online, Klik dengan Bijak (MCMC) dan *You Can Duit* (MDeC);
- (iv) Permainan dalam talian dan konsol, pertandingan mewarnai, pertandingan *games online*, Zon Digital, pertandingan karaoke serta banyak lagi aktiviti kekeluargaan yang menarik;
- (v) LARIAN MINDA telah diadakan pada 12 Mac 2016 dan penyertaan adalah sebanyak 6,000 peserta;
- (vi) Pertandingan Bintang P.Ramlee;
- (vii) Aktiviti sampingan dengan kerjasama agensi/jabatan/ Kementerian lain; dan
- (viii) Persembahan Pentarama, Layar Bestari, Persembahan Artis Tempatan.





• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

(iv) **Larian MyBuddies Run #sehatisejiwa**

Bersempena dengan sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-59, Kementerian melalui MYNIC telah menganjurkan sebuah program larian peringkat kebangsaan iaitu *myBuddies Run #sehatisejiwa* yang telah berjaya mengumpulkan seramai lebih 7,000 orang rakyat Malaysia.

Program *myBuddies Run #sehatisejiwa* yang berlangsung pada 21 Ogos 2016 bertempat di Persiaran Flora, Cyberjaya ini merupakan kesinambungan daripada Larian Sehati Sejiwa 2015. Di samping menggalakkan amalan gaya hidup sihat, *myBuddies Run* juga menyatukan rakyat Malaysia berbilang bangsa sekaligus memupuk semangat patriotik dan cinta akan negara sejajar dengan tema Hari Kemerdekaan iaitu #sehatisejiwa.

Majlis perasmian dan pelepasan peserta bagi kategori 10 km, diikuti dengan 5km dan 3km turut disempurnakan oleh Menteri Komunikasi & Multimedia Malaysia, YB Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak.

Antara aktiviti lain yang menarik berlangsung adalah seperti senaman *Body Combat* daripada selebriti Sharifah Sakinah, pertandingan *swafoto* dan juga persembahan daripada kumpulan Drama Band. Para peserta juga berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah yang terdiri daripada hadiah utama sebuah Proton Iriz dan lima (5) unit basikal *mountain bike*.

(v) **MyBuddies Strikers 2016**

Melalui program MYNIC STRIKERS yang telah diadakan sebanyak 2 siri di Wangsa Bowl, IOI City Mall, Putrajaya pada 29 Mei 2016 dan 14 Ogos 2016, MYNIC telah berjaya mengumpulkan seramai lebih daripada 200 orang peserta untuk terlibat di dalam program ini.

Bertujuan untuk memupuk semangat kerjasama dan perpaduan melalui amalan gaya hidup sihat, MYNIC STRIKERS telah berkongsi semangat tersebut melalui perlawanan boling bersama 61 buah pasukan yang mempunyai kemahiran serta bakat yang tinggi di dalam sukan boling. Perlawanan yang berlangsung selama tiga (3) jam tersebut menyaksikan kesemua pasukan bersaing

secara sihat dan menggembeng tenaga dalam merebut gelaran juara dalam tiga (3) perlawanan *cross lane*.

MYNIC sentiasa membina platform untuk pembangunan komuniti bukan sahaja dalam bentuk media digital tetapi juga melalui pengisian program dan aktiviti yang membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat.

(vi) **Domain Name Dispute Resolution Conference (DNDRC)**

MYNIC bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah bersama turut serta terlibat dalam penganjuran program *Domain Name Dispute Resolution Conference (DNDRC)* yang telah diadakan di Kuala Lumpur *Regional Centre of Arbitration (KLRC)* pada 1 Disember 2016 di Seminar Room, KLRC bermula daripada jam 9.00 pagi hingga 5.15 petang.

Persidangan tersebut telah dihadiri oleh wakil penyelesaian pertikaian daripada seluruh rantau Asia Pasifik. Persidangan itu juga telah menarik minat ramai golongan profesional dan celik IT daripada komuniti antarabangsa.

(vii) **Coffee With MYNIC**

Seramai 100 orang peserta mewakili KKMM dan agensi-agensinya kerajaan telah menyertai program *Coffee With MYNIC* yang merupakan sesi perkongsian dengan konsep *chill* dan *relax* yang telah diadakan pada 11 November 2016 bertempat di KKMM.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program berlangsung adalah sesi perkongsian ilmu dan turut diisi dengan pelbagai slot serta aktiviti menarik dan interaktif seperti permainan, kuiz dan pembentangan produk MYNIC seperti *The Magic 6*, *kreatifmarket.my (Snap & Kaching)*, *myBuddies* dan pelbagai aktiviti lagi.

Coffee with MYNIC merupakan antara inisiatif terbaik yang dianjurkan sebagai salah satu pendekatan buat para pelanggan, rakan niaga serta pihak berkepentingan yang lain untuk mengetahui perkembangan serta pencapaian terkini MYNIC melibatkan perniagaan, pembangunan projek dan produk di mana secara tidak langsung mengeratkan lagi hubungan di antara kedua belah pihak.





LAPORAN TAHUNAN **2016**



TERAS
Pembangunan
Masyarakat
Bermaklumat

2

47

TERAS 2

Pembangunan
Masyarakat
Bermaklumat

A. MENGHUBUNGKAN RAKYAT DAN MEMBINA MASYARAKAT YANG BERMAKLUMAT

PUBLISITI, PROMOSI DAN TAKLIMAT

Sebanyak 22 pelan komunikasi bagi tujuan publisiti dan mempromosi acara-acara rasmi Kerajaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah disediakan merangkumi acara-acara dan majlis-majlis berikut :

- (i) Sepuluh (10) pelan komunikasi bagi acara dan majlis rasmi melibatkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- (ii) Sembilan (9) pelan komunikasi bagi acara dan kempen Kerajaan peringkat kebangsaan seperti Pelan Komunikasi Inisiatif Jalur Lebar Negara dan Kempen Keselamatan Jalan Raya 2016
- (iii) Tiga (3) pelan komunikasi bagi acara dan kempen Kerajaan peringkat antarabangsa seperti Pelan Media IPBES-4 dan Persidangan Dwi Tahunan CAPAM 2016



KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



Dalam memastikan masyarakat dapat memahami dan menghayati dasar Kerajaan serta isu-isu semasa, program Taklimat dan Kerjasama Strategik Dengan Agen Perubah Masyarakat yang terdiri daripada *key-communicators* serta pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) telah diadakan merangkumi isu-isu seperti Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), Ekstremisme Ancaman Daesh dan Bajet 2017.

Selain daripada program Taklimat dan Kerjasama Strategik Dengan Agen Perubah Masyarakat tersebut, sebanyak 1,074 bahan-bahan info grafik dan 91 bahan multimedia telah dihasilkan bagi tujuan penjelasan isu-isu, dasar dan program-program Kerajaan.

PENGHAYATAN DASAR-DASAR KERAJAAN

Pelbagai program telah dijalankan untuk memasarkan maklumat supaya rakyat memahami seterusnya menghayati falsafah disebalik penggubalan dasar-dasar Kerajaan yang akan mengembalikan, meningkatkan dan mengukuhkan semula keyakinan dan sokongan rakyat terhadap kepimpinan dan kewibawaan Kerajaan.

Program Dialog Setempat diadakan dalam siri jelajah ke seluruh negara melibatkan 15 pentas perkongsian maklumat dan penerangan berkenaan agenda negara. Turut diadakan adalah Program Ceramah serta Program Sembang Warung.

Aktiviti Pencernaan Minda merupakan aktiviti yang melibatkan penyertaan dari pelbagai kaum dan kumpulan etnik Sabah dan Sarawak. Program ini turut memfokuskan kepada masyarakat Orang Asli, masyarakat Siam, masyarakat Cina dan masyarakat India yang perlu diberi perhatian.

PROMOSI VISUAL (BILLBOARD & PAMERAN)

JaPen bertindak proaktif dengan mengaplikasikan teknologi dalam aktiviti promosinya. Penggunaan kaedah digital menerusi paparan LED lebih bersifat interaktif dan terkini dalam menyampaikan maklumat berkaitan dasar-dasar Kerajaan agar ianya dapat disalurkan secara optimum kepada rakyat.

Penyebaran maklumat kerajaan dilakukan menerusi 445 ruang paparan yang dimiliki oleh JaPen di seluruh negeri melalui empat (4) kategori lokasi paparan seperti klasifikasi berikut :

KATEGORI	BILANGAN RUANG PAPARAN
Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri	140
Jalan Bandaran	155
Di dalam Premis	95
Di dalam Premis dan Terlibat Dengan Trafik	52

Pada tahun 2016, terdapat 3 kempen utama yang dipaparkan pada ruang paparan JaPen iaitu Bajet, GST dan BR1M.

Pendekatan *narrow casting* merupakan suatu kaedah penyampaian secara khusus sama ada melibatkan sasaran penerima dan lokasi. Kebanyakan penyebaran maklumat secara *narrow casting* menggunakan kaedah digital menerusi medium digital yang dimiliki oleh pihak swasta.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 52 siri pameran dijalankan di seluruh negara dengan mencatatkan jumlah pengunjung seramai 117,000 orang. Pameran ini mensasarkan kunjungan daripada masyarakat setempat dari pelbagai peringkat umur dan latar belakang bagi menyebarkan lagi kefahaman tentang dasar-dasar kerajaan sehingga ke peringkat akar umbi. Antara aktiviti pameran yang diadakan ialah Pameran Karnival Mesra Rakyat 2016, Pameran Sempena Program Grafiti #Sehatisejiwa Sempena Bulan Kebangsaan 2016 dan Pameran Sempena KL *Converge* 2016.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PENERBITAN DASAR NEGARA

Penerbitan secara konvensional masih relevan dan mendapat tempat di hati rakyat. Walau bagaimanapun, bagi membawa kelainan ke atas penerbitan tersebut, JaPen telah menerbitkan bahan-bahan penerbitan dalam bentuk karikatur dan info grafik supaya ia lebih menarik dan mudah difahami. Saiz penerbitan turut dikecilkan supaya ia mudah dibawa bersama ke mana sahaja.

Sepanjang tahun 2016, JaPen telah menerbitkan dua (2) jenis penerbitan utama iaitu penerbitan berkala seperti majalah dan buletin dan tidak berkala seperti risalah, poster, buku kecil dan *Coffee Table Book* yang memberi tumpuan kepada usaha menjayakan Program Transformasi Negara.

Sejumlah 16 tajuk penerbitan berkala dengan kuantiti sebanyak 283,000 naskhah telah diedarkan ke seluruh negara manakala 39 tajuk penerbitan buku tidak berkala telah diterbitkan dengan kuantiti sebanyak 2 juta naskhah.

Tajuk Penerbitan Berkala

No.	Penerbitan
1	Mentari Siri 1/2016
2	Puthiya Uthayam siri 1/2016
3	Malaysia Focus Siri 1/2016
4	Xin Xi Wang siri 1/2016
5	Semarak Malaysia
6	Mentari siri 2/2016
7	Citra siri 1/2016
8	Malaysia Focus siri 2/2016
9	Xin Xi Wang siri 2/2016
10	Geng 1Klik
11	Citra siri 2/2016
12	Malaysia Focus siri 3/2016
13	Xin Xi Wang siri 3/2016
14	Puthiya Uthayam siri 2/2016
15	Puthiya Uthayam siri 3/2016
16	Mentari siri 3/2016

Tajuk Penerbitan Tidak Berkala

No.	Penerbitan
1	Panduan Mengundi
2	<i>Touchpoint</i> & 11 Langkah Pengubahsuaian Bajet 2016 (BM)
3	RMK11 (BM)
4	RMK11 (BI)
5	<i>Touchpoint</i> & 11 Langkah Pengubahsuaian Bajet 2016 (BT)
6	<i>Touchpoint</i> & 11 Langkah Pengubahsuaian Bajet 2016 (BC)
7	<i>Touchpoint</i> & 11 Langkah Pengubahsuaian Bajet 2016 (BI)
8	Kesopanan & Kesusilaan
9	Kesiapsiagaan Menghadapi Bencana
10	Ringkas Eksekutif RMK 11 (BM)
11	Ringkas Eksekutif RMK 11 (BC)
12	Nilai Murni Asas Kesejahteraan Negara
13	NBOS: Keselamatan
14	Memperkasa Bakat Negara
15	Bendera Kita Jalur Gemilang
16	Asean 2025
17	Malaysia Sehati Sejiwa
18	Logo Hari Kebangsaan 1976 - 2016
19	Membudayakan Rukun Negara Merealisasikan Perpaduan Bangsa
20	Transformasi Luar Bandar
21	Beli Barangan Malaysia
22	<i>Touchpoint</i> Bajet 2017 (BM)
23	NKRA Menambah Baik Pengangkutan Awam
24	Pemeriksaan Ekonomi Bumiputera
25	<i>Touchpoint</i> Bajet 2017 (BI)
26	Integrasi Nasional Perspektif Sabah dan Sarawak
27	SPR Apa yang perlu anda tahu?
28	Pemakanan Sihat
29	Transformasi Sukan Negara
30	Resepi Kejayaan Basmi Kemiskinan
31	Kemerdekaan ke-59
32	Parlimen Malaysia
33	Info Banjir
34	Perjanjian Perkongsian Tran-Pasifik (TPPA)
35	Denggi & Virus Zika
36	Hari Kebangsaan (BI)
37	Perpaduan & Integrasi Nasional
38	<i>1Serve</i> , Strategi Lautan Biru (NBOS)
39	Daftar Pemilih, Panduan & Rujukan kepada JAPEN

Usaha JaPen memasarkan maklumat melalui media siber turut usaha JaPen memasarkan maklumat melalui Portal 1Klik. Portal ini merupakan sumber portal Kerajaan yang sah dan menghimpunkan maklumat-maklumat mengenai dasar-dasar Kerajaan secara interaktif dan mesra pengguna.

Bagi 2016, hits pelayar portal adalah sebanyak 2.5 juta, manakala *total page views* adalah sebanyak 4.3 juta. Topik-topik yang diketengahkan adalah meliputi ekonomi, antarabangsa, sukan, keselamatan, isu nasional, isu negeri, maklumat kenegaraan, profil Malaysia, kolumnis dan sebagainya. Sejak pelancarannya pada 14 November 2008 sehingga Disember 2016, jumlah keseluruhan *hits* pelayar portal telah melebihi 40.8 juta pengunjung dan merupakan antara portal agensi Kerajaan yang berjaya mencapai *hits* pelayar tertinggi.

Pemasaran maklumat JaPen turut diperluaskan lagi melalui kedah muat naik penerbitan secara *d-book* (*digital book*) iaitu penerbitan dalam talian yang boleh diperolehi melalui kaedah imbasan *QR Code* bagi mempercepatkan pemerolehan bahan-bahan terbitan tersebut melalui gajet mudah alih. Pada tahun 2016, sebanyak 31 penerbitan *d-book* telah dimuat naik di laman sesawang JaPen dan Portal 1Klik.



• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

MENGHUBUNG MENYATU CONNECTING THE UNCONNECTED (CTU)

Menghubung Menyatu (CTU) ialah inisiatif transformasi Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) yang merupakan satu platform baharu dalam usaha untuk mentransformasi penyampaian perkhidmatan telekomunikasi dan internet ke kawasan-kawasan pedalaman yang tidak terhubung.

Menerusi CTU, rakyat di kawasan pedalaman akan dapat dihubungkan dengan kemudahan perkhidmatan telekomunikasi dan penyiaran yang membolehkan masyarakat setempat mengakses maklumat berkaitan dasar-dasar kerajaan, mendapat lebih banyak ilmu pengetahuan dan pendedahan terhadap persekitaran digital terutamanya dikalangan golongan muda.

CTU juga bertujuan mendekatkan rakyat dengan agensi-agensi Kerajaan melalui komunikasi bersemuka serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan agensi KKMM ke arah yang lebih baik dan terancang.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 17 program CTU telah dilaksanakan melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu enam (6) program dan melibatkan penyertaan sebanyak 17 ribu peserta.

CTU 2016 telah dilaksanakan di Pos Kemar, Grik, Perak, Long Urun, Belaga, Sarawak, Kampung Kuala Jeneris & SK Peroh, Ajil, Hulu Terengganu, Terengganu, Pos Lenjang & Pos Titom, Lipis, Pahang, Kampung Kuala Wau, Maran Pahang, Kampung Gabus, Pasir Mas & Kampung Chap, Bachok, Kelantan, Pos Legap & Kuala Mu, Perak, Kampung Pantai Boring, Beluran, Sabah, Kampung Bungan Kecil & kampung Bungan Besar, Rassau, Sibul Sarawak serta Kampung Medong Hilir & Kampung Medong Hulu, Dalat, Sarawak.

CARING BRIDGE

Caring Bridge merupakan program usaha sama antara agensi kerajaan dan swasta yang bergabung di bawah satu bumbung untuk menawarkan perkhidmatan secara dalam talian (*online services*) terutamanya terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan.

Pelaksanaan program ini adalah dengan memberi tumpuan di kawasan luar bandar, perumahan kos rendah dan perkampungan yang dihuni oleh pelbagai kaum dan menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan kerajaan kerana lokasi yang jauh dari pusat bandar tetapi mempunyai capaian jalur lebar. Program ini telah diadakan pada 22 hingga 23 Oktober 2016 di Cameron Highlands, Pahang dan dihadiri oleh 2 ribu pengunjung.

Aktiviti yang diadakan sempena *Caring Bridge* ini antaranya pameran bergambar dan digital, Kuiz Online Pusat Maklumat Rakyat Peringkat Akhir, Tayangan Mini Planetarium, Telco Mini Centre Mobile (Pusat Perkhidmatan Telekomunikasi Bergerak), Konsert *Cool Zone* PENTARAMA, edaran bahan penerbitan secara percuma, pertandingan mewarna dan lain-lain.

JARINGAN MEDIA DAN PERHUBUNGAN AWAM

JaPen turut memasarkan informasi mengenai dasar dan program kerajaan melalui perkongsian pintar bersama media massa secara meluas, menyelaras liputan media majlis-majlis rasmi kerajaan supaya mendapat liputan terutamanya dalam media arus perdana sebanyak 153 sesi pengurusan media telah dilaksanakan bagi 85 buah acara/majlis rasmi kerajaan bagi tahun 2016.

Di antara Jaringan Media yang telah dilaksanakan oleh JaPen sepanjang 2016 adalah :

- Kembara Media (2)
- *Media Engagement* (19)
- Nota Kepada Pengarang *E-Press* (5,794)
- Pengeluaran Siaran Media (2,268)
- Kad Perakuan Media (3,013)
- Penubuhan dan Pengendalian Pusat Media (23)
- Publisiti dan Promosi Aktiviti Utama Jabatan (28)
- Penerbitan Direktori Media Awam (1)

Melalui Program Kembara Media, aktiviti publisiti dan promosi mengenai projek pembangunan Kerajaan di negeri-negeri yang dilawati telah dapat diperluaskan lagi kepada orang ramai.

Manakala, Jaringan Perhubungan Awam yang telah dilaksanakan oleh JaPen sepanjang 2016 ialah Penempatan Pegawai Perhubungan Awam Kader di Agensi Media, Program Pemantapan Pegawai Perhubungan Awam di Kementerian/Agensi dan di Negeri, serta Pengurusan Aduan Awam.



• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PENTARAMA

PENTARAMA merupakan akronim yang memberi maksud Penerangan melalui Nyanyian, Tarian, Drama dan Sketsa. Konsep "Hiburan Bermaklumat" merupakan garis panduan bagi setiap persembahan PENTARAMA. Ini merupakan kaedah penyaluran maklumat secara bersemuka bagi menerangkan dasar dan program Kerajaan.

Mesej yang diketengahkan melalui persembahan Pentarama adalah untuk memperkukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara menerusi pemahaman dan penghayatan terhadap falsafah, wawasan dan dasar-dasar kerajaan. Penghayatan dasar-dasar kerajaan ini amat penting dalam kalangan masyarakat berbilang kaum demi memastikan kesejahteraan rakyat dapat terus terpelihara.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 300 persembahan PENTARAMA telah diadakan di seluruh negara berbanding dengan sasaran KPI hanya sebanyak 170 persembahan melibatkan penyertaan seramai 1.1 juta masyarakat Malaysia.





• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

BAHAGIAN SIARAN BERITA EHWAL SEMASA (BES)

Bahagian Berita Ehwat Semasa, BES RTM berusaha gigih untuk menjadi gerbang maklumat dengan membuat liputan dan laporan menyeluruh peristiwa yang berlaku dalam dan luar negara secara cepat (*real time*), tepat dan sahih. Liputan dan pelaporan oleh petugas BES disiarkan dalam pelbagai saluran, sama ada melalui segmen Berita TV, Berita Radio dan Ehwat Semasa atau dalam program TV dan Radio jika berita itu dikategorikan sebagai *breaking news*. Bahagian Berita Ehwat Semasa (BES) yang beroperasi berdasarkan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2008 sejak berkuatkuasa mulai 23 Ogos 2013 maju setapak ke hadapan, apabila sanggup memikul cabaran untuk beralih ke versi baru MS ISO 9001:2015. Berita TV dan Ehwat Semasa menyumbangkan kira-kira 64 jam masa siaran seminggu untuk TV1 dan TV2. Manakala Seksyen Berita Radio menyumbang kira-kira 57 jam siaran untuk empat Stesyen Radio Nasional dan disambung siar oleh stesyen-stesyen negeri.

Jumlah itu tidak termasuk siaran langsung tidak berjadual yang dilaksanakan Seksyen Ehwat Semasa dari masa ke masa. Antaranya Siaran Langsung Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan DYMM SPB Yang di Pertuan Agung, Siaran Langsung rumah Terbuka dan Siaran Langsung Maal Hijrah. Semasa Parlimen Bersidang, Siaran Langsung sesi soal jawab selama 2 jam pada hari Isnin hingga Khamis.

LIPUTAN BERITA DALAM NEGARA

Bahagian Berita Ehwat Semasa berusaha memastikan penonton dan pendengar mendapat laporan yang terkini, tepat dan sahih disamping menangkis laporan-laporan yang tular di media sosial. Antara peristiwa besar yang berjaya dilaporkan ialah liputan menyeluruh Pilihan Raya Negeri Sarawak, Pilihan Raya Kecil Sungai Besar dan Pilihan Raya Kecil Kuala Kangsar. Liputan Pilihan Raya Negeri Sarawak Ke-11 bermula dari tarikh hari penamaan calon pada 25 April 2016, undi awal pada 3 Mei 2016 dan hari mengundi pada 7 Mei 2016.

Selain itu liputan menyeluruh turut dibuat untuk Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi Parlimen Kuala Kangsar, Perak dan Sungai Besar Selangor yang dijalankan serentak bermula dari tarikh penamaan

calon yang diadakan pada 5 Jun 2016 manakala pengundian awal ditetapkan pada 14 Jun 2016, dan hari mengundi pada 18 Jun 2016. Tragedi nahas helikopter di Sebuyau pada 5 Mei 2016 yang mengorbankan 6 orang termasuk Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Allahyarham Datuk Noriah Kasnon serta dan Anggota Parlimen Kuala Kangsar, Allahyarham Datuk Wan Mohammad Khairil Anuar Wan Ahmad yang juga Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia turut mendapat liputan oleh kru berita tv yang sedang membuat liputan pilihan raya negeri Sarawak ketika itu. Kebakaran di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah (HSA) Johor Bahru yang menyebabkan enam pesakit meninggal dunia turut berjaya dibuat liputan menyeluruh oleh pihak berita TV dengan bantuan daripada kru negeri Johor pada 25 Oktober 2016.

SLOT BERITA DI SALURAN RADIO

RTM turut menyediakan liputan berita melalui radio iaitu Berita Radio 24/7 melalui Nasional FM. Berita Inggeris, Mandarin dan Tamil bersiaran mulai 6.00 pagi hingga 11.00 malam

LIPUTAN BERITA LUAR NEGARA

Acara-acara besar di luar negara yang melibatkan pemimpin utama Negara turut dibuat liputan oleh petugas Seksyen Berita TV. Undangan oleh Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama kepada sepuluh (10) pemimpin Asia Tenggara termasuk Perdana Menteri buat pertama kalinya untuk menghadiri Sidang Kemuncak Amerika Syarikat-ASEAN di Sunnylands Los Angeles, antara liputan luar Negara yang buat secara menyeluruh oleh Berita TV dari 11 hingga 22 Februari. Sidang kemuncak Sunnylands ini membuka laluan kepada lebih banyak perkongsian strategik antara Amerika dan ASEAN. Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang mengetuai delegasi Malaysia menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Istanbul, Turki juga turut dibuat liputan. Ia bagi membolehkan penonton mendapatkan maklumat mengenai Sidang Kemuncak OIC itu. Ia juga bagi meneliti dan menetapkan hala tuju polisi semua isu yang berkaitan dengan objektif pencapaian OIC serta usaha menyelesaikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh dunia Islam. Suara Malaysia melalui ucapan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada Perbahasan

Umum sesi ke-71 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa Bersatu di New York juga dibuat liputan pada 19 hingga 23 September 2016 .

Stadium Maracana, Rio Brazil merupakan *venue* utama kejohanan yang berlangsungnya acara perasmian, olahraga dan penutupan

Vanda	MTA	Petugas	Studio IBC	OB VAN Hd	EVS
1	1	Jurutera Penyiaran	1	1	
TBC		Pen. Jurutera SOC & MCR		TBC	
		Penerbit Teknik (TP)	1	1	
3(Signal+EVS+NLE)	1	Pen. Jurutera (Sistem)	1	1	1
		Pen. Jurutera (Lampu)	1	1	
1		Pen. Jurutera (M&E)		1	
		Operator Kamera	3	3	
		Operator Audio	2	2	
		Operator Visual Mixer	1	1	
		Operator VTR	1	1	
1		Operator Live Slow-Mo	1	1	1
2		Operator NLE			
8	2	Jumlah	12	12	2

Bilangan pegawai yang bertugas di VANDA, Studio IBC dan SLTV HD semasa program berlangsung.

Dari segi keperluan fasiliti Siaran Langsung pula, Bahagian Operasi Penyiaran telah menggunakan satu (1) *Set Multiple Camera Production* (MCP), sebagai *Video And Audio Distribution System* (VANDA) , satu (1) Studio IBC untuk program siaran di TV1 dan Satu (1) Unit SLTV HD untuk program siaran di TV2. Dari segi keperluan teknikal, kebanyakan peralatan menggunakan fasiliti sedia ada, namun terdapat pertambahan peralatan dengan kos sebanyak RM246,600.00. Bagi pembayaran elauan lebih masa pegawai yang bertugas, sebanyak RM41,535.00 telah dibelanjakan.

LIPUTAN PROGRAM KHAS / ISTIMEWA

Lawatan diraja Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah dan Raja Permaisuri Perak Tuanku Zara Salim ke Radio Televisyen Malaysia (RTM) di Kompleks Angkasapuri. Baginda berdua meluangkan masa kira-kira tiga (3) jam melawat dan melihat lebih dekat operasi siaran televisyen di Wisma TV dan Wisma Radio. Lawatan baginda berdua ke Seksyen berita TV adalah

bagi melihat sendiri bagaimana proses penerbitan berita adalah satu peristiwa yang menjadi kenangan manis kepada warga BES umumnya.

Tahun 2016 juga menyaksikan penyampai berita TV RTM menjadi Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Norashikin Abdul Rahman selepas melangsungkan perkahwinan dengan Sultan Selangor juga antara peristiwa yang menjadi kenangan manis kepada warga berita tv.

LIPUTAN SUKAN OLIMPIK RIO 2016

RTM telah dilantik sebagai Penyiar Rasmi untuk Sukan Olimpik Rio 2016 yang berlangsung pada 6 Ogos 2016 sehingga 22 Ogos 2016. Sebanyak 28 acara sukan olimpik dipertandingkan dalam kejohanan kali ini melibatkan 38 *venue* pertandingan.

Bagi tujuan liputan ini, Seksyen Produksi Siaran Luar TV di bawah Bahagian Operasi Penyiaran telah menggerakkan seramai 36 orang kakitangan teknikal dari Seksyen Siaran Luar TV, Studio dan Seksyen Program Studio. Ini tidak termasuk kakitangan dari Seksyen *Multichannel* dan Seksyen Perkhidmatan Penyiaran Satelit yang bertugas secara sistem giliran (*shift*).

LIPUTAN SUKMA 2016 SARAWAK

RTM juga telah dilantik sebagai Penyiar Rasmi untuk SUKMA 2016 yang berlangsung pada 22 Julai sehingga 31 Julai 2016. Sebanyak 26 acara sukan dipertandingkan dalam kejohanan kali ini melibatkan 21 *venue* pertandingan. Bagi tujuan liputan ini, Bahagian Operasi Penyiaran telah menggerakkan seramai 19 orang kakitangan teknikal dari ibu pejabat dan 32 orang kakitangan teknikal dari RTM Sarawak. Dari segi fasiliti pula, Bahagian Operasi Penyiaran telah menggunakan tujuh (7) set fasiliti Penerbitan *Multiple Camera Production* dimana dua (2) set adalah aset RTM manakala lima(5) set lagi diperolehi dari perkhidmatan sewaan dari syarikat swasta. Kos keseluruhan liputan ini ialah sebanyak RM3,056,623.20 dimana RM3,000,000.00 adalah ditanggung dibawah Kerajaan Negeri dan selebihnya ditanggung oleh pihak RTM.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



Pusat Operasi Siaran RTM di Stadium Sarawak. Venue ini juga merupakan venue utama kejohanan yang berlangsungnya acara perasmian, olahraga dan penutupan.

PROJEK MEDIA CITY

Projek Media City adalah projek utama jabatan yang melibatkan pembangunan infrastruktur dan pemodenan peralatan RTM sejajar dengan perubahan teknologi penyiaran semasa dan persediaan infrastruktur penyiaran berteknologi tinggi selaras dengan pewujudan perkhidmatan TV digital sepenuhnya menjelang tahun 2018.

Kerja-kerja pembangunan sebenar bagi projek ini telah bermula pada akhir tahun 2016 yang melibatkan pembinaan bangunan pejabat baharu setinggi 17 tingkat, sebuah auditorium dan beberapa buah studio TV baharu serta pembekalan peralatan penyiaran di Angkasapuri.

Kerja-kerja awalan projek telah dilaksanakan sepanjang 2016 seperti pengalihan kabel elektrik TNB dari kawasan pembangunan, pembinaan bangunan gantian kepada bangunan yang akan dirobohkan seperti kantin IBC dan stor Masjid Muhammadi, pembinaan *Energy Center* bagi Pusat Siaran TV (TOC) dan pengubahsuaian kafeteria Wisma Berita. Struktur yang akan diroboh adalah Rentak 50, Rumah Wartawan, Pusat Sumber, Rumah Wartawan, Taska Cumi Ciki, Puspanita, Kantin IBC, Astaka, Padang Semarak, Surau Lama dan Kantin TV.



KAP DAN MENYIAPKAN KERJA-KERJA BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR BAGI BANGUNAN BERKOD NOMBOR 8354, 47446 DAN 47447 BANDAR KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.

Artist Impression Bandar Media –Pemandangan dari Masjid Muhammadi Angkasapuri

MESRA JIRAN

Program Mesra Jiran merupakan program penerangan isu berskala kecil melibatkan perbincangan seramai 20 hingga 30 orang di dalam satu-satu majlis. Program ini dilaksanakan di seluruh negara melibatkan setiap Parlimen dan Dewan Undangan Negeri seluruh Malaysia. Sepanjang tahun 2016 sebanyak 6,049 program Mesra Jiran telah berjaya dilaksanakan melibatkan 178,192 orang audien.

Majlis Pelancaran Program Mesra Jiran JASA telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah JASA Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Mohd Puad Bin Zarkashi di Batu Pahat, Johor pada 6 Februari 2016.

PROGRAM TOWNHALL JASA- JELAJAH KAMPUS

Program ini merupakan platform kerajaan khususnya untuk memberi penerangan yang jelas kepada mahasiswa-mahasiswi tentang isu-isu seperti GST, 1MDB, TPPA dan isu-isu lain yang sering menjadi persoalan yang telah dilaksanakan sebanyak enam (6) kali pada tahun 2016.

Bersesuaian dengan Moto JASA, "Memimpin Pendapat Rakyat" (*Leading Public Opinion*), JASA membariskan Panel Pemikir JASA yang berkaliber bagi memberikan penjelasan bagi setiap isu

yang dibangkitkan oleh para mahasiswa melalui pendekatan secara bersemuka dan juga melalui sesi soal jawab secara terus agar mereka mendapat maklumat yang benar dan bukannya hanya terpengaruh dengan maklumat tidak sah yang mereka dapati di media-media sosial.

Majlis Pelancaran JASA *Connectivity* telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Ahmad Razif Bin Abdul Rahman, Menteri Besar Terengganu serta turut dihadiri oleh YBhg Datuk Dr. Mohd Puad Zarkashi, Ketua Pengarah JASA Malaysia. Sebanyak 175 program JASA *Connectivity* telah dilaksanakan sepanjang tahun 2016.



Program Townhall JASA: Jelajah Kampus bertempat di Universiti Islam Malaysia (KUIIM) Masjid Tanah, Melaka pada 8 Mac 2016



Majlis pelancaran JASA *Connectivity* telah dirasmikan oleh YAB. Dato' Seri Haji Ahmad Razif Abdul Rahman, Menteri Besar Terengganu pada 21 April 2016

JASA CONNECTIVITY

JASA *Connectivity* merupakan satu Jawatankuasa pemantapan dan pengukuhan peranan media sosial JASA dalam menjelaskan dasar-dasar Kerajaan dan isu-isu semasa. Ia juga berfungsi menangkis fitnah dan tohmahan pihak-pihak tidak bertanggungjawab secara "real-time" melalui JASA *Update*. Jawatankuasa ini melibatkan penyertaan pemimpin politik, pemimpin masyarakat, pemimpin belia, pemimpin NGO dan penggiat media sosial setempat.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PROGRAM ZIARAH KASIH JASA

Program Ziarah Kasih merupakan sebuah program titik sentuhan anjuran JASA dalam mendekati golongan yang memerlukan melalui pemberian wang sumbangan, penyerahan sumbangan barang keperluan dapur, kemudahan kerusi roda serta aktiviti gotong-royong dan lain-lain.



Program Ziarah Kasih JASA di Pengkalan Chepa dan Bachok, Kota Bharu Kelantan yang diadakan sempena Bulan Ramadhan bagi membantu golongan tidak berkemampuan

MAJLIS SUMBANGAN LANGGANAN AKHBAR NEWS STRAITS TIMES (NST) DAN BERITA HARIAN (BH)

Program Sumbangan Langganan Akhbar *News Straits Times* (NST) dan *Berita Harian* (BH) telah diadakan pada 28 April 2016 di Universiti Kolej Teknologi Sarawak (UCTS). Majlis sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Menteri KKMM, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak yang turut diiringi oleh Ketua Pengarah JASA, Datuk Dr. Mohd Puad Zarkashi melibatkan sepuluh (10) buah sekolah di sekitar Sibu serta sebuah universiti yang terpilih untuk menerima langganan akhbar NST dan BH selama setahun.



Majlis Sumbangan Langganan Akhbar *News Straits Times* (NST) dan *Berita Harian* yang disempurnakan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, bertempat di *University College of Technology, Sarawak* pada 28 April 2016

Selain itu JASA turut komited menjalankan program berbentuk titik sentuhan seperti JASA di Pendalaman yang memfokuskan Negeri Sabah dan Sarawak, Program Ziarah Kasih serta JASA Prihatin.

JASA turut aktif menyampaikan siri penerangan isu-isu semasa kepada rakyat selain mengadakan kursus, siri pameran, penulisan di akhbar dan media sosial serta kaji selidik.

Bermula tahun 2016, JASA telah melaksanakan pelbagai program baru di bawah kepimpinan Ketua Pengarahnya, antaranya program JASA Sepakat yang telah berjaya dilaksanakan sebanyak 193 program di seluruh Negara, JASA di *Facebook* sebanyak 70 program, JASA di Radio dan pelbagai program lagi seperti jadual berikut :

AKTIVITI YANG DIJALANKAN OLEH JABATAN HAL EHWAL KHAS (JASA) SEPANJANG TAHUN 2016

BIL	AKTIVITI/PROGRAM	JUMLAH AKTIVITI	JUMLAH PESERTA
1.	Program <i>Townhall</i> JASA Jelajah Kampus (TJJK)	6	2,525
2.	Program Mesra Jiran (MJ)	6,049	178,192
3.	Peraduan Instagram Merdeka 2016 (#IM2016)	1	4,079
4.	Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Instagram Merdeka 2016 (#IM2016)	1	550
5.	JASA <i>Connectivity</i>	175	-
6.	Kursus Asas Gerak Saraf 2016	1	34
7.	Kursus Moderator 2016	1	16
8.	Perjumpaan Khas KP bersama Pengarah dan Pegawai Parlimen	1	211
9.	JASA Sepakat	198	8,666
10.	JASA <i>Update</i>		
11.	JASA di <i>Facebook</i>		
12.	JASA di Radio		
13.	Sekolah JASA (Modul Latihan Kenegaraan) –Tingkatan Enam Atas/Bawah	13	8,184
14.	Alif Ba Ta (Modul Latihan Kenegaraan) – Pelajar IPTA/IPTS	6	640
15.	Pameran JASA <i>Connectivity</i> Sempena Program Semarak Minda	1	1,000
16.	Doa Untuk Malaysia	1	50,000

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA)

PAMERAN KL CONVERGE 2016

IPPTAR telah menampilkan satu kelainan dalam pameran KL *Converge* 2016 dengan mengetengahkan teknik *camera trick* yang telah menarik minat pengunjung yang teruja melihat hasil bidikan kamera yang dibuat oleh jurugambar IPPTAR.

PAMERAN MINDA @KUCHING, SARAWAK

Sejurus melalui proses penstrukturan semula, Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) yang kini menjadi gedung ilmu pengamal media mengorak langkah pertama memperkenalkan diri kepada masyarakat umum di Pameran Malaysia Inklusif Negara Digital @ MINDA pada 11 hingga 13 Mac 2016 di Tebingan Kuching, Sarawak.

Program yang julung kalinya dianjurkan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) itu bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai kepentingan serta kaedah penggunaan teknologi komunikasi secara lebih berkesan.

Sepanjang program MINDA berlangsung, IPPTAR telah memaparkan maklumat korporat IPPTAR, mengumumkan pembentukan kluster kursus mengikut gugusan dan mengedarkan kalendar kursus bagi Kluster Industri Kreatif, Kluster Komunikasi Strategik serta Kluster Kejuruteraan. Selain itu pengunjung ke ruang pameran IPPTAR boleh menyaksikan persembahan slaid gambar-gambar aktiviti kursus yang dilaksanakan sepanjang tahun 2015 dan berinteraktif dengan pengikut IPPTAR menerusi media sosial.

PAMERAN HARI UNESCO MALAYSIA

Penyertaan IPPTAR dalam pameran tidak terhad kepada acara anjuran KKMM sahaja. Terdahulu pada bulan Mei 2016, kru Pameran dan Aktiviti *Shoot-Edit-Share* turut menjayakan program Sambutan Hari UNESCO Malaysia di Taman Wetland, Putrajaya. Selain IPPTAR, KKMM selaku Jawatankuasa Komunikasi disertai oleh agensi dan jabatan seperti Jabatan Penerangan, Radio Televisyen Malaysia, MyNIC dan FINAS.

Sambutan Hari UNESCO Malaysia bertujuan memperingati penubuhan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada tahun 1946 dan penyertaan Malaysia sebagai ahli pada tahun 1958.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

JABATAN PENGARANG, BERNAMA

Seiring dengan fungsinya sebagai agensi Berita Nasional, Jabatan Pengarang terus berusaha memainkan peranan bermakna dalam menyalurkan maklumat lengkap dan berita sahih, termasuklah bergiat cergas dalam lambakan maklumat melalui pelbagai platform media sosial.

Tiga (3) tunjang utama Jabatan Pengarang iaitu Perkhidmatan Berita Dalam Negeri (PBDN), Perkhidmatan Berita Ekonomi (PBE) serta Perkhidmatan Berita Antarabangsa (PBA) dan kesemuanya menghasilkan sejumlah 100,443 berita, iaitu purata 405 berita sehari sepanjang tahun 2016. PBDN menghasilkan berita terbanyak dengan jumlah 69,668, diikuti oleh PBE sebanyak 28,992 berita. Penutupan Biro Beijing dan Biro New Delhi telah memberi kesan kepada produktiviti PBA tetapi masih berkeupayaan menjana sejumlah 1,783 berita.

Sebanyak 6,659 berita eksklusif dihasilkan di mana PBDN dan Biro-biro Negeri menghasilkan sebanyak 5,160 berita eksklusif, manakala PBE dan PBA pula masing-masing merekod jumlah 1,212 dan 207 berita eksklusif.

Meja Rencana dan Tugas Khas menyumbang sejumlah 754 artikel manakala Meja Mandarin menghasilkan sejumlah 5,926 bahan berita.

Jumlah foto yang dihasilkan pada 2016 ialah sebanyak 60,302 foto. Mulai 2016, Jurufotografi BERNAMA di seluruh negara telah dikerahkan untuk turut membuat rakaman video untuk kegunaan pelbagai platform media sosial BERNAMA dan juga saluran berita BERNAMA *News Channel*.

Bahan berita dihasilkan BERNAMA turut disiarkan secara meluas menerusi BERNAMA *News Channel*, BERNAMA Radio, portal Berita BERNAMA iaitu www.bernama.com, *Facebook*, *Twitter* dan aplikasi mudah alih BERNAMA. BERNAMA menghasilkan berita dalam lima bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Inggeris, Mandarin, Arab dan juga Sepanyol.

Tahun 2016 juga menyaksikan penubuhan Meja Metro yang menjana berita-berita mengenai pelbagai aspek pembangunan *Greater Kuala Lumpur*. Pada bulan Mac, PBDN mewujudkan Meja Multimedia bagi merancang kandungan berita dan maklumat ringkas dan padat melalui pelbagai platform media sosial dalam bentuk *one liner*, infografik dan videografik.

Dalam usaha memantapkan lagi berita BERNAMA, Perkhidmatan Berita Antarabangsa turut memainkan peranan penting dengan menjalinkan kerjasama dengan beberapa agensi berita serantau dan antarabangsa khususnya dalam pertukaran bahan berita, foto dan klip video.

Tahun 2016 juga menyaksikan Unit Perkhidmatan Berita Ekonomi mempergiatkan penghasilan berita mengenai perkembangan ekonomi negara serta penjelasan berhubung GST dan juga kekeliruan berhubung 1MDB.

BERNAMA telah meliputi persidangan dan acara besar sepanjang 2016 antaranya;

- Sidang Kemuncak Pengarang ASEAN
- Pilihan Raya Negeri Sarawak
- Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA)
- Pilihan Raya Kecil Sg. Besar dan Kuala Kangsar
- Istiadat Angkat Sumpah Kabinet Baharu
- Amanat Hari Kebangsaan 2016
- Sukan Olimpik Rio
- Persidangan NBOS/CAPAM
- Liputan Musim Haji 2016
- Pembentangan Bajet 2017
- *Lions Mount Everest Expedition 2016*
- MAHA 2016
- Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-15

BERNAMA NEWS CHANNEL (BNC)

Penjenamaan baru telah diadakan pada 25 Mei 2016 dengan pelancaran logo dan nama baru stesen tv dan pertukaran nama daripada BERNAMA TV kepada BERNAMA *News Channel*. Pelbagai rancangan baharu telah diperkenalkan untuk mencapai sasaran jumlah penonton yang lebih tinggi. Program-program tersebut



• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

adalah *Hijabsters*, *Famous 2 Famous*, *B-File*, Kuasa Pengguna, *Autozone* dan Demam Sabtu.

Siaran Buletin BERNAMA dalam Bahasa Malaysia pukul 10.00 pagi telah mula dilaksanakan sejak 15 Ogos 2016. Siaran Buletin BERNAMA kini mencapai 35 jam siaran dari hari Isnin hingga Ahad. BNC kini menerbitkan enam (6) Buletin BERNAMA dan lima (5) BERNAMA News secara langsung. Program majalah Jurnal BERNAMA, Salam Dari Jakarta, Ruang Bicara, BERNAMA Today, *The Nation* dan Hello Malaysia masih bersiaran.

Kerjasama antara BERNAMA News Channel dan RTM masih diteruskan. Antara lain, BNC mengambil siaran langsung Amanat Hari Kebangsaan, Sambutan Hari Kebangsaan, Pembentangan Bajet 2016, Istiadat Keberangkatan Pulang Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XIV dan Istiadat Keberangkatan Tiba Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XV. Selain www.bernama.com, BNC juga bersiaran menerusi Astro 502, Hyyptv 410, Mytv 121 dan aplikasi mobile (*Android*)

BERNAMA RADIO

BERNAMA Radio ialah stesen radio 24 jam yang dimiliki sepenuhnya oleh BERNAMA dan menampilkan kandungan berita dan maklumat selama 24 jam dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

BERNAMA Radio yang menggunakan *tagline* "Berita Pantas, Info Berterusan", menyampaikan berita pada setiap puncak jam serta minit ke 30. Kandungan lain meliputi laporan lalu lintas, program-program yang disiarkan secara langsung dan interaktif, program-program tajaan, program yang bersifat Islamik, segmen perniagaan dan sukan.

BERNAMA Radio turut menampilkan senarai tetamu yang terdiri daripada pembuat dasar, pemimpin-pemimpin kerajaan, agensi kerajaan, GLC, NGO, persatuan, artis-artis tanah air dan juga ikon perniagaan menerusi dua program utamanya iaitu "Dalam Radar" dan Ala Carte Pagi". BERNAMA Radio juga telah meluaskan siarannya di Kuching dan Kota Kinabalu bermula 15

Mac 2016 menerusi frekuensi FM100.9 dan FM107.9 masing-masing.

BERNAMA Radio turut memberikan keutamaan kandungan di laman media sosial. Jumlah pengikut di laman sosial *Twitter* setakat 31 Disember 2016 adalah seramai 49,000 manakala jumlah sahabat menerusi laman sosial Facebook pula adalah seramai 316,000 di samping 8,600 pengikut di *Instagram*.

Tahun 2016 juga menyaksikan BERNAMA Radio menjalinkan usahasama kandungan secara komersil bersama Kedutaan Besar Republik Indonesia Kuala Lumpur dan China Radio *International* (CRI) di Beijing menerusi program mingguan dan harian.

NAM NEWS NETWORK (NNN)

NAM NEWS NETWORK (NNN) (www.namnewsnetwork.org) secara berterusan memainkan peranannya sebagai sesawang berita rasmi untuk 120 anggota Negara-negara Pergerakan Berkecuali (NAM). NNN juga menggabungkan *Asian Net* dan *Business Wire*, dua (2) perkhidmatan BERNAMA dalam Unit MREM. Sesawang berita NNN kini memasuki tahun ke-10 operasinya dan mengedarkan berita-berita dalam bahasa Inggeris, Sepanyol dan Arab.

Dalam tempoh Januari hingga Disember 2016 sebanyak 375,202 Berita Bahasa Inggeris, 29,155 Berita Bahasa Sepanyol dan 39,899 Berita Bahasa Arab telah dimuat naik. NNN juga menyediakan berita daripada agensi-agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), *Asian Development Bank*, *International Monetary Fund*, *World Wild Life Fund* dan lain-lain pertubuhan bukan kerajaan antarabangsa mengenai pembangunan, alam sekitar, kesihatan dan lain-lain

B. MEMPERKASAKAN PENGURUSAN MAKLUMAT STRATEGIK NEGARA

PENGURUSAN ISU DAN KAJIAN

Pusat Pengurusan Maklumat Strategik

Bagi tahun 2016 Pusat Pengurusan Maklumat Strategik telah menyediakan sebanyak 614 Laporan Pemantauan dan Analisis Isu Harian (Berita). Selain itu, sebanyak 89 Laporan Analisis Media dan Media Sosial Mengenai Isu-isu Khas turut disediakan. Cawangan ini juga telah menyediakan sebanyak 49 Laporan Analisis Mingguan Mengenai Isu Nasional untuk pelaporan kepada Jawatankuasa Stratcomm.

Cawangan Pengesan Siaran

Cawangan Pengesan Siaran bertanggungjawab dalam memantau 17 stesen tv dan 23 stesen radio dalam dan luar negara bagi mengenal pasti isu-isu yang disiarkan melalui stesen-stesen tersebut. Sepanjang tahun 2016, cawangan ini telah menyediakan sebanyak 76 laporan pemantauan bagi stesen tv dan 84 laporan bagi stesen radio.

Di samping itu, cawangan ini turut menyediakan sebanyak 16,707 laporan verbatim mengenai rancangan berita dan program yang dikenal pasti melalui stesen tv dalam dan luar negara, manakala sebanyak 13,880 laporan verbatim turut disediakan bagi stesen radio dalam dan luar negara.

Cawangan Call Center

Cawangan *Call Centre* telah melaksanakan enam (6) kajian pendapat awam mengenai isu-isu semasa melalui temu bual telefon bagi tahun 2016. Di samping itu, sebanyak 30 bahan infostatik mengenai trend persepsi rakyat berdasarkan hasil dapatan kajian telah disediakan.

Bagi tahun 2016, pangkalan data responden kajian telah bertambah sebanyak 44,663 menjadikan jumlah keseluruhan data meningkat kepada 1.85 juta responden di dalam sistem *Call Centre*.

Taklimat Isu Semasa

Pada tahun 2016, sebanyak tiga (3) program Taklimat Isu Semasa dijalankan di seluruh negara untuk memberi penerangan dan kesedaran kepada masyarakat berkenaan sesuatu isu.

Tiga (3) program taklimat yang telah diadakan ialah Taklimat Pilihan Raya Negeri Sarawak pada 21 April 2016, Taklimat Pilihan Raya Sungai Besar dan Kuala Kangsar pada 2 dan 3 Jun 2016 dan turut diadakan Taklimat Simulasi Pilihan Raya Umum ke-14 pada 13 November 2016.

Taklimat ini merupakan program turun padang JaPen yang sejak dahulu membantu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam memastikan demokrasi berjalan lancar melalui kempen keluar mengundi, pendidikan tatacara dan kaedah mengundi untuk siaran media dan komunikasi bersemuka menjelang pilihan raya umum.

Keperluan untuk melaksanakan program ini adalah selari dengan peranan JaPen sebagai agensi yang memasarkan maklumat Kerajaan yang diyakini dan sah.

MyAlert

Walaupun pemasaran maklumat melalui media siber merupakan kaedah baharu bagi menembusi khalayak, namun tidak dapat dinafikan bahawa kaedah secara konvensional masih diberi perhatian.

JaPen juga mewujudkan sistem pemantauan dan menyediakan laporan amaran awal hasil daripada tugas lapangan, risikan dan pemantauan gerak saraf serta perang saraf.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

LAPORAN MYALERT TAHUN 2016

BIL	LAPORAN	BILANGAN LAPORAN
1	E-akhbar	6,600
2	Laporan Reaksi Am	58
3	Laporan Khas	29
4	Laporan Khas Politik	52
5	Laporan Risikan	546
6	Laporan Pemantauan	12
7	Laporan Peristiwa & Isu Tempatan	30,524
8	Sinopsis Isu Mingguan (SIM)	52
9	Laporan <i>StrattComm</i>	52
10	Laporan Analisis Sosio Politik	48
11	Laporan Analisis Sentimen di Media Sosial	43

Berdasarkan laporan tersebut, JaPen akan mengumpul dan menganalisis maklum balas rakyat untuk dijadikan input penting kerajaan bagi tujuan pertimbangan, menambah baik dan menggubal dasar pembangunan negara.

MEDIA SOSIAL

Viral

Pada tahun 2016, JaPen telah menggiatkan lagi program pemasaran maklumat secara maya berkonsepkan *viral* bagi menghasilkan penembusan kepada kumpulan sasar yang lebih luas dan pelbagai. Bagi tujuan ini, JaPen telah menceburi alam siber secara agresif melalui *Facebook*, *Twitter*, *Blog*, *Youtube*, JaPen TV dan Portal MalaysiaAktif.

JaPen telah mewujudkan sistem pemantauan khususnya melalui saluran media siber dan ini mempercepatkan pemakluman laporan amaran awal kepada pihak berkepentingan mengenai isu-isu semasa. Hasil daripada pemantauan tersebut juga dapat membantu JaPen dan Kerajaan untuk menyampaikan maklumat timbal balas yang lebih sahih bagi menjawab sebarang kekeliruan yang ditimbulkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

JaPen mempergiatkan lagi usaha penyebaran maklumat dan memperbetulkan persepsi masyarakat ke atas Kerajaan melalui saluran JaPen TV di *Youtube*. Kempen-kempen dan dasar-dasar Kerajaan yang disampaikan melalui *Youtube* ini adalah dalam bentuk video kreatif. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 488 video telah dihasilkan dan jumlah tontonan mencecah 1.1 juta.

Page Facebook JaPen pula telah mendapat sambutan yang baik dari pengguna yang kerap memberi maklum balas ke atas isu-isu yang dibincangkan. *Page* ini berjaya menarik perhatian seramai 278,032 orang ahli. Bilangan *likes* bertambah kepada jumlah 279,783 dengan anggaran pertambahan antara 800 hingga 900 *likes* seminggu.

JaPen turut menggunakan saluran *Twitter* sebagai salah satu medium secara maya untuk tujuan penyebaran maklumat berkaitan aktiviti dan dasar Kerajaan. Sepanjang tahun 2016, sebanyak 4,009 *tweet* berjaya disebarkan melalui akaun *Twitter* JaPen dan jumlah *followers* meningkat ke 46,590.

Begitu juga bagi pemasaran maklumat melalui blog-blog rasmi yang mana sepanjang tahun 2016 sejumlah 20 blog telah dipantau manakala sebanyak 3,493 artikel telah diterbitkan.

Hasil daripada pemantauan ini membolehkan JaPen merancang program-program penjelasan isu dan aktiviti *rebuttals*. Program dan aktiviti ini wajar demi mengelakkan kemungkinan berlakunya suasana tegang akibat penerimaan maklumat yang tidak tepat.

Selain itu, media sosial juga amat relevan dan efektif dalam aktiviti pengurusan persepsi masyarakat dan sebagai medium menyalurkan informasi awam secara interaktif kerana kebergantungan masyarakat kini kepada aplikasi media sosial amat tinggi dan meluas.

C. MEMPERKASAKAN PERPADUAN DAN JATI DIRI BANGSA

PROGRAM KENEGARAAN

Sejumlah 3,198 program dan aktiviti berbentuk kenegaraan telah dilaksanakan bagi menyemarak, menyubur dan memelihara semangat patriotisme, jati diri serta cinta terhadap negara dikalangan rakyat Malaysia.

PROGRAM & AKTIVITI KENEGARAAN JAPEN TAHUN 2016

BIL	PROGRAM & AKTIVITI	BILANGAN
1	Kelab 1Malaysia	15
2	Sketsa Rukun Negara	15
3	Amalan Demokrasi Berparlimen Peringkat Sekolah	2,412
4	Kempen Kibar Jalur Gemilang	15
5	Kembara Merdeka Jalur Gemilang	149
6	Kembara Jalinan Kasih	2
7	Pertandingan Keceriaan Bulan Kemerdekaan	540
8	Pidato 1 Malaysia	17
9	Pengisahan Kenegaraan	17

Kelab 1Malaysia

JaPen juga dalam melaksanakan fungsinya untuk memberi kesedaran dan menyemai perasaan cintakan negara dalam kalangan masyarakat khususnya Generasi Y berbilang kaum telah merangka dan melaksanakan program-program yang menjurus kepada matlamat tersebut. Menyedari kepentingan golongan pelajar dalam pembangunan jati diri dan bina bangsa, program di peringkat sekolah turut disasarkan. Strategi ini dilaksanakan melalui penubuhan Kelab 1Malaysia di sekolah-sekolah seluruh negara.

Sehingga tahun 2016, terdapat sebanyak 804 Kelab 1Malaysia telah ditubuhkan di sekolah-sekolah menengah seluruh negara. Setiap tahun juga, sekolah-sekolah ini akan menyertai dua program utama anjuran Jabatan Penerangan Negeri yang dilaksanakan pada peringkat negeri masing-masing. Dua

program utama tersebut ialah Program Khemah Kelab 1Malaysia dan Pertandingan Sketsa Rukun Negara Kelab 1Malaysia.

Setiap negeri akan melaksanakan satu Program Khemah Kelab 1Malaysia kecuali Sarawak dan Sabah yang melaksanakannya sebanyak dua kali setahun. Program Pertandingan Sketsa Rukun Negara juga dilaksanakan sekali sahaja di peringkat negeri masing-masing dalam tempoh setahun. Kedua-dua program ini adalah merupakan usaha JaPen dalam membantu Kerajaan untuk menyemai dan meningkatkan semangat patriotik serta cintakan negara di kalangan para pelajar sekolah menengah.

Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Tahun 2016

Antara aktiviti utama penglibatan JaPen di peringkat kebangsaan sepanjang tahun 2016 ialah Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2016 yang bertujuan untuk menggalakkan rakyat Malaysia dan pelbagai agensi agar menyemarakkan semangat kemerdekaan dengan mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang bulan kemerdekaan negara tahun 2016. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Tawau, Sabah.

Sebanyak 16 program Kempen Kibar Jalur Gemilang dengan penglibatan sebanyak 1.2 juta orang awam telah dijalankan di seluruh negara manakala 149 program Kembara Jalur Gemilang pula disertai seramai 89,400 orang. Kemuncak kepada acara tersebut ialah Sambutan Hari Kemerdekaan ke-59, yang mana JaPen telah turut serta membantu dalam persiapan dan memeriahkan lagi sambutan berkenaan.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KOMUNITI 1MALAYSIA (K1M)

JaPen telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkukuh dan memperluaskan peranannya sebagai agen perubahan di peringkat akar umbi. Antara aktiviti yang menjadi fokus utama ialah mengukuhkan jaringan komunikasi melalui Komuniti 1Malaysia (K1M) dengan pendekatan baharu dalam pemasaran maklumat.

Bagi mencapai matlamat tersebut, JaPen telah mengadakan Pelan Transformasi Komuniti 1Malaysia 2016-2020 seperti yang dibentang di Konvensyen Komuniti 1Malaysia di Bintulu pada tahun 2015. Kandungan pelan tersebut telah menetapkan lima (5) Teras Strategik Pelaksanaan:

- Pemantapan Struktur Organisasi
- Kepimpinan Strategik
- Manfaat Teknologi Maklumat
- Memperkasa Ekonomi
- Memperkukuh Integrasi dan Perpaduan Nasional.

Selaras dengan peranan K1M sebagai ejen pemasaran maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan yang jangkauannya meluas sehingga ke peringkat negeri, daerah, kawasan bandar dan kawasan luar bandar maka ia dijadikan sebagai platform untuk menyampaikan informasi secara terus dan bersemuka kepada rakyat dengan penglibatan agensi lain melalui *National Blue Ocean Strategy* (NBOS). Ia turut memperluaskan kerjasama tersebut dengan agensi-agensinya di bawah KKMM.

Pada tahun 2016, sejumlah 13 kursus perniagaan *online* telah diadakan kepada usahawan K1M diseluruh negara bersama MYNIC sebuah agensi di bawah KKMM. Latihan ini melibatkan seramai 210 usahawan K1M diseluruh negara.

Kerjasama juga telah diadakan dengan MDEC yang memperkenalkan program eRezeki dan eUsahawan. Melalui program tersebut kursus eRezeki telah diadakan kepada ahli-ahli K1M di tiga (3) buah negeri iaitu Perak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor dengan mendapat kerjasama Kolej Komuniti setempat. Sehingga tahun 2016, sebanyak 1,500 buah

K1M telah ditubuhkan dengan keahlian melebihi 60,000 orang dengan menggabungkan komuniti Melayu, Cina, India dan lain-lain. Penubuhan K1M baharu pada tahun 2016 pula adalah sebanyak 41 K1M dengan bilangan penyertaan seramai 1,640 orang.

K1M telah mensasarkan penggunaan media sosial sebagai strategi jaringan rangkaian maklumat yang akan diwujudkan secara berperingkat. Pada tahun 2016, sejumlah 544 laman *facebook* telah dibangunkan dan dijangka tahap ketersediaannya mencapai 80% menjelang akhir tahun 2020.

Penubuhan Sukarelawan K1M di seluruh negara merupakan satu lagi pencapaian JaPen yang membanggakan. Tujuan utama Sukarelawan K1M ditubuhkan ialah sebagai 'mata dan telinga' JaPen di peringkat lapangan dan juga untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti titik sentuhan berkonsepkan gotong-royong. Terdapat lebih 20,000 ahli K1M dengan kepakaran dalam pelbagai bidang telah menganggotai Sukarelawan K1M ini.

GEN Y

Apa Kata Gen Y

Dalam memenangi hati dan minda rakyat, JaPen turut memberi fokus untuk memberi peluang kepada pelapis kepimpinan negara bersuara, menghargai keterbukaan dan menganjurkan pembaharuan yang memberi kesan positif terhadap kesejahteraan hidup rakyat Malaysia. Di antara program yang telah dilaksanakan oleh JaPen adalah Apa Kata Gen Y, Program Diskusi Demokrasi Berparlimen dan Pewaris Muda.

Program Apa Kata Gen Y merupakan aktiviti berbentuk forum ilmiah yang melibatkan pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS). Program ini memberi peluang kepada generasi muda menyuarakan pandangan dan pendapat kearah menyemarakkan lagi semangat patriotisma dikalangan mereka. Program ini adalah berbentuk forum yang dikendalikan oleh seorang moderator daripada kalangan pensyarah bersama empat (4) orang panel pelajar pelbagai kaum daripada universiti yang sama.

Sepanjang 2016, program ini telah dilaksanakan di 11 buah IPTA/ IPTS dengan jumlah peserta sebanyak 7,210 orang mahasiswa dan mahasiswi. IPTA/IPTS yang terlibat adalah seperti Politeknik Sultan Mizan, Terengganu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim Perak, Institut Latihan Perindustrian Sandakan, Sabah, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Politeknik Balik Pulau, Pulau Pinang, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kampus Muadzam Shah, Pahang, UiTM Pasir Gudang, Johor dan Kolej Matrikulasi, Wilayah Persekutuan Labuan.

Pewaris Muda

Program Pewaris Muda diadakan sekali setahun di peringkat negeri melibatkan semua negeri dan sekali setahun di peringkat kebangsaan. Peserta terdiri daripada pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) daripada pelbagai kaum.

Sepanjang 2016, program ini telah diadakan sebanyak 16 kali iaitu di 15 buah negeri dan satu (1) di Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Kampung Payang Kayu, Hulu Terengganu,

Terengganu. Secara keseluruhannya, program ini melibatkan penyertaan seramai 1,650 peserta.

LIPUTAN KEPULANGAN ATLET SUKAN OLIMPIK RIO 2016

Liputan dan lintas langsung dari KLIA Sepang bagi menyambut kepulangan atlet Sukan Olimpik Rio 2016 yang membawa pulang empat perak dan satu gangsa turut disiarkan secara *real time* pada 24 Ogos

Begitu juga dengan kepulangan kontinjen Sukan Paralimpik Rio 2016 di KLIA pada 22 September yang disambut meriah atas kejayaan meraih tiga emas dan satu gangsa pada Sukan Paralimpik di Rio de Janeiro sekali gus meletakkan negara di tangga ke-36 dalam kalangan 163 negara yang bertanding turut disiarkan secara langsung.



• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



Program Doa Untuk Malaysia yang diadakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2016 pada 15 Ogos 2016 bertempat di Dataran Merdeka turut dihadiri oleh YAB Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia

PROGRAM DOA UNTUK MALAYSIA

Program Doa Untuk Malaysia telah diadakan pada 15 Ogos 2016 bertempat di Dataran Merdeka bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Tahun 2016 yang bertemakan #sehatisejiwa. Penganjurannya adalah sebagai tanda kesyukuran di atas nikmat kemerdekaan yang dikecapi oleh seluruh rakyat Malaysia.

Program ini berjaya mengumpulkan 30,000 khalayak yang turut bersama-sama mendoakan kesejahteraan Negara. Tahun ini merupakan tahun ketiga pelaksanaan Program Doa Untuk Malaysia. Turut dilaksanakan Program *Pray For Malaysia* melibatkan penganut agama Hindu, Buddha, Sikh dan Kristian di sekitar Lembah Kelang sepanjang Bulan Kebangsaan.



Program Doa Untuk Malaysia yang diadakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2016 pada 15 Ogos 2016 bertempat di Dataran Merdeka turut dihadiri oleh YAB Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia



Program Doa Untuk Malaysia (*non-muslim*) yang diadakan di Sri Maha Mariamman Temple Taman Sri Muda, Shah Alam, Selangor sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2016 pada 15 Ogos 2016



Antara puluhan ribu khalayak yang hadir di Program Doa Untuk Malaysia yang diadakan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2016 pada 15 Ogos 2016 bertempat di Dataran Merdeka turut dihadiri oleh YAB Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia



Program Doa Untuk Malaysia (*non-muslim*) yang diadakan oleh Persatuan Penganut Agama Buddha (Jinjang *Buddhist Association*) Kepong, Kuala Lumpur sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2016 pada 15 Ogos 2016

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

MODUL LATIHAN KENEGARAAN- SEKOLAH JASA

Bermula tahun ini JASA telah menganjurkan Modul Latihan Kenegaraan Sekolah JASA bagi pelajar-pelajar Tingkatan 6 Atas dan 6 Bawah seluruh negeri di Semenanjung. Matlamat utama penganjuran program adalah untuk melahirkan generasi pelapis kepimpinan negara yang memahami asas-asas kenegaraan Malaysia selain menyediakan jaringan keilmuan dan kepimpinan di antara pelajar-pelajar di sekolah menengah atas dan kepimpinan negara. Sebanyak 13 program telah berjaya dilaksanakan melibatkan 8,184 peserta .

PERADUAN INSTAGRAM MERDEKA 2016 #SEHATISEJIWA

Peraduan Instagram Merdeka 2016 #sehatisejiwa merupakan kesinambungan pertandingan Instagram Merdeka #im56, #im57 dan #im58 yang telah dilaksanakan oleh JASA sempena Sambutan Hari Kebangsaan.

Sesuai dengan aplikasi *Instagram* itu sendiri yang menyediakan platform kepada penggunanya dalam mengekspresi sesuatu melalui gambar dan video, peraduan ini dilihat dapat mencerminkan Negara Malaysia sebagai sebuah Negara berbilang kaum. Sebanyak 4,079 jumlah penyertaan telah diterima oleh JASA sepanjang peraduan berlangsung.



Sesi "wefie" antara peserta sekolah JASA *wefie* bersama Datuk Dr. Mohd Puad Zarkashi, Ketua Pengarah JASA Malaysia dan penyampai modul sebelum tamatnya modul latihan kenegaraan Sekolah JASA peringkat Negeri Johor yang diadakan pada 22 & 23 Julai lalu.



Sesi bergambar Timbalan Menteri KKMM dan Ketua Pengarah JASA dengan pemenang Peraduan *Instagram* Merdeka 2016 #SehatiSejiwa

JASA SEPAKAT

JASA Sepakat adalah program yang berbentuk penyusunan akar umbi menerusi pendekatan halaqah ilmu di rumah-rumah tertentu di 555 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Pengisian bacaan yassin dan tahlil arwah serta tazkirah ringkas berbentuk "Tabayyun" turut diadakan dengan penglibatan seramai 555 orang Muzakir JASA dalam usaha meningkatkan kesedaran akar umbi akan bahayanya fitnah dan juga musibah terhadap penyebaran berita palsu di media sosial disamping mengingatkan kewajipan menjaga perpaduan dan kesatuan ummah.

Peraksanaan program ini telah bermula sejak tahun 2016 dan sehingga kini sebanyak 198 aktiviti telah dilaksanakan dengan kehadiran seramai 8,666 orang.



Majlis Pelancaran JASA Sepakat peringkat Negeri Johor anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) pada 17 November 2016 di Madrasah Tahfiz Kiyai Sohali Solihin, Kampung Sri Merlong, Rengit, Batu Pahat, Johor.

JASA PRIHATIN-MAJLIS SUMBANGAN GELANGGANG FUTSAL DI BA'KELALAN, SARAWAK

Sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2016, JASA telah mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Gelanggang Futsal di Kampung Long Langai, Ba'kelalan yang telah disempurnakan oleh Datuk Dr. Mohd Puad Zakarshi, Ketua Pengarah JASA Malaysia.

Gelanggang Futsal JASA merupakan salah satu kemudahan buat para belia di sini dan sekitarnya dalam melakukan aktiviti riadah melalui sukan futsal agar terhindar dari gejala sosial dengan melakukan aktiviti yang berfaedah.



Perasmian Gelanggang Futsal JASA di Kampung Long Langai Ba'kelalan, Sarawak pada 31 Ogos 2016 oleh Ketua Pengarah JASA Malaysia

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PAMERAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG

Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang pada 6 Ogos 2016 di Tawau, Sabah telah memberi peluang kepada kru Pameran dan Aktiviti *Shoot-Edit-Share* daripada Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) untuk bersama-sama menyertai program pameran.

IPPTAR telah berkolaborasi dengan TawauFM dalam menganjurkan peraduan kuiz IPPTAR dan turut mengadakan pertandingan mewarna bertemakan Merdeka untuk kanak-kanak serta diikuti Klinik Bimbingan Kamera Pegun yang menyasarkan golongan remaja. Selain itu, permainan menyusun *puzzle* gambar Kompleks IPPTAR yang disediakan turut menguji minda pengunjung dewasa,

Namun apa yang lebih penting mesej mengenai peranan IPPTAR sebagai pusat kecemerlangan latihan dalam bidang Industri Kreatif dan Strategik Negara telah berjaya disebarkan hingga ke Sabah.

JENJALAN SEHATI SEJIWA IPPTAR @ MENARA KUALA LUMPUR

Lebih 100 orang warga kerja Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) mengetuai warga kota Kuala Lumpur dalam melakar sejarah menyatakan apresiasi merdeka dengan berjalan kaki beramai-ramai dari pintu gerbang Menara Kuala Lumpur hingga ke puncak bukit yang menempatkan bangunan ikonik negara.

Acara "Jenjalan Sehati Sejiwa IPPTAR @ Menara Kuala Lumpur" itu dianjurkan oleh IPPTAR dengan kerjasama Stesen Radio Ibu Kota, KLFM, Menara Kuala Lumpur dan Balai Seni Visual Negara.







LAPORAN TAHUNAN **2016**

TERAS
Menggerak
Ekonomi
Digital

3

79 //

TERAS 3

Menggerakkan
Ekonomi
Digital

Ekonomi digital kini telah berkembang pesat dan memberikan pelbagai peluang dan potensi kepada sesiapa yang ingin mengusahakannya. Melalui ekonomi digital juga, kita boleh memasarkan produk, perkhidmatan dan perniagaan dari satu tempat, ke serata dunia disebabkan teknologi digital yang sedang digunakan sekarang ini. Sehubungan itu, Ekonomi digital bukan hanya sebuah cabang ekonomi tetapi adalah salah satu komponen asas yang utama bagi memacu dan pemangkin ekonomi keseluruhan.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian dan Jabatan/Agensi pada tahun 2016. Antara agensi yang terlibat dalam Teras 3 : Menggerakkan Ekonomi Digital adalah Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), MYNIC dan juga Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Antara program utama berimpak tinggi di bawah Teras Strategik 3 ini adalah memangkin transformasi ekonomi dan gaya hidup digital dan membangunkan modal insan digital.

A. Memangkin Transformasi Ekonomi Dan Gaya Hidup Digital

i. MyDigitalmaker Movement

Dalam membina model ekonomi yang maju, keterangkuman digital adalah antara aspek penting kerana modal insan merupakan pemacu dan pemain utama kepada faktor produktiviti. Salah satu daripada lima (5) pemangkin Ekonomi Digital adalah pembangunan bakat tempatan.

Untuk memajukan Ekonomi Internet, Perdana Menteri melancarkan pergerakan #mydigitalmaker pada 2016 yang merupakan inisiatif MDEC untuk memupuk

minat dan kemahiran pelajar Malaysia untuk menjadi *innovator* digital masa depan. Pergerakan ini melibatkan penerapan pemikiran berasaskan komputer ke dalam kurikulum sekolah oleh Kementerian Pendidikan dalam memupuk potensi muda "penghasil digital" oleh industri dan universiti melalui aktiviti ko-kurikulum.

Pergerakan ini melibatkan semua sekolah kerajaan di seluruh negara dan memberi impak kepada lebih daripada 10,000 pelajar. Usaha ini akan diteruskan ke peringkat lebih tinggi dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk mengukuhkan model kolaborasi antara industri teknologi digital dan kursus pengajian tinggi.



• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA





• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

ii. **eDagang**

Menurut kajian A.T. Kearney di bawah Pelan Strategik eDagang Kebangsaan, Malaysia berada pada titik perubahan pertumbuhan eDagang yang memerlukan penglibatan dan sokongan Kerajaan.

Bagi Malaysia mempertingkatkan pertumbuhan eDagang, ia memerlukan sokongan Kerajaan. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif seperti #MYCyberSALE. Inisiatif #MYCyberSALE yang bermula pada tahun 2014 telah mencapai RM67juta Nilai Pasaran Kasar (GMV), RM117juta pada 2015 dan RM211 juta pada 2016.

Kempen #MYCyberSALE juga telah membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). #MYCyberSALE yang dilaksanakan oleh MDEC telah berjaya menarik penyertaan 75% PKS daripada eTailers yang menyumbang RM94juta daripada Nilai Pasaran Kasar RM211juta yang dicapai pada 2016.

iii. **Analisis Data Raya atau Big Data Analytics**

Sehingga Ogos 2016, Malaysia telah menarik sejumlah 22 syarikat BDA global dari 6 negara. Ini merupakan bukti pencapaian dan kemajuan negara untuk menjadi *hub* penyelesaian utama BDA di Asia Tenggara.



Kempen #MYCyberSALE



- KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

MDEC berperanan untuk menjadikan negara sebagai *hub* dalam penyelesaian BDA serantau serta dalam menyampaikan nilai dan penyelesaian baru kepada semua sektor. Untuk menyampaikan matlamat ini, MDEC telah mewujudkan ADAX (*ASEAN Data Analytics Exchange*) yang merupakan platform serantau yang bertujuan untuk merintis penyelesaian melalui data analisis dan menyediakan platform kerjasama antara syarikat awalan BDA dan syarikat "accelerators".

Melalui pelbagai aktiviti pembangunan bidang BDA ini, MDEC telah melaksanakan program untuk menarik minat dan penglibatan sektor awam dan swasta. Antara program yang dilaksanakan termasuk seminar *Big Data Week Asia 2016* iaitu acara tahunan BDA yang terbesar di rantau ini. Acara ini yang disokong oleh 16 acara satelit lain, telah berjaya menarik lebih 3,500 peserta. Di samping itu, acara *Big App Challenge (BAC) 3.0*, di mana pemenang program *hackathons* telah beri bimbingan untuk ke peringkat yang lebih tinggi. Untuk edisi 2016, BAC telah menarik lebih 1,500 peserta dari lebih 200 pasukan untuk membangunkan aplikasi dan penyelesaian BDA.

Bagi tahun 2017, MDEC berharap untuk mempergiatkan usaha yang akan mempercepatkan pertumbuhan Internet Ekonomi. Sokongan yang kuat daripada kerajaan akan membantu dalam mencapai matlamat kita dan mengukuhkan kedudukan Ekonomi Internet Malaysia di dalam ASEAN.





KreatifMarket.My

LAPORAN TAHUNAN 2016

iv. **KreatifMarket.My**

Sejajar dengan galakan kerajaan dalam dasar pembangunan industri kandungan kreatif di Malaysia, MYNIC melalui *kreatifmarket.my* telah mencipta sebuah platform pemasaran kandungan kreatif digital khusus buat para usahawan digital dan peminat karya kreatif terutamanya jurugambar dan pereka bentuk untuk mempamerkan, menjual dan membeli karya kreatif.

Setiap karya kreatif yang dihasilkan boleh dimuat naik di dalam portal *kreatifmarket.my* di mana setiap karya tersebut akan dinilai dari pelbagai perspektif seni seperti kualiti, tema, teknik dan sebagainya. Setelah melalui proses penilaian, karya-karya tersebut akan dipamerkan di dalam portal untuk dijual.

Para pembeli berdaftar boleh mendapatkan variasi koleksi karya yang telah dimuat naik mengikut kategori – kategori yang telah ditetapkan seperti kebudayaan, alam semula jadi, abstrak dan sebagainya. Setiap karya yang dimuat naik akan dibayar berdasarkan jumlah permintaan di mana penghasil karya tersebut akan menerima komisyen dengan setiap satu pembelian. Semakin tinggi muat turun daripada pengguna semakin meningkat jumlah bayaran yang akan diterima.

Untuk menjamin keberkesanan *kreatifmarket.my* beberapa siri latihan bersama pelajar – pelajar universiti daripada UiTM, UniKL dan juga Unisel serta ujian telah dijalankan bagi memastikan fungsi *kreatifmarket.my* mencapai objektif secara tidak langsung memberi kemudahan serta kepuasan kepada para pengguna.

kreatifmarket.my dijangka akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2017 dan akan sedikit sebanyak memberikan impak kepada pembangunan industri kandungan kreatif serta memberi peluang kepada para karyawan digital untuk menjana pendapatan dan berkembang sepenuhnya pada masa akan datang.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

v. *Fiesta Blogshop X KL Converge! 2016*


Fiesta Blogshop 2016 tampil semula dengan konsep yang lebih menarik pada 22 hingga 24 September 2016 bersempena dengan program *KL Converge! 2016* yang berlangsung di Kuala Lumpur *Convention Centre* dengan mengumpulkan pakar-pakar daripada bidang seperti multimedia, aplikasi, internet dan kandungan kreatif untuk berkongsi pengalaman, mempamerkan karya serta mengangkat kejayaan dan peluang dalam bidang digital.

Objektif utama penganjuran *Fiesta Blogshop* kali ini adalah untuk menyediakan platform kepada usahawan-usahawan dalam talian untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan masing-masing kepada orang ramai. Secara tidak langsung memberikan pengalaman yang

bermakna kepada komuniti usahawan dalam talian untuk mengembangkan lagi perniagaan serta bertemu secara terus dengan pelanggan masing-masing. Di samping itu, para tetamu yang hadir juga berpeluang untuk menyaksikan pameran-pameran daripada industri media dan kreatif.

Seramai 30 usahawan dalam talian terpilih berkumpul di bawah satu lokasi bagi mempromosikan variasi produk masing-masing seperti tudung, pakaian, aksesori, buku, perkhidmatan kayu cetak dan banyak lagi. Terdapat banyak aktiviti menarik yang dijalankan bagi memeriahkan program dan menghiburkan para tetamu yang hadir antaranya ialah persembahan daripada artis berkumpul serta penampilan istimewa selebriti-selebriti terkenal seperti Ronnie Hussein, Mira Filzah, Drama Band, Dayang Nurfaezah dan Aweera.





LAPORAN TAHUNAN 2016

Para tetamu juga berkesempatan untuk menyertai pelbagai aktiviti menarik seperti permainan, kuiz dan berpeluang untuk bergambar bersama selebriti sekali gus memeriahkan lagi sambutan program dan di tambah lagi dengan promosi produk di atas pentas oleh para vendor menggamatkan lagi suasana *Fiesta Blogshop 2016*.

Secara keseluruhan, *Fiesta Blogshop 2016* berjaya mencapai objektif dan MYNIC selaku penganjur berharap akan menganjurkan lagi program tersebut pada masa akan datang dengan aktiviti yang lebih menarik dan meriah.

vi. Inisiatif Gaya Hidup Digital Malaysia

Inisiatif Gaya Hidup Digital Malaysia (DLM) merangkumi lima (5) ekosistem *Internet of Things* (IoT) penting dalam teknologi ICT dan industri iaitu Pengangkutan, Pertanian, Penjagaan Kesihatan, Jejak & Kesan, dan Runcit & Pembayaran.

a. Kerjasama dengan Industri

Pengeluaran *Request for Proposal* (RFP) kepada industri untuk memilih dan melaksanakan cadangan projek yang menjurus kepada ekosistem yang telah disenaraikan. Projek-projek terpilih dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2017. Pada 26 Julai 2016, MCMC bersama Intel dan GSI Malaysia telah menganjurkan Seminar dan Pameran IoT.

b. Kerjasama dengan Komuniti

Penganjuran bengkel *myMaker* dan IoT kepada pelajar-pelajar sekolah dan universiti. Pada 13-14 Mei 2016 dan 21-22 Oktober 2016, Bengkel Pembangunan Industri Robotik dan Dron telah diadakan di Kota Belud dan Kemaman.

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Fiesta Blogshop X KL Converge! 2016





• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia (WTISD)

92





• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

vii. **Inisiatif Masyarakat**

Inisiatif ini adalah kerjasama antara MCMC dengan masyarakat bagi memperkenalkan gaya hidup digital melalui penyediaan prasarana dan perkhidmatan ICT kepada kumpulan-kumpulan sasaran seperti golongan kurang upaya, dan wanita serta pelajar dari luar bandar. Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan ialah:

- Kerjasama dengan *National Council for the Blind Malaysia (NCBM)* melalui penganjuran forum gaya hidup digital untuk golongan kurang upaya penglihatan pada 22 Mac 2016, juga kerjasama pembangunan dua (2) aplikasi mudah alih khusus untuk digunakan golongan ini, *'Money Reader'* untuk membacakan duit Ringgit Malaysia, dan *'Google Talkback Speech Engine'* dalam Bahasa Malaysia.
- Kerjasama dengan Jabatan Pembangunan Islam Malaysia (JAKIM) dalam membangunkan dua aplikasi mudah alih untuk orang ramai – Al-Quran Digital, dan Sijil Digital Halal (MyeHALAL) untuk produk-produk halal di Malaysia

viii. **Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia (WTISD)**

Sektor Komunikasi dan IT sudah menjadi tulang belakang negara di mana pelbagai kaedah dan cara untuk memacu pembangunan Malaysia bagi memastikan Wawasan 2020 tercapai. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif telah diambil bagi memastikan pertumbuhan ekonomi sejajar dengan pembangunan negara. Antara inisiatif kerajaan adalah dalam menggalakkan usahawan muda menceburi perniagaan secara *online* ialah eDagang dan eUsahawan. Ini adalah bertepatan dengan tema bagi Sambutan Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia (WTISD) bagi tahun 2016 iaitu *"ICT Entrepreneurship for Social Impact"* atau "Keusahawanan ICT untuk Impak Sosial". Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) bersama Suruhanjaya

Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menyambutnya pada 17 Mei 2016 melalui *advertorial* di akhbar tempatan, Utusan Malaysia. Antara agensi yang turut sama menjayakan *advertorial* ini ialah MyNIC yang memperkenalkan inisiatif *MyBuddies* sebagai saluran perniagaan secara *online*. MDEC pula mempromosikan program eRezeki dan eUsahawan bertepatan dengan tema sambutan WTISD. Beberapa syarikat Telekomunikasi turut sama menyumbang informasi dalam menjayakan *advertorial* ini. Sambutan WTISD ini juga telah di laksanakan di Kampung Changkat Manong, Kuala Kangsar, Perak pada 11 Jun 2016. Perasmian telah dilakukan oleh YB Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri KKMM bersama YB Mohamad Kamil Safie, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Manong, Perak.

B. Membangunkan Modal Insan Digital

i. Seminar Pengawasan Aset Digital

MYNIC telah dijemput oleh Pusat Timbang Tara Serantau (KLCRA) bagi memberikan ceramah pembukaan untuk seminar *"Securing Your Digital Assets"* yang berlangsung pada 4 Ogos 2016 bertempat di ibu pejabat KLCRA.

Cik Yeo Yee Ling daripada Unit Perundangan & Urus Tadbir Korporat telah dijemput mewakili MYNIC bagi memberikan pengenalan berkenaan fungsi MYNIC sebagai pentadbir tunggal domain di Malaysia serta penerangan mengenai MYNIC's *.my Domain Name Dispute Resolution Policy (MYDRP)*, perkhidmatan eksklusif untuk pendaftar *domain.my* yang diuruskan khas oleh KLCRA.

Seminar tersebut dihadiri seramai lebih 60 orang daripada pelbagai latar profesional dan dipengerusikan oleh Enck Khoo Guan Huat, rakan kongsi *Skrine* iaitu sebuah firma guaman yang juga merupakan pengerusi bagi *Intellectual Property Dispute Resolution Practice Group*.

Penceramah utama ialah Cik Jayce Yeo, Pengarah Serantau APAC bagi Perkhidmatan Penjenamaan Digital CSC, sebuah organisasi yang mempunyai kepakaran di dalam bidang konsultasi melibatkan perlindungan asset digital. Seminar secara khusus memberikan penerangan, khidmat nasihat serta kesedaran kepada tetamu yang hadir berkenaan dengan perlindungan, penyeliaan serta penguatkuasaan hak penjenamaan bagi mengelakkan dan mengurangkan risiko serangan siber, penyelewengan serta salah laku yang akan memberikan pengaruh negatif ke atas penjenamaan.

Melalui seminar ini, MYNIC telah berjaya dalam memberikan galakan serta pendedahan kepada orang ramai mengenai perkhidmatan istimewa yang ditawarkan melalui MYDRP *Policy*.

ii. **Deals Awareness Talk**

Pada 24 November 2016, MYNIC telah dijemput untuk berkongsi tentang *DEAL Awareness* untuk *Network Security Industry Talk*. Program tersebut telah dianjurkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) di Bangunan SKMM, Cyberjaya.

Penonton yang hadir adalah daripada pelbagai latar belakang industri, universiti tempatan, bank dan juga pemegang lesen SKMM. Wakil MYNIC yang telah dijemput untuk memberi pembentangan adalah Ketua Pegawai Operasi, Tuan Syed Musa AlKadzim Albar. Program ini bermula pada jam 9.30 pagi. Seramai 131 penonton telah hadir dan memeriahkan program yang berlangsung.

iii. **Domain Name Dispute Resolution Conference (DNDRC)**

MYNIC bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), telah bersama turut serta terlibat dalam penganjuran program *Domain Name Dispute Resolution Conference (DNDRC)* yang telah

diadakan di Kuala Lumpur *Regional Centre Of Arbitration (KLRC)* pada 1 Disember 2016 di Seminar Room, KLRC bermula daripada jam 9.00 pagi hingga 5.15 petang.

Persidangan tersebut telah dihadiri oleh wakil penyelesaian pertikaian daripada seluruh rantau Asia Pasifik. Wakil daripada MYNIC ialah Cik Yeo Yee Ling daripada Bahagian Perundangan dan Urus Tadbir Korporat telah dijemput bagi memberikan penerangan berkenaan '*Direction of gTLD and ccTLD Domain Protection in Asia*'. Persidangan itu juga telah menarik minat ramai golongan profesional dan celik IT daripada komuniti antarabangsa.

iv. **Inisiatif myMAKER**

Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan minat masyarakat terhadap sains, teknologi, kejuruteraan, seni dan matematik (STEM). Aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan ialah:

- Pewujudan makmal *myMaker* IoT di Bangunan Lama MCMC, Cyberjaya
- *Southeast Asia (SEA) Makerthon 2016* dilangsungkan pada 8-9 Oktober 2016
- *Penang Mini Maker Fair 2016* yang dilangsungkan pada 15-16 Oktober 2016 di Georgetown, Pulau Pinang
- *Kuala Lumpur Engineering Science Fair 2016 (KLESF)* yang berlangsung pada 4-6 November 2016 di *The Mines*, Seri Kembangan
- *myMaker Robotics Challenge 2016* yang dilangsungkan pada 11-13 November 2016 di Cyberjaya

South East Asia (SEA) Makerthon 2016

v. Program Pembangunan Kapasiti

Program ini ialah pembangunan modal insan bagi mewujudkan ekosistem pembangunan kandungan melalui inisiatif-inisiatif berkaitan:

- Program Skrip ke Skrin (SKS) yang melatih mereka yang berminat dalam penghasilan video pendek yang professional dan berkualiti. 360 Pengurus dan Penolong Pengurus Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) dari 12 negeri telah dilatih dan diberi pendedahan mengenai proses pembangunan video yang kreatif, dan mereka akan menerapkan ilmu tersebut dengan melatih ahli-ahli usahawan di PI1M mereka dalam penghasilan video pengiklanan bagi mempromosikan produk masing-masing
- Inisiatif MYKOMUNITIKREATIF (MYKIF) yang merupakan platform penggalakan komuniti di PI1M untuk menghasilkan kandungan video dalam bentuk tutorial, panduan, tips dan sebagainya untuk dimuat naik ke laman perkongsian seperti *YouTube*. 17 siri seminar dan bengkel penciptaan video telah diadakan di PI1M seluruh negara pada 2016
- Pertandingan Mencipta Video MYKOMUNITIKREATIF yang terbuka kepada semua komuniti di PI1M. Lebih kurang 2,000 penyertaan diterima dari seluruh peringkat masyarakat dengan peserta termuda berumur 7 tahun dan yang tertua berumur 69 tahun
- *Malaysia Developers' Day* (MYDD) merupakan kerjasama MCMC dan AT&T merupakan pertandingan membangunkan aplikasi yang diadakan pada 23 September 2016 di Kuala Lumpur *Convention Centre*, menarik penyertaan seramai 130 peserta dari seluruh Asia

- Lab Terbuka Inovasi Kemaman (KOIL) *Accelerator* Program yang merupakan program galakan masyarakat Kemaman untuk berfikir secara kreatif dan inovatif dan mengaplikasikannya melalui KOIL, dengan membentuk strategi perniagaan dan menjalankan hubungan dengan agensi dan syarikat pelaburan swasta

vi. Inisiatif Strategik

Inisiatif ini merupakan usaha sama antara MCMC dengan pihak dari dalam dan luar negara bagi membangunkan bakat dan kemahiran sumber insan dalam industri kandungan tempatan: Aktiviti yang telah dijalankan ialah:

- *Malaysia Documentary Pitch Trailer* merupakan inisiatif kerjasama MCMC bersama *History Channel* dan Persatuan Dokumentari Malaysia dalam program pertandingan mencipta trailer dokumentari. 18 syarikat terpilih telah membentangkan trailer dan hasil penyelidikan masing-masing. Lima (5) dokumentari siap dihasilkan, empat (4) telah ditayangkan disaluran *History Channel* dan *History Channel Asia*, manakala satu (1) dokumentari ditayangkan di RTM
- Dermasiswa Mencipta Harta Intelek (IP) merupakan kerjasama MCMC dengan Akademi KRU dan Kolej *Point* bagi menyediakan bantuan kewangan secara separa kepada pelajar bidang multimedia kreatif di kedua-dua institusi ini. Seratus pelajar telah ditaja melalui program ini. Pelajar ini kemudiannya menganjurkan Pameran dan Fiesta Animasi 2016 dan mempamerkan hasil karya IP masing-masing

vii. **Insentif**

Dana Pembangunan Industri Kreatif (DPIK-MCMC) merupakan dana bagi membantu dan menggalakkan pembangunan kandungan kreatif tempatan. Tumpuan DPIK-MCMC diberikan kepada pembangunan kandungan TV, peranti mudah alih dan internet bagi tempoh 2011-2015.

Antara tahun 2011 hingga 31 Disember 2016, RM76.32juta telah diluluskan bagi membangunkan 150 projek. Setakat 31 Disember 2016, 92 projek dan program yang diluluskan di bawah dana ini berjaya disiapkan, manakala baki 58 projek dan program masih dalam proses disiapkan.

C. MERAKYATKAN EKONOMI DIGITAL

Sepanjang tahun 2016, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) telah menerajui peningkatan aktiviti Ekonomi Digital di kalangan rakyat dengan memperkenalkan dan mewujudkan peluang pendapatan digital menerusi inisiatif eRezeki dan eUsahawan di bawah kempen #YOU CANDUIT. Kempen ini memperkenalkan dan melatih mereka dan golongan isi rumah berpendapatan rendah kepada peluang pendapatan digital melalui tugas yang mudah dan sesuai dengan kemahiran mereka di eRezeki untuk menjadi sebahagian daripada tenaga kerja digital yang berdaya saing. Kempen ini juga menggalakkan dan mendidik pelajar-pelajar Kolej Vokasional dan usahawan mikro tentang keusahawanan digital dengan menyediakan cara-cara untuk mewujudkan perniagaan atas talian yang boleh memberi pendapatan tambahan.

viii. **eUsahawan:**

Program eUsahawan berhasrat untuk menggalakkan golongan belia dan para usahawan mikro untuk berkecimpung dalam sektor perniagaan digital. Program ini dilaksanakan melalui pendedahan kepada ilmu dan

kaedah tentang keusahawanan digital. Ilmu disampaikan kepada pelajar-pelajar Pusat Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) sepenuh masa melalui penerapan ke dalam kurikulum utama serta dikembangkan kepada komuniti usahawan-usahawan mikro menerusi kursus-kursus jangka pendek yang dijalankan di pusat-pusat TVET yang terpilih di seluruh negara.

Pendedahan kepada ilmu keusahawanan digital melalui program ini, sudah tentu membawa manfaat kepada rakyat Malaysia selain mempertingkatkan skil keusahawanan serta memperluaskan pengetahuan tentang perniagaan digital.

Pada tahun 2016, seramai 51,000 pelajar TVET dan usahawan mikro telah mengikuti kursus ini dan hasil jualan keseluruhan terkumpul yang dijana adalah RM48juta.

Pencapaian Program eUsahawan sehingga 31 Disember 2016

Indikator	Pelajar TVET	Usahawan Mikro	TOTAL
Bilangan berdaftar/dilatih	21,074	30,129	51,203
Bilangan melaporkan penjualan yang dijana	10,474	5,759	16,233
Jumlah pendapatan yang dijana (RM)	6.3juta	41.7 juta	48juta

ix. **eRezeki**

Program eRezeki melibatkan kumpulan sasar yang amat penting iaitu golongan "B40" atau isi rumah yang berpendapatan rendah. Program eRezeki ini menyediakan "platform" bagi kumpulan ini menjana pendapatan tambahan. Ini boleh dilakukan melalui aktiviti atau tugas mudah dan bersesuaian dengan

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

kemahiran isi rumah untuk menjadi sebahagian daripada tenaga kerja digital yang berdaya saing.

Bagi melaksanakan program eRezeki ini, MDEC mengadakan kerjasama dengan syarikat *crowdsourcing* tempatan dan antarabangsa. Syarikat-syarikat ini menyediakan platform pekerjaan atas talian kepada peserta eRezeki. Ini membuka peluang kepada golongan kurang upaya serta suri rumah untuk melibatkan diri menceburi bidang pekerjaan dan keusahawanan digital.

Pada 2016, program eRezeki telah menghasilkan pendapatan tambahan terkumpul berjumlah lebih dari RM17juta kepada lebih 50ribu peserta.

Pencapaian Program eRezeki sehingga 31 Disember 2016


Pencapaian eRezeki	2016
Bilangan berdaftar	155,037
Bilangan yang dilatih	50,618
Bilangan yang mendapat pendapatan tambahan	23,137
Pendapatan kepada golongan B40	RM16.4 juta
Bilangan yang mendapat pendapatan tinggi (eRezeki <i>Global High Income Programme</i>) & pendapatan	658 pekerja dengan pendapatan RM2.97 juta







LAPORAN TAHUNAN **2016**



TERAS
Memperkasa
Industri
Kreatif

4

101 //

TERAS

Memperkasa Industri Kreatif

4

Pengenalan

Industri kreatif adalah aktiviti seni yang mampu menjana ekonomi negara melalui penglibatan para penggiat yang berbakat dalam bidang kreatif. Kewujudan industri ini juga bukan sahaja menjadi pemangkin ekonomi negara, namun ia juga mampu menaikkan imej negara di persada antarabangsa.

Dalam konteks Malaysia, industri kreatif didefinisikan sebagai penggemblengan dan penghasilan kebolehan dan bakat individu atau berkumpulan berasaskan kreativiti, inovasi dan teknologi yang menjurus kepada sumber keberhasilan ekonomi dan pendapatan tinggi kepada negara dengan memberi penekanan kepada aspek karya dan hak cipta intelek selaras dengan budaya dan nilai-nilai murni kepelbagaian kaum di Malaysia.

Industri kreatif di Malaysia mempunyai prestasi yang baik di mana sektor ini telah mencatatkan pertumbuhan 4% pada tahun 2014 dan menjana pendapatan negara sejumlah RM 7.4billion pada tahun 2015, ini menjadi petunjuk kepada potensi industri kreatif di negara ini.

Selain daripada pertumbuhan dan sumbangan terhadap ekonomi negara, industri ini mempunyai daya potensi untuk

memperkasakan identiti Malaysia dengan memartabatkan seni budaya warisan negara dan juga memberi inspirasi kepada rakyat Malaysia dengan kandungan kreatif tempatan.

Rasional Pemantapan Industri Kreatif

- i. Meningkatkan bilangan dan kepakaran para penggiat industri, seterusnya menjadikan industri kreatif sebagai sektor dinamik yang dapat meningkatkan sumbangan kepada KDNK negara dan menyumbang kepada ekonomi berpendapatan tinggi (*high-income economy*);
- ii. Rentetan daripada pemantapan industri kreatif itu juga, individu terutamanya golongan muda mempunyai prospek kerjaya yang luas sekaligus dapat mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia;
- iii. Menarik pakar-pakar kreatif dari luar untuk menyumbangkan dan berkongsi sumber, pengalaman dan kemahiran mereka di Malaysia; dan
- iv. Pemantapan dan pembangunan industri kreatif yang berdaya saing, berdaya maju dan berdaya tahan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Agensi Pemantapan Industri Kreatif

Di bawah seliaan KKMM, terdapat tujuh (7) Bahagian/Jabatan /Agensi yang memainkan peranan dalam menyemarakkan perkembangan industri kreatif di Malaysia antaranya Bahagian Pembangunan Kandungan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), MYNIC Berhad dan *Content Malaysia Pitching Centre* (CMPC).

CREATIVE INDUSTRY TALENT EMPOWERMENT ZONE (CITE ZONE), UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

Sesi Taklimat *Pitching* bersama panel dari *Content Malaysia Pitching Centre*

CITE ZONE adalah salah satu inisiatif oleh KKMM untuk menggalakkan golongan profesional, ahli akademik, karyawan kreatif serta pelajar-pelajar dari serata Malaysia untuk memperkasakan industri kreatif sebagai salah satu langkah mencapai agenda Dasar Industri Kreatif (DIKN). Bidang kreatif telah mendapat sambutan di kalangan masyarakat tempatan, apatah lagi di persada antarabangsa. Segala keperluan infrastruktur dan landasan telah disediakan termasuklah saluran televisyen dan Internet. Seiring itu, Kerajaan Malaysia menyediakan pelbagai inisiatif kepada masyarakat untuk membangunkan kandungan kreatif sebagai pengisiannya

Program yang berlangsung pada 9 April hingga 12 April 2016 di Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, Kedah telah mendapat sambutan lebih daripada 300 orang pengunjung dan telah diadakan di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), UUM.

Terdapat tiga (3) jenis pengisian utama yang berbentuk *Talk*, Forum dan *Masterclass*. Bagi pengisian *Masterclass*, ia terbahagi kepada empat (4) jenis komponen iaitu *Film Zone*, *TV Drama Zone*, *Animation Zone* dan *Music Zone*. Setiap *Zone* tersebut mewakili kategori-kategori dalam industri kreatif.

Bagi memastikan kejayaan program CITE ZONE, tenaga pengajar yang dipilih adalah daripada penggiat industri kreatif yang berpengalaman dan hasil daripada penganjuran program ini, lebih dari sepuluh (10) orang peserta telah menerima dana *Micro Fund* di bawah CMPC.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KREATIVITI@KOMUNITI (K@K)



Program Kreativiti @ Komuniti (K@K) telah dirangka sebagai sebuah program turun padang KKMM dengan memfokuskan kepada aspek kesedaran dan pendedahan terhadap industri kandungan kreatif seperti filem, fotografi, video, muzik, penulisan skrip dan sebagainya kepada pelajar di luar bandar.

Program K@K adalah hasil kolaborasi antara KKMM bersama-sama Jabatan dan Agensi di bawah KKMM iaitu Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen), Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Penganjuran program ini dilakukan secara berperingkat dan telah berlangsung di beberapa lokasi yang telah dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti Zon Timur, Zon Selatan, Zon Tengah, Zon Utara, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Pada tahun 2016, Program K@K telah diadakan di Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Sarawak.

Objektif program K@K ini berlandaskan teras utama KKMM iaitu, pemantapan industri kreatif. Antara objektif program ini adalah:

- i. Mencungkil bakat dan mengetengahkan bakat pelajar dan belia luar bandar;
- ii. Menghasilkan generasi pelapis dalam industri kandungan digital;
- iii. Meningkatkan kesedaran masyarakat luar bandar mengenai hasil industri kandungan digital;
- iv. Mewujudkan kerjasama antara Kementerian dan Institusi pendidikan bagi memajukan industri kandungan digital; dan
- v. Memperkenalkan dan mempromosikan fungsi KKMM dan agensi-agensi di bawahnya kepada masyarakat luar bandar.

Penganjuran K@K bukan sahaja mampu mencungkil dan mengetengahkan bakat kreatif dalam kalangan golongan pelajar di kawasan luar bandar, malah program ini juga memberi impak besar terhadap sokongan masyarakat terhadap kerajaan sedia ada dengan mempunyai hala tuju dan suara secara bersama.

K@K KOLEJ KOMUNITI KOK LANAS, KELANTAN

K@K Zon Timur telah diadakan Kolej Komuniti Kok Lanas, Kelantan. Program ini telah melibatkan lebih dari 200 orang peserta dan berlangsung dari 25 hingga 27 Mei 2016 dan dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KKMM, YBhg. Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad.

Kementerian akan membantu, mencungkil bakat, membimbing dan menggilap bakat sedia ada untuk diketengahkan. Oleh yang demikian, setiap peserta perlu mengenal pasti bakat dan minat mereka dalam industri kandungan kreatif. Program ini telah disertai oleh golongan belia luar bandar dan pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang berhampiran dan penglibatan tidak terhad kepada pelajar Kolej Komuniti sahaja.

Menerusi program yang diadakan, para peserta didedahkan dengan pengalaman dan kepakaran dalam bidang Industri Kreatif, perkongsian ilmu dan idea melalui platform kuliah dan aktiviti seperti 'Pitching Centre' dan 'Micro Funds' Talk, Games

Creation Training, #YouCanDuit, Bengkel Penerbitan Promo dan Dokumentari serta pameran.

Kemuncak program ini ialah para peserta diberi peluang untuk melontarkan idea-idea dalam penghasilan kandungan kreatif melalui sesi 'pitching' yang dikendalikan oleh CMPC dan seramai 11 orang peserta terbaik telah menerima dana "Micro Fund" berjumlah RM5,000 untuk setiap seorang.

"Kementerian mengadakan program ini (Kreativiti@Komuniti) untuk anak-anak muda kerana kebanyakan mereka tiada saluran untuk mengetengahkan bakat yang ada. Kementerian sedar sebenarnya anak-anak muda dari kawasan luar Bandar mempunyai kreativiti dan bakat yang tinggi dan mampu pergi lebih jauh



K@K KG. RAMPAYAN LAUT, KOTA BELUD, SABAH

KKMM telah menganjurkan Program Kreativiti@Komuniti yang berlangsung pada 22 dan 23 Julai 2016 di Kg. Rampayan Laut, Kota Belud yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Ketua Setiausaha KKMM. Program ini adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan agensi-agensi dengan komuniti setempat melalui pengisian yang berbentuk kesedaran terhadap industri kandungan kreatif.

Pada penganjuran K@K kali ini, pelbagai pengisian menarik telah diadakan dan telah berjaya menarik lebih daripada 1,000 penyertaan pelajar IPT dan Komuniti 1 Malaysia di sana. FINAS telah mengadakan sesi Eksplorasi Kreativitimu berkenaan penerangan dua hala mengenai Industri Filem dan Kandungan yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Deddy M. Borhan selaku Penasihat Industri Kreatif Sabah dan Sarawak. Melalui sesi tersebut, para peserta juga didedahkan mengenai apresiasi lakonan, pengarah dan penulisan skrip serta peluang memperoleh Dana Pembangunan Kandungan daripada 'Content Malaysia Pitching Centre' sebagai salah satu inisiatif Kerajaan kepada rakyat bagi menggalakkan minat yang mendalam dan mencungkil bakat dan kreativiti para peserta.

Selain itu, MDEC juga mengadakan ceramah mengenai Program #YOU CANDUIT iaitu sebuah platform untuk menjana pendapatan tambahan di kalangan rakyat Malaysia melalui inisiatif digital eRezeki dan eUsahawan melalui perkhidmatan atas talian. Pelbagai aktiviti lain turut diadakan sepanjang program ini antaranya pameran daripada pihak pembekal perkhidmatan telekomunikasi seperti Celcom, Digi, Maxis, Umobile, Telekom Malaysia dan Altel. Selain itu, orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat mengenai promosi perkhidmatan agensi lain seperti MYNIC, Pos Malaysia Berhad, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Agensi lain yang bernaung di bawah KKMM turut terlibat untuk dalam menyediakan pameran kesedaran berkenaan kepada komuniti di Sabah.

JOM BIKIN FILEM

Apakah itu "Jom Bikin Filem"? Jom Bikin Filem ialah sebuah program yang mengetengahkan konsep "mentoring" bersama komuniti luar bandar khususnya pelajar sekolah. Program ini dikendalikan oleh pihak FINAS. Sebanyak 20 buah program Jom Bikin Filem telah diadakan di seluruh negara dengan penyertaan 2,000 orang pelajar. Modul interaktif program ini ialah penerbitan filem pendek, penulisan skrip, penceritaan, lakonan dan pengarah. Penganjuran program ini turut mendapat kerjasama daripada Pejabat Pendidikan Daerah dan FELDA.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Marché International du Disque et de l'Édition Musicale 2016 (MIDEM 2016)



KKMM telah berjaya membawa delegasi Malaysia ke pasaran muzik antarabangsa melalui *Marché International du Disque et de l'Édition Musicale* (MIDEM) 2016 di Cannes, Perancis pada 3 hingga

6 Jun 2016. MIDEM 2016 menghimpunkan Persidangan Muzik Antarabangsa, pertandingan dan acara perniagaan terkemuka bagi industri muzik antarabangsa. Penyertaan Malaysia pada kali ini melibatkan 15 syarikat industri yang berkecimpung dalam produksi muzik dan audio negara seperti *Breaking Records, Bunkface Production, Faithful Music, Mosaic Entertainment, Indigital, Live Scape, Energy Centre of Knowledge and Development, Paranormal Records, Casa de Brass, Miiks Events, Starr Sound, The Factory Jazzy Group, Matrix Gen and Global Creative & Media Agency.*

MIDEM 2016 juga merupakan penyertaan Malaysia kali keempat berturut-turut sejak MIDEM 2012 dianjurkan. Malaysia telah membawa tema utama negara iaitu '*MALAYSIA THE RHYTHM OF ASIA*' dan pada tahun ini juga, KKMM telah membawa kelainan dalam strategi pelaksanaan dengan mengambil peluang untuk membina jaringan dengan penggiat industri muzik tempatan.

Delegasi Malaysia yang terdiri daripada para penggiat industri muzik tempatan diberikan peluang untuk mempamerkan kemampuan dan bakat mereka di peringkat global dalam penyertaan MIDEM 2016. Tiga (3) perjanjian kerjasama antara syarikat-syarikat muzik tempatan dengan penggiat-penggiat industri muzik antarabangsa telah ditandatangani dan ia membuka peluang negara untuk mempromosikan muzik Malaysia di persada antarabangsa. Dalam perjanjian tersebut, syarikat pengurusan artis Malaysia iaitu Maxtrix Gen Sdn. Bhd. telah memperoleh dua (2) perjanjian kerjasama dengan syarikat gergasi digital iaitu Alibaba Group Holding Limited melalui

platform pengkhususan muzik iaitu Alibaba Planet dan GCA Entertainment, syarikat pemasaran dan penjenamaan terbaik di Taiwan.

Selain itu, band indie tempatan, *Paperplane Pursuit* yang terkenal dengan muzik *single* mereka, '*Feel Good*' yang telah mencatat nama mereka di carta *Billboard*. Band indie ini telah menandatangani perjanjian kerjasama bersama penganjur digital terunggul di Eropah, *Believe Digital* melalui label rakaman mereka, *Breaking Records* untuk menembusi pasaran muzik antarabangsa.

KL CONVERGE! 2016 "Touch The Future"



Program KL CONVERGE! 2016 adalah penganjuran kali ketiga Kementerian dengan membawa tema '*Touch the Future*'. Program ini telah berlangsung pada 22 hingga 24 September 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak, Menteri KKMM.

Objektif utama penganjuran KL CONVERGE! adalah untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Pasaran Industri Komunikasi dan Industri Kandungan Kreatif di peringkat antarabangsa. KL CONVERGE! 2016 telah menyatukan pihak Industri Telekomunikasi, Multimedia serta belia Generasi Y yang kini semakin berminat untuk menjalankan perniagaan secara atas talian dalam '*Fiesta Blog Shop*' yang telah dibawa oleh pihak MYNIC Berhad.

Seramai 15,000 orang pengunjung dan peserta telah hadir memeriahkan program yang diaturkan. Penganjuran kali ini telah memberi suntikan baru kepada generasi muda untuk turut bersama-sama terlibat dalam pelbagai aktiviti yang telah dijalankan. KL CONVERGE! 2016 juga turut membuka peluang kepada 118 pempamer yang terdiri daripada Kementerian,

Agensi, Jabatan, syarikat telekomunikasi dan penyiaran, peniaga-peniaga produk atas talian dan syarikat animasi.

Aktiviti-aktiviti menarik dalam pematapan industri kreatif telah diadakan sepanjang berlangsungnya penganjuran KL *CONVERGE!* 2016 seperti Pameran Industri Komunikasi dan Industri Kandungan, Bengkel dan *masterclass*, Bengkel Perfileman, Sesi Pemadanan Perniagaan Industri Kandungan Kreatif dan Bengkel Keusahawanan di atas talian.

Program-program yang berteraskan promosi dan perkongsian kandungan kreatif dan kandungan digital yang menerapkan elemen pembangunan ilmu bersama karyawan tempatan dan antarabangsa turut diadakan. Antara program-program tersebut ialah *5th Asian Content Business Summit*, *VFX in Film Summit*, *Son et Lumiere*, *Asian Youth Entrepreneur Network*, *The Evolving Digital Content and Technology Landscape in the Asian Media Market*, *Pre-Production Process in Animation*, *Journey to Developing Amazing and Secure Mobile Application* dan seumpamanya.

PASARAN FILEM ANTARABANGSA



Filem-filem Malaysia yang berjaya dibawa ke peringkat antarabangsa.

Kementerian komited dalam memasarkan dan mempromosikan karya filem-filem tempatan ke pasaran antarabangsa melalui usaha FINAS dengan kerjasama institusi filem luar negara dan Kedutaan Malaysia di luar negara. Usaha tersebut telah berjaya memartabatkan filem-filem tempatan yang mempunyai nilai universal tinggi seperti *Redha*, *Interchange*, *Hanyut*, *Jagat*,

Munafik dan *Ola Bola* yang menyertai 30 festival filem dan filem *Redha* telah merangkul 7 anugerah melalui kemenangan di tiga (3) buah Festival Filem Antarabangsa.

Filem *Redha* yang memaparkan kisah tentang *autisme* telah memenangi tiga (3) anugerah di Festival Filem Antarabangsa Kazan, Rusia dan dua (2) di Festival Filem Filipina 2016. Filem *Redha* telah meraih anugerah dalam kategori utama iaitu Pelakon Wanita Terbaik menerusi lakonan Jun Lojong dan Anugerah Khas Pengkritik Filem Rusia dan Anugerah Khas Pilihan Presiden Republik Tatarstan Untuk Kemanusiaan Dalam Sinematografi.

INSENTIF FIMI

Selain itu, FINAS melalui Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI) bagi menggalakkan pelaburan asing ke dalam negara melalui promosi lokasi penggambaran telah mencatat pelaburan sebanyak RM 125.3juta sehingga Disember 2016 melalui dua (2) projek domestik dan 25 projek asing.

GALAKAN INSENTIF TAYANGAN FILEM CEREKA (ITFC)

Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) merupakan satu lagi inisiatif Kerajaan melalui galakan dan suntikan kewangan kepada penerbit filem tempatan sekali gus menjadi pemangkin bagi menghasilkan filem yang berkualiti seiring dengan kehendak dan trend perfileman semasa yang mampu dipasarkan ke pasaran antarabangsa.

Melalui skim wajib tayang pada tahun 2016, ITFC berjumlah RM6.85juta telah diberikan kepada 51 penerbit tempatan termasuk 23 buah syarikat produksi filem tempatan yang menerbitkan filem dan cereka bagi tayangan di pawagam seluruh negara. Sesi penyampaian ITC tersebut telah berlangsung pada 29 Disember 2016 dan disampaikan oleh YB Dato' Mohd Khusairi Abdul Talib selaku Pengerusi FINAS. Beliau ketika berucap dalam majlis tersebut berkata:

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

"Kerajaan sentiasa serius dan optimis dalam menggalakkan para karyawan untuk terus berkarya dengan memberi suntikan kewangan melalui pemberian ITFC ini. Oleh yang demikian, para karyawan dan penggiat industri kreatif yang menerima ITFC ini perlu memanfaatkan inisiatif tersebut dan menjadikan ia sebagai pemangkin untuk terus berkarya seterusnya menghasilkan filem berkualiti untuk pasaran domestik dan antarabangsa seterusnya membina jaringan pemasaran global".

Antara penerima ITFC ialah *Primeworks Studios Sdn Bhd* (*Rock Bro! Kembali Ke Pangkal Jalan*), *Les' Copaque Production Sdn Bhd* (*Upin & Ipin Jeng, Jeng, Jeng*), *Astro Shaw Sdn Bhd* (*Alif Dalam 7 Dimensi & Dukun Doktor Dani*) dan ramai lagi penerima yang lain.

DANA MAC-3 "INCUBATION" & BCI-2

Industri kandungan animasi negara dilihat terus mencatatkan pertumbuhan yang baik di sebalik kelemahan dan ketidakpastian ekonomi global. Ini dapat dilihat menerusi permintaan berterusan pengguna serta kewujudan pelbagai platform penyedia kandungan di dunia. Melihat potensi yang ada, pelbagai langkah mula dilakukan kerajaan bagi membangunkan sektor ini termasuk menggalakkan syarikat tempatan menceburi bidang multimedia kreatif, terutamanya animasi.

Justeru penubuhan *Multimedia Super Corridor* (MSC) dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) yang bertujuan memajukan Bidang Teknologi Maklumat dan Multimedia termasuk Multimedia Kreatif sememangnya sangat signifikan. Peranan yang dimainkan oleh kedua-dua badan ini mampu menjadi platform kepada industri untuk meluaskan pemasaran produk mereka termasuk memasuki pasaran global.

Menerusi kedua-dua badan ini, pelbagai dana telah diwujudkan

bagi membantu syarikat-syarikat animasi dan penghasilan produk animasi yang seiring dengan pasaran antarabangsa. Sehubungan itu, suntikan dana seperti *Malaysia Animation Creative Content Centre* (MAC3) dan *Bumiputera Creative Industry* (BCI) telah diwujudkan sebagai insentif kerajaan kepada industri animasi negara.

Pencapaian penghasilan filem animasi negara dapat dilihat melalui penerimaan penonton menerusi filem animasi *Boboiboy The Movie* pada bulan Februari 2016. Filem ini yang menelan belanja sekitar RM5 juta telah mencatat pulangan sebanyak hampir RM20 juta termasuk penjualan tiket di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Menariknya, filem itu berjaya mengutip RM10 juta hanya selepas dua (2) minggu tayangan. Ia turut melepasi filem *Blockbuster Disney "Frozen"* sebagai filem animasi sebaris dengan produk animasi antarabangsa seterusnya filem yang mencatatkan pulangan besar dalam sejarah sinematik Malaysia. Filem ini telah dibangunkan oleh syarikat *Animonsta*, sebuah syarikat animasi tempatan yang telah dibantu di bawah program pembangunan MDEC, iaitu MAC3 "Incubation", pembiayaan BCI2, akses pasaran dan lain-lain sejak 2007.

Selain itu, kejayaan kartun animasi *Upin dan Ipin* juga boleh dilihat hasil inisiatif dan sokongan diberikan MSC dan MDEC. Animasi ini telah menjadi satu fenomena yang besar di kalangan penonton kanak-kanak bukan sahaja di Malaysia, malah di luar negara seperti Indonesia, Turki, Brunei, dan Thailand.

KRE8TIF 2016



Barisan para penceramah Kre8tif 2016

Persidangan Kre8tif 2016 adalah satu inisiatif MDEC bagi menyediakan platform yang bersesuaian untuk bakat muda mempamerkan kreativiti dan kebolehan mereka kepada para penonton antarabangsa. Di bawah platform #animationMY di MDEC, persidangan itu bertujuan untuk mencetuskan inovasi dan penerokaan trend utama merentasi sektor kreatif. Kre8tif 2016 yang diadakan pada 1 hingga 2 Jun 2016 di Aloft Kuala Lumpur Sentral telah membariskan penceramah antarabangsa dengan kehadiran lebih 300 orang dan persidangan ini telah terbahagi kepada beberapa trek utama iaitu Perniagaan, Teknologi dan Persidangan.

Trek perniagaan menonjolkan kepelbagaian model perniagaan dalam animasi dan VFX. Trek Teknologi menerangkan perkongsian teknikal teknologi terkini yang terlibat dalam animasi dan VFX. Persidangan ini telah dihadiri oleh syarikat animasi tempatan utama yang berusaha untuk meningkatkan teknologi dan aliran kerja mereka. Persidangan itu juga memudah cara urusan dan peluang dalam Perlesenan & Barangan. Kre8tif yang dibangunkan di bawah platform #animationMY MDEC ini telah berjaya mencetuskan inovasi dan trend di dalam sektor kreatif.

Antara pakar-pakar industri kandungan kreatif yang hadir berkongsi idea dan ilmu ialah Charles M. Roitto, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif di LIMA, Christopher Bremble, Ketua Pegawai Eksekutif dan pengasas Base FX, Shuzo John Shiota, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Polygon Pictures, dan ramai lagi.

LEVEL UP KL & LEVEL UP SCHOOL

Program *Level UP KL* merupakan persidangan tahunan Asia Tenggara untuk pembuat 'game'. Program ini dimulakan pada tahun 2015 bersama-sama dengan #MYGameON MDEC bermatlamat untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah Hub Permainan pada tahun 2025. *Level UP KL 2016* telah diadakan pada 5 hingga 9 September 2016 di *Intercontinental Hotel* Kuala Lumpur dan dihadiri oleh lebih daripada 600 peserta yang terdiri daripada pemain tempatan dan antarabangsa.



Sebahagian peserta Level UP KL.

Sepanjang lima (5) hari program berlangsung, ia juga telah membariskan 'game jam' serantau serta menjadi tuan rumah panel pakar antarabangsa industri permainan. Program yang menawarkan pameran, pelbagai aktiviti industri permainan ini juga mengetengahkan perkongsian pengetahuan dan rangkaian peluang khususnya pereka 'game' dan peminat itu sendiri.

Analisis strategik juga telah dilaksanakan pada 2016. Antara laporan analisis termasuk '*SEA Game Industry Talent Report 2016*' oleh pasukan penyelidikan MDEC dengan kerjasama *Media Create*, sebuah firma penyelidikan terkemuka yang berpangkalan di Tokyo, Jepun. Kajian ini melaporkan hasil penyelidikan terhadap permintaan tenaga mahir industri *game* dan bekalan tenaga mahir industri permainan. Kajian ini telah dihasilkan dengan sokongan enam (6) buah persatuan industri 'game' ASEAN.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



Level UP @ Schools sebagai program perintis kepada pembangunan *game* di Malaysia.

Menyedari cabaran bagi permintaan yang tinggi terhadap kemahiran teknikal dan teknologi, MDEC turut melancarkan *Level Up @ Schools*, iaitu program perintis untuk memberi pengenalan kepada pembangunan *game* asas di sekolah-sekolah. Program ini disasarkan kepada pelajar-pelajar dan guru-guru menggunakan *Unity3D Engine*. Tujuannya adalah untuk meningkatkan pemikiran, analisis, kognitif, kemahiran kreatif dan teknikal pelajar. Dilancarkan bersama dengan Gerakan *MYDigitalMaker*, *Level Up @ Schools* menjanjikan program yang menarik di masa akan datang dengan lebih 20 permainan yang dibangunkan oleh empat (4) buah sekolah perintis, dan lebih 160 pelajar dan guru-guru yang mengambil bahagian.

YOUTUBE KIDS



Pelancaran YouTube Kanak-kanak, usaha sama MDEC dan Google Malaysia.

MDEC dengan kerjasama *Google* Malaysia telah melancarkan aplikasi *Youtube Kids* pada bulan Oktober 2016. Aplikasi ini juga adalah untuk meraikan usaha kreatif pencipta tempatan dan juga terus memajukan industri kandungan digital terutamanya di kalangan kanak-kanak. Aplikasi ini dibangunkan bagi memudahkan pengguna gajet di kalangan kanak-kanak untuk mencari video dan topik pilihan dengan lebih mudah dan mesra pengguna seiring usia mereka.

Aplikasi *Youtube Kids* ini dibangunkan dengan empat (4) kategori carian utama iaitu *shows*, *music*, *learning* dan *explore*. Pengguna terutamanya kanak-kanak boleh menyemak imbas saluran dan senarai *playlist* video atau topik pilihan melalui 'carian suara' tanpa perlu menaip dan mesra pengguna.

MUZIKA EXTRAVAGANZA



Persembahan artis dari kedua-dua negara – Singapura dan Malaysia.

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) sentiasa mendukung Industri Kreatif Negara dengan penghasilan program-program yang berbentuk pemantapan. Hasil jalinan kerjasama antara RTM dan Mediacorp Singapura, sebuah konsert MUzika Extravaganza telah diadakan. Konsert yang bertemakan lagu-lagu Seniman Agung tanah air iaitu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee telah diadakan pada 19 Februari 2016 di Auditorium Perdana, Angkasapuri. Muzika Ekstravaganza merupakan pentas di mana artis Malaysia dan Singapura dapat bekerjasama, berkongsi idea dan memberi persembahan yang berbeza dan mengejutkan kepada penonton.

Konsert ini menampilkan gandingan pengacara Muaz Mohamed (Malaysia) dan Huda Ali (Singapura) dan sebanyak 22 buah lagu P. Ramlee telah didendangkan oleh artis dari Malaysia terdiri daripada Nassier Wahab, Siti Nordiana, Azlan *The Typewriter*, Hafiz Suip, Azhael, Farahdhiya serta Datuk Mokhzani Ismail. Manakala Singapura membariskan artis terkenal mereka seperti Awi Rafael, Aliff Aziz, Sleeq, Maiya Rahman dan Daly Filsuf. Selain gabungan nyanyian artis kedua-dua negara, rancangan ini akan diserikan lagi dengan persembahan *soloist instrumental* untuk menjadikannya lebih menarik ditonton. Jalinan kerjasama ini diharap dapat diteruskan sebagai pemangkin bagi memperkasakan industri kreatif kedua-dua negara.

ANUGERAH SERI ANGKASA 2016



Terrence Dass dan Adibah Noor – gandingan mantap pengacara Anugerah Seri Angkasa 2016.

Anugerah Seri Angkasa 2016 (ASA 2016) sebuah anugerah paling berprestij bidang penyiaran telah diadakan pada 20 dan 21 Mei 2016 di Auditorium Perdana, Kompleks Angkasapuri, Kuala Lumpur. Anugerah ini mempertandingkan 38 kategori televisyen dan 19 kategori radio di samping Anugerah Khas Juri dan Anugerah Tokoh Seri Angkasa. Badan penyiaran yang menyertai Anugerah Seri Angkasa 2016 selain RTM ialah ASTRO, Media Prima, BERNAMA, TV AlHijrah, Star Radio, IkimFM, BestFM dan iM4U.

Malam kemuncak ASA 2016 telah menyaksikan RTM mendominasi kemenangan apabila meraih 11 kategori yang dipertandingkan. Antara kategori yang dimenangnya adalah Rancangan Hiburan Radio Terbaik (Rosli Derani, Radio Klasik), DJ Radio Lelaki Terbaik (Liang Kim Loong, AiFM), Majalah TV Terbaik (Jabir Shafie, TV1) dan Penyampai Berita TV Terbaik (Shahril Sarapudin). Pelakon veteran Datuk Rahim Razali pula turut dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tokoh Seri Angkasa 2016 yang disampaikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

MALAM KEMUNCACK BINTANG KLASIK KASEH



Barisan peserta dan pemenang Malam Kemuncak Bintang Klasik Kaseh.

Malam Kemuncak Bintang Klasik Kaseh memperkenalkan enam (6) peserta akhir yang terdiri dari tiga (3) orang peserta wanita dan tiga (3) orang peserta lelaki dari seluruh Malaysia. Program tersebut telah berlangsung di Auditorium Perdana, Angkasapuri Kuala Lumpur dan disiarkan secara langsung menerusi saluran TV2 dan Radio Klasik pada 4 September 2016, pukul 9.00 malam.

Malam yang cukup bertuah buat Anas Farhan Sharuddin, 27 tahun dari Selangor menjuarai pertandingan Bintang Klasik Kaseh setelah mendendangkan lagu solo penyanyi popular Jamal Abdillah bertajuk "Keluhan Perantau" dan nyanyian duet bertajuk "Bercanda Di Pasiran Pantai" bersama Zehra Zambri.

Naib juara pula disandang oleh Noor Amierazatyka Ayob, 21 tahun berasal dari Johor yang telah mendendangkan lagu "Wajah Siapa Di Hatimu" secara solo dan "Kehebatan Cinta" duet bersama Rizal Ahmad, Juara Bintang Klasik. Manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Faizal Mohd Hassan, 35 tahun dari Pulau Pinang yang merupakan peserta paling 'senior' dan telah mengalunkan lagu "Bunga Pujaan" dan nyanyian duet bertajuk "Seiring Sejalan" bersama Salwa Abd. Rahman.

IKON SIARAWAN



Barisan tenaga produksi dan peserta Ikon Siarawan bersama YBhg. Dato' Adilah Shek Omar, Ketua Pengarah Penyiaran Strategik.

Ikon Siarawan merupakan sebuah program realiti terbitan RTM untuk mencari bakat baharu yang berpotensi dan berdaya saing dalam dunia penyiaran. Rancangan pencarian bakat berkonsepkan realiti TV ini memberi peluang kepada bakat-bakat pelapis muda untuk menyahtu cabaran dalam Bidang Kewartawanan, Pengacaraan dan Juruhebah Penyiaran. Rancangan ini yang telah berlangsung selama lima (5) bulan menguji kemampuan setiap peserta dalam pelbagai tugas yang seperti persembahan, laporan, kebolehan dan keterampilan dalam setiap tugas yang diberikan.

Kemuncak Ikon Siarawan 2016 yang berlangsung pada 15 Mei 2016 telah membuktikan rancangan realiti televisyen terbitan RTM seiring dengan syarikat penerbitan swasta yang lain. Para finalis diadili menerusi tiga (3) tugas utama iaitu Debat Khas, Bual Bicara Misteri dan Ujian IQ. Kesemua peserta diadili berdasarkan penjurian profesional sepenuhnya yang dibarisi oleh pengacara terkenal, Syed Munawar Syed Mustar, Datin Yusnani Ishak; Dekan Fakulti Filem Teater dan Animasi, Prof Madya Abdul Razak Mohaideen; pelakon, Awal Ashaari serta Timbalan Pengarah Berita Hal Ehwal Semasa RTM, Muis Shafie. Nur Jaziedah Zulkifli telah dinobatkan sebagai juara selepas

berjaya menambat hati para juri, sekali gus menewaskan empat peserta lain dalam pertandingan tersebut dan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM20,000, trofi sumbangan Institut Akhbar Malaysia (MPI) dan sijil. Manakala tempat kedua dan ketiga dirangkul oleh Andy Reza Andy Reza Rohardian Khairul Anwar dan Doria Rachel Jolly yang membawa pulang trofi dan wang tunai masing-masing berjumlah RM15, 000 dan RM10,000. Hadiah kepada semua penenang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Dato' Seri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad.

BINTANG AIMINNAL 2016

"Pertandingan Akhir Bintang Ai Minnal 2016" dianjurkan buat tahun yang ke-3 dengan gabungan saluran radio AIFM dan MinnalFM. Bintang AiMinnal merupakan pertandingan nyanyian yang melibatkan penyertaan bukan Melayu mendendangkan lagu-lagu dalam bahasa Malaysia.

Peserta terdiri dari tiga (3) orang dari AIFM dan tiga (3) orang dari MinnalFM. Memperkenalkan Cammy Yap Seah Pin, 23 tahun dari Klang, Selangor, KHLOE, Looi Wai Yee (24), Klang, Selangor, Chernice Chong Chia Thian (20), Alor Setar, Kedah, Malini Nageswaran (29), Alor Setar, Kedah, Roshini Balachandran (19), Butterworth, Pulau Pinang dan Vijayndran Rajamanikam (24), Teluk Intan, Perak. Pertandingan tersebut turut diserikan dengan persembahan istimewa dari Misha Omar, *Havoc Brothers*, *Shawn Beatbox*, Eeza BRTM 2016 dan ramai lagi bersama gandingan pengacara Muaz Mohamad dan Doria Rachel Jolly (Ikon Siarawan 2016).





LAPORAN TAHUNAN **2016**

***PENGUKUHAN
ORGANISASI***

115 //



Pengukuhan Organisasi

A. Meningkatkan Kecekapan Tadbir Urus Kewangan dan Pembangunan

- Prestasi Kewangan & Perakaunan (BKW & BAK)

CAWANGAN PENGURUSAN PEROLEHAN

Cawangan Pengurusan Perolehan bertanggungjawab dalam memastikan tadbir urus perolehan dilaksanakan dengan cekap dan telus selaras dengan tatacara dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa agar segala aktiviti dan program Kementerian berjalan dengan lancar. Cawangan ini juga bertanggungjawab dalam memberikan bantuan dan khidmat nasihat dalam pengurusan kewangan khususnya dalam perkara – perkara yang melibatkan pengurusan perolehan Kerajaan. Secara keseluruhannya, cawangan ini telah menguruskan sebanyak **11,305** bilangan perolehan yang bernilai **RM491,178,580.30** sepanjang tahun 2016 sebagaimana laporan berikut :

KAEDAH PEROLEHAN	BIL PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)
e-Bidding	1	1,801,764.60
Kontrak Kementerian	50	59,531,653.23
Kontrak Pusat/Sistem Panel (Kementerian Kewangan)	151	192,711.20
Pembelian Terus/ <i>Requisition</i> /Lantikan Terus	10,980	33,115,454.08
Rundingan Terus (Kuasa Pegawai Pengawal)	29	293,819,896.67
Sebutharga	79	6,964,845.38
Tender Terbuka	15	95,753,255.10
JUMLAH	11,305	491,178,580.30

CAWANGAN BELANJAWAN

Cawangan Belanjawan bertanggungjawab menyediakan peruntukan mengurus Kementerian yang mencukupi bagi tahun belanjawan. Di samping menguruskan peruntukan yang diluluskan dengan cekap mengikut peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Prestasi perbelanjaan mengurus Kementerian bagi tahun 2016 adalah seperti berikut :

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS KKMM TAHUN 2016

SUKU TAHUN	PERUNTUKAN ASAL (RM)	TAMBAHAN/ KURANGAN (RM)	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)	% BELANJA
Pertama	1,288,425,000	(39,300,000)	1,249,125,000	213,151,187.42	882,755,713.68	29.33
Kedua	1,288,425,000	(39,300,000)	1,249,125,000	507,926,684.68	624,964,637.60	49.97
Ketiga	1,288,425,000	(39,300,000)	1,249,125,000	808,836,808.23	339,985,340.14	72.78
Keempat	1,288,425,000	(39,300,000)	1,249,125,000	1,192,813,652.85	53,129,077.96	95.75

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

CAWANGAN PENGURUSAN KEWANGAN


Cawangan Pengurusan Kewangan bertanggungjawab menguruskan pengurusan kewangan Kementerian berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan. Salah satu tugas dan tanggungjawab Bahagian Pengurusan Kewangan adalah memproses bayaran bil. Bagi tahun 2016 jumlah keseluruhan bil yang telah diproses adalah sebanyak **9,658** dengan nilai keseluruhan **RM448,528,388.61**. Ringkasan laporan bil adalah seperti berikut :

BULAN	BIL	NILAI BIL (RM)
Jan	238	872,870.92
Feb	807	40,888,419.13
Mac	899	27,099,706.91
April	870	18,278,033.88
Mei	916	60,668,628.30
Jun	987	7,870,303.07
Julai	573	76,282,489.97
Ogos	728	69,795,157.18
September	775	21,258,215.90
Oktober	746	27,281,344.41
November	1,060	54,111,263.94
Disember	1,059	44,121,955.00
JUMLAH	9,658	448,528,388.61

CAWANGAN PERDAGANGAN


Cawangan Perdagangan merupakan Cawangan yang bertanggungjawab untuk menguruskan hasil masa siaran iklan RTM. Secara keseluruhan, pencapaian hasil jualan masa siaran iklan televisyen dan radio RTM dari 1 Januari hingga 31 Disember 2016 berjumlah sebanyak **RM64.8juta**. Hasil jualan masa siaran iklan televisyen RTM berjumlah sebanyak **RM43.1juta** manakala bagi radio pula sebanyak **RM21.7juta**. Pencapaian bulanan keseluruhan hasil masa siaran iklan televisyen dan radio RTM bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

HASIL JUALAN MASA SIARAN IKLAN RTM BAGI TAHUN 2016 (MENGIKUT BULAN)



• Baucar Bayaran

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 52,897 baucar bayaran bernilai RM964Juta telah berjaya diproses. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 52,368 (99%) baucar bayaran telah berjaya diproses dalam tempoh kurang dari tiga (3) hari bekerja dan sebanyak 99% pembayaran telah dibuat secara Pindahan Dana Elektronik (EFT). Perincian prestasi pembayaran bagi tahun 2014 sehingga tahun 2016 adalah seperti di Carta 1.



Peratus Pembayaran melalui EFT dan Cek Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

• Pinjaman Komputer dan Pendahuluan

Manakala bagi permohonan pinjaman komputer dan pendahuluan daripada Pusat Tanggungjawab (PTJ), sebanyak 1,218 permohonan pendahuluan diri dalam negeri, 30 permohonan pendahuluan luar negeri, 18 permohonan pendahuluan pelbagai dan 63 permohonan pinjaman komputer telah diproses dalam tempoh dua (2) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

• Sistem e-AP58(a)

Selain itu, sistem permohonan dan kelulusan Sijil AP58(a) secara *online* iaitu Sistem e-AP58(a) telah mula digunakan oleh semua PTJ di bawah Pejabat Perakaunan KKMM bermula Mac 2016. Sebanyak 209 kelulusan sijil AP58(a) telah diluluskan dengan jumlah RM9.876juta. Penggunaan sistem ini telah mempercepatkan proses permohonan pembayaran AP58(a) dan menyediakan pelbagai format laporan berkaitan AP58(a) berserta cetakan sijil AP58(a) bagi kegunaan Pejabat Perakaunan dan PTJ.

• Gaji

Secara keseluruhannya, Bahagian ini telah memproses 45,814 penyata gaji yang berjumlah RM188,882,339.49 untuk warga kerja KKMM di Lembah Kelang pada tahun 2016. Perincian bilangan dan amaun bayaran gaji mengikut bulan adalah seperti di Carta 2 dan Carta 3.

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Carta 2: Bilangan kakitangan di Master Payroll Tahun 2016



Sepanjang tahun 2016, bilangan kakitangan KKMM yang dibayar gaji adalah di antara 3,800 orang sehingga 3,854 orang dari bulan Januari sehingga Disember 2016 berdasarkan pertukaran masuk dan keluar pegawai dengan jumlah amaun bayaran gaji sebanyak RM15 juta melalui sistem *payroll* di Bahagian Akaun.

Carta 3: Jumlah Amaun Bayaran Gaji Setiap Bulan Tahun 2016



Selain itu, bayaran gaji pada bulan Ogos telah meningkat sebanyak RM17.128juta berbanding bayaran gaji bulan Julai 2016 yang berjumlah RM15.680juta dengan peningkatan sebanyak RM1.45juta (9.3%) selaras dengan

keputusan Kerajaan memberikan 1 KGT (Kenaikan Gaji Tahunan) tambahan pada bulan Julai 2016 dan juga pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/2016 (Rasionalisasi Skim Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia) yang telah dibayar bermula gaji bulan Julai 2016. Manakala pembayaran gaji pada bulan Oktober, November dan Disember 2016 dengan purata bayaran sebanyak RM15.90 juta adalah mengambil kira KGT biasa yang dibayar mengikut bulan-bulan tertentu setiap tahun.

Selain itu, bagi mengatasi isu-isu audit berkaitan pembayaran emolumen dan kelancaran pembayaran gaji pegawai kontrak, beberapa siri mesyuarat dan taklimat dengan PTJ telah diadakan. Antaranya Mesyuarat Penyelarasan Isu Gaji pada 27 Januari 2016, 10 Mei 2016 dan 3 November 2016.

• Akaun dan Pelaporan

Akaun-akaun bank utama yang merangkumi Akaun Bayaran, Akaun Terimaan dan Akaun EFT juga dikawal selia oleh Bahagian ini. Antara fungsi adalah untuk memastikan keperluan dana adalah mencukupi bagi tujuan pembayaran sama ada melalui EFT ataupun Cek. Sebanyak RM1,064 juta dana telah dimohon untuk membiayai perbelanjaan sepanjang tahun 2016.

Seterusnya, urusan penggantian EFT Ditolak/ Cek Terbatal juga perlu dikawal selia. Pada tahun 2016, sebanyak 13 cek dan 148 EFT telah dibuat penggantian iaitu 17.9% pengurangan berbanding tahun sebelumnya. Taklimat Penutupan Akaun Tahun 2016 telah diadakan pada 2 Disember 2016 dan kesemua 13 PTJ di sekitar Lembah Klang telah hadir ke sesi taklimat tersebut. Kertas kerja sokongan penutupan akaun 2016 juga telah berjaya dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada 10 Februari 2017.



Taklimat Penutupan Akaun Tahun 2016

- **Pengumpulan Data Perakaunan Akruan**

Cabaran utama Kementerian dalam melaksanakan transformasi sistem perakaunan Kerajaan Persekutuan daripada Sistem Asas Tunai kepada Sistem Asas Akruan adalah berkaitan aktiviti pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti Kementerian yang terdiri daripada baki awal Aset Tak Alih (ATA), Aset Alih (AA), Aset Dalam Pembinaan (AUC), Akaun Belum Terima (ABT) dan Akaun Belum Bayar (ABB) kerana memerlukan pelaksanaan yang komprehensif dan berhadapan dengan isu data yang tidak lengkap.

Walaupun bagaimanapun, proses pengumpulan data bagi tahun 2016 ini berjalan dengan lancar dan mendapat kerjasama daripada semua PTJ Kementerian. Sebanyak 12 laporan bulanan yang terdiri daripada baki awal ATA, AA, AUC, ABT dan ABB telah berjaya dikemukakan kepada JANM dan aktiviti pengumpulan data aset dan liabiliti kementerian telah mencapai prestasi 100% dengan nilai keseluruhan aset Kementerian berjumlah RM10,392juta dan liabiliti berjumlah RM0.291juta seperti perincian di Carta 4.

Carta 4: Kedudukan Baki Awal Aset dan Liabiliti Kementerian




• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Seterusnya, pihak Unit Audit Dalam (UAD) melaksanakan verifikasi ke atas data-data yang telah dikumpulkan sebelum aktiviti migrasi data ke sistem 1GFMAS dilaksanakan. Pada tahun 2016, aktiviti verifikasi data oleh UAD adalah sebanyak dua kali iaitu melibatkan data *cut off* 31 Disember 2015 dan data *cut off* 30 Jun 2016. Manakala proses migrasi data telah dilaksanakan bagi data *cut off* 31 Disember 2015.

• **Perakaunan Aset**

Selaras dengan aktiviti pengumpulan dan pengesahan data baki awal aset Kementerian, sebanyak 20 siri lawatan verifikasi AA telah dilaksanakan kepada PTJ-PTJ di bawah Kementerian dan sebanyak 3,897 AA dengan nilai RM72.693juta seperti perincian di Carta 5 telah disemak bagi memastikan data AA yang dilaporkan dan diakaunkan adalah tepat.



	JDPD	JAPEN	JASA	RTM
Bil. PTJ	1	7	7	5
Bil. Aset	145	1327	465	1960
Nilai (RM, Juta)	0.074	18.795	4.22	49.604

Siri lawatan ini akan diteruskan pada tahun 2017 dalam usaha bahagian ini memantau dan memastikan AA diakaunkan dengan tepat serta memberikan kesedaran kepada PTJ akan kepentingan maklumat AA yang tepat di dalam penyata kewangan Kerajaan.

• **Tadbir Urus Perakaunan Akruan**

Tadbir urus pelaksanaan Perakaunan Akruan di Kementerian adalah melalui penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan (JKPPA) dan Jawatankuasa Pengumpulan Data (JKPD). JKPPA bertanggungjawab dalam memantau aktiviti-aktiviti perakaunan akruan, melaporkan status pelaksanaan perakaunan akruan kementerian kepada Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Akruan JANM dan memastikan peruntukan kewangan, sumber manusia dan keperluan infrastruktur ICT mencukupi.

JKPD pula bertanggungjawab dalam memantau dan menyelaras aktiviti pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti Kementerian yang melibatkan kesemua 68 PTJ Kementerian. Sepanjang tahun 2016, sebanyak tiga (3) kali Mesyuarat JKPPA dan empat (4) kali Mesyuarat JKPD telah berjaya dilaksanakan seperti perincian di bawah :

Mesyuarat JKPPA

Bil 1/2016-31 Mac 2016

Bil 3/2016-10 Nov 2016

Bil 2/2016-1 Ogos 2016

Skop perbincangan utama Mesyuarat JKPPA adalah berkaitan dengan :

1. Status Pengumpulan data
2. Status Pelaksanaan Kursus Perakaunan Akruan
3. Status Pembangunan sistem 1GFMAS dan polisi perakaunan
4. Status keperluan sumber manusia (perjawatan)

Mesyuarat JKPD

Bil 1/2016-15 Feb 2016

Bil 3/2016-28 Jun 2016

Bil 2/2016-5 Mei 2016

Bil 3/2016-8 Sep 2016

Skop perbincangan utama Mesyuarat JKPD adalah berkaitan dengan :

1. Status pengumpulan data mengikut jabatan dan PTJ
2. Permohonan dan pemilikan tanah Kementerian
3. Laporan pengesahan data oleh Unit Audit Dalam
4. Penyelarasan tindakan susulan dan permohonan hapus kira Akaun Belum Terima
5. Laporan lawatan verifikasi aset alih oleh Bahagian Akaun
6. Kem status kemajuan proses migrasi data (Mock Run)



- **Naziran eSPKB**

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 27 lawatan naziran meliputi 13 PTJ di sekitar Lembah Kelang dan 14 PTJ di negeri telah dilaksanakan. Lawatan ini bertujuan untuk memantau tahap pematuhan PTJ terhadap garis panduan pelaksanaan eSPKB dan juga peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Pendekatan yang dilaksanakan lebih menjurus kepada memberikan khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada pegawai-pegawai di PTJ yang dilawati. Hasil dari pendekatan yang dilaksanakan, 2 PTJ di Lembah Kelang telah mencapai tahap yang cemerlang, 11 PTJ berada di tahap yang baik manakala baki dua (2) PTJ berada di tahap memuaskan seperti di Carta 7. Bagi PTJ di negeri pula, penilaian dibuat oleh JANM di negeri berkenaan.

- **Semakan Dokumen Akaun Terimaan**

Selain dari menjalankan naziran, semakan ke atas 744 Dokumen Akaun Terimaan yang telah diterima dari 62 pejabat pemungut seluruh Malaysia sepanjang tahun 2016 telah dilaksanakan oleh Bahagian ini. Kesemua penyata tersebut telah berjaya disemak dalam tempoh yang ditetapkan. Bagi menilai tahap keberkesanan kawalan dalaman yang dilaksanakan dalam pengurusan kutipan terimaan ini, lawatan ke 14 Pusat Pemungut sepanjang tahun 2016 turut diadakan.

- **Mesyuarat Perhubungan Bersama SUBK (P)**

Mesyuarat telah diadakan pada 10 Mei 2016 dan 3 November 2016 bertujuan membincangkan dan menyelaraskan hal-hal berkaitan naziran dan penyemakan dokumen akaun terimaan serta hal-hal operasi iaitu pengurusan bayaran, gaji, akaun dan pelaporan. Mesyuarat ini juga adalah sebagai platform untuk berkongsi pendapat antara Jabatan/PTJ Kementerian berkaitan pengurusan kewangan serta mencari jalan penyelesaian bagi masalah yang dihadapi oleh jabatan. Mesyuarat ini diadakan dua (2) kali setahun bagi mendekati lagi BA dengan Jabatan/PTJ Kementerian.



• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

MENINGKATKAN TAHAP KOMPETENSI WARGA KERJA KKMM

• Latihan/ Kursus

Bahagian ini telah menetapkan dua aktiviti berkaitan latihan/kursus iaitu dengan menganjurkan sendiri kursus/ latihan dan menghantar peserta untuk menyertai kursus-kursus anjuran agensi luar. Sepanjang tahun 2016, 17 kursus anjuran Bahagian dan lima (5) kursus anjuran agensi luar telah berjaya dicapai dengan perincian seperti di Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Kursus/ Latihan Bahagian Akaun

BIL.	PTJ	BIL. PESERTA	SKIM KEWANGAN & PERAKAUNAN	LAIN-LAIN SKIM
1.	KKMM	123	101	22
2.	RTM	126	59	67
3.	JAPEN	150	67	83
4.	JASA	136	50	86
5.	IPPTAR	22	15	7
6.	JPDP	13	4	9
7.	BERNAMA	1	1	-
8.	FINAS	1	1	-
	JUMLAH	572	298	274

• Seminar Perakaunan

Disamping menganjurkan kursus-kursus berkaitan Perakaunan Tunai Ubahsuai dan Perakaunan Akruan, Bahagian ini juga menganjurkan Seminar Perakaunan yang telah masuk tahun kelima penganjurannya. Seminar ini telah diadakan pada 22 November 2016 di Auditorium Kementerian Kewangan, Putrajaya. Seminar ini telah dihadiri oleh Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan KKMM dan jabatan serta agensi di bawahnya.

B. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) KKMM berperanan sebagai peneraju strategik dalam pelaksanaan program-program ICT Kementerian dan Jabatan/Agensinya. Perkhidmatan utama BPM adalah seperti berikut:



RAJAH 5.1: PERKHIDMATAN BPM

SOKONGAN TEKNIKAL ICT


Bahagian Pengurusan Maklumat bertanggungjawab menyediakan bantuan khidmat teknikal dan sokongan ICT bagi program-program anjuran KKMM dan Pusat Media Pilihan Raya. Antara kemudahan yang disediakan adalah merangkumi komputer peribadi, komputer riba, pencetak, talian internet, talian telefon dan talian faks. Khidmat sokongan teknikal ICT yang disediakan oleh BPM sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

RANGKAIAN



RAJAH 5.2 : PROGRAM ANJURAN KKMM SEPANJANG TAHUN 2016

Perkhidmatan rangkaian tanpa wayar KKMM (KKMM-Guest) disediakan secara percuma kepada warga KKMM dan pengunjung Kompleks KKMM dengan kapasiti kelajuan yang telah dinaik taraf daripada 200Mbps kepada 400Mbps mulai Jun 2016.



RAJAH 5.3 : PILIHAN RAYA SEPANJANG TAHUN 2016

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KESELAMATAN ICT DAN PENGOPERASIAN PUSAT DATA

Persekitaran ICT yang selamat merupakan antara aspek penting bagi memastikan keyakinan warga KKMM dan rakyat terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Sehubungan itu, pemantauan terhadap transaksi capaian Internet serta akses kepada Laman Web, Laman Portal dan Sistem Aplikasi sentiasa dilaksanakan dengan objektif meminimumkan risiko berlakunya insiden keselamatan seperti serangan *malicious code*, *malware* dan pencerobohan (*intrusion*).

Pusat Data KKMM juga sentiasa dipantau bagi memastikan ketersediaan operasi yang optimum bagi mengurangkan gangguan ke atas perkhidmatan Portal dan Sistem Aplikasi di KKMM. Pada tahun 2016, ketersediaan operasi Pusat Data KKMM adalah 97.68% dan berada pada tahap yang memuaskan.

PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN SISTEM APLIKASI

BPM berperanan membangunkan sistem aplikasi baharu, menyelenggara dan memantapkan sistem aplikasi sedia ada. Sepanjang tahun 2016, sistem baharu yang telah dibangunkan ialah Sistem Pengurusan Perjawatan (sjaw) dan Sistem Pengurusan Program MINDA masing-masing untuk kegunaan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dan Bahagian Infrastruktur dan Aplikasi (BIA).

BPM turut mengambil inisiatif baharu dengan membangunkan Aplikasi Mobil KKMM iaitu *Mobile Apps ePuspal*. Ini merupakan satu inovasi KKMM dalam usaha mempelbagaikan saluran penyebaran maklumat kepada rakyat. Pemohon boleh menyemak status permohonan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara dengan pantas, cepat dan tepat menerusi platform mudah alih ini yang boleh dicapai di mana-mana lokasi.

Sepanjang 2016 sebanyak 27 sistem aplikasi telah dipantau dan diselenggara. BPM juga bertanggungjawab memberi khidmat

nasihat dan sokongan teknikal untuk *Sistem Airtime Revenue Management System (ARMS)* dan Sistem Pendaftaran Pengguna Data (SPPD).

PENGURUSAN PORTAL



Portal Rasmi KKMM merupakan saluran utama untuk menyampaikan maklumat perkhidmatan dan program terkini KKMM kepada rakyat.

BPM bersama-sama dengan UKK bertanggungjawab dalam pengemaskinian kandungan portal. Di antara kandungan utama yang dikemaskini adalah:


- Ucapan Menteri/Timbangan Menteri/KSU
- Kenyataan/Siaran Media
- Gambar-gambar aktiviti/program Kementerian dan Jabatan/Agensi.

SOKONGAN APLIKASI EG

BPM berperanan sebagai pentadbir sistem bagi aplikasi EG seperti Sistem Pengurusan Aset (SPA), *Digital Document Management System 2.0 (DDMS)*, *MyMesyuarat 2.0* dan Aplikasi Profil Projek ICT Sektor Awam (PROFIT). BPM juga menyediakan khidmat sokongan teknikal bagi aplikasi EG yang lain seperti Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS), Sistem Pemantauan Projek (SPPII), 1GovUC dan 1Gov*net.

LATIHAN ICT

Sepanjang 2016, BPM telah melaksanakan sebanyak 11 latihan ICT bagi personel IT Kementerian dan jabatan/agensi di bawahnya. Butiran latihan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :



RAJAH 5.5 : LATIHAN ICT BPM



AUDIT PEMANTAUAN TAHUN KEDUA SIRIM BAGI PENSIJILAN ISMS ISO/IEC 27001:2013

KKMM berjaya mengekalkan pensijilan ISMS ISO/IEC 27001:2013 bagi skop "Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Bagi Pengoperasian Pusat Data KKMM untuk Sistem Pengurusan Kandungan Portal Rasmi KKMM" melalui Audit Pemantauan (*Surveillance Audit*) Tahun Kedua SIRIM yang telah dilaksanakan pada 29 dan 30 Ogos 2016.

PROGRAM HACKATHON DATA TERBUKA SEKTOR AWAM 2016

Program *Hackathon* Data Terbuka Sektor Awam 2016 berlangsung secara berterusan selama 48 jam di Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dari 25 hingga 27 Oktober 2016 dengan tema "*Unleashing The Power of Open Data for Innovation*" telah dianjurkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan (MAMPU) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi, SKMM, GITN Sdn Bhd (GSB) dan *Malaysia Digital Economy Corporation* Sdn. Bhd (MDEC).

Program ini adalah platform pertandingan dengan tujuan menggalakkan pembangunan aplikasi atau produk berasaskan data terbuka. Pertandingan ini disertai 38 kumpulan membabitkan 132 peserta yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu penjawat awam dan industri, Institut Pengajian Tinggi (IPT) serta pelajar sekolah menengah.

Kumpulan G-NgajiBoh yang terdiri daripada 2 pegawai BERNAMA dan 2 orang pegawai BPM telah mewakili KKMM dalam pertandingan ini berjaya menghasilkan inovasi dalam capaian maklumat berkaitan pemilihan kursus/bidang pengajian di IPTA dan IPTS berbanding peluang kerjaya masa kini berdasarkan permintaan pasaran melalui produk NgajiMano.

PENGURUSAN PORTAL RASMI KKMM BERDASARKAN PROVIDER BASED EVALUATION (PROBE) OLEH MDEC – PENILAIAN LAMAN WEB SEKTOR AWAM

Pada tahun 2015 MDEC telah memperkenalkan kaedah baru bagi penilaian laman web sektor awam yang dikenali sebagai *Provider Based Evaluation* (ProBE). Bagi penilaian ProBE 2016, sebanyak 17 kriteria baru telah diperkenalkan sebagai tambahan kepada kriteria 2015. Kementerian dan Jabatan/Agensi telah memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini dan telah melaksanakan inisiatif berikut:

- i) Penambahbaikan dan pengemaskinian kandungan berdasarkan kriteria ProBE 2016.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

- ii) Bengkel pengukuhan kriteria.
- iii) Memperkasakan fungsi Jawatankuasa Laman Web/Portal KKMM dan Jabatan/Agensi dengan mengadakan mesyuarat secara berkala.
- iv) Penilaian sendiri ProBE bagi memastikan Portal Rasmi KKMM dan Jabatan/Agensi memenuhi kriteria dan tersedia untuk penilaian ProBE 2016.

PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK TEKNOLOGI MAKLUMAT KKMM 2016-2020

Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) mengandungi garis panduan pelaksanaan projek ICT yang kos efektif dan selaras dengan keutamaan keperluan pengurusan dan operasi untuk tempoh masa tertentu. Pembangunan PSTM KKMM dilaksanakan secara dalaman dengan penglibatan semua bahagian/unit di Kementerian. Bengkel untuk merangka visi, misi, teras strategik ICT dan program telah diadakan pada 30 hingga 31 Mei 2016 manakala bengkel untuk mengenal pasti dan merancang pelan tindakan ICT termasuk anggaran kos dan prioriti program telah diadakan pada 15 November 2016. Draf dokumen PSTM dan dokumen Ringkasan Eksekutif sedang disediakan.

C. Program Pembangunan (BPB & BIA)

KKMM secara khusus melaksana, memantau, menyelia dan menguruskan projek-projek pembangunan dalam RMK-11 bagi KKMM dan Jabatan / Agensi di bawahnya dengan lebih cekap dan efisien setelah penggunaan sistem *Rolling Plan* (RP). KKMM juga telah memastikan peruntukan pembangunan dibelanjakan dengan baik bagi mencapai prestasi perbelanjaan yang telah ditetapkan pada setiap tahun. Bagi tahun 2016, KKMM telah mengurus perbelanjaan jumlah siling yang diperuntukkan dalam RMK -11 sebanyak **RM326,609,443.00**juta.

Jadual di bawah menunjukkan prestasi perbelanjaan projek-projek pembangunan KKMM RMK-11 sehingga 31 Disember 2016.

Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan

KKMM telah membelanjakan sebanyak RM270,091,557.11 juta atau 82.70% daripada peruntukan yang disalurkan sebanyak RM326,609,443.00juta bagi tahun 2016. Perbelanjaan pembangunan KKMM yang dibahagikan kepada Sektor Penerangan dan Sektor Komunikasi Multimedia.

Kkmm	Bilangan Projek	Perbelanjaan	Peratus (%)
Penerangan	58	RM2,946,712.65	73.06
Komunikasi Multimedia		RM267,144,844.46	82.81
JUMLAH		RM270,091,557.11	82.70

Jadual Prestasi Perbelanjaan Projek-projek Pembangunan RMK-11

LAPORAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11(RP-1, 2016-2017) JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

1. Projek Pembangunan

Projek pembangunan adalah sebahagian daripada pelaburan sektor awam di bawah kerangka dasar dan strategi pembangunan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Projek pembangunan dikenal pasti berdasarkan kepada program Kementerian dan Jabatan serta dilaksanakan menggunakan peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan.

2. Peruntukan Projek Pembangunan

Peruntukan projek pembangunan adalah bajet yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri bagi melaksanakan projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia (RMKe). Peruntukan projek pembangunan adalah perbelanjaan modal dan perbelanjaan tidak terulang serta bukan perbelanjaan penggunaan sebaliknya lebih bersifat pelaburan. Justeru ianya melibatkan modal atau peruntukan yang besar dan memberikan faedah jangka masa panjang serta memerlukan penyeliaan dan penyelenggaraan yang teratur.

3. Projek Pembangunan Jabatan RMKe-11 (RP-1, 2016-2017)

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RP-1, 2016-2017), Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan dua (2) Projek Pembangunan Fizikal dan satu (1) Projek Pembangunan Bukan Fizikal bagi pembangunan Jabatan Penerangan Malaysia seperti berikut :-

Bil.	Nama Projek	Daerah/ Negeri Projek Dilaksanakan	Kos Siling Projek (RM)	Tahun Projek Dijangka Slap/ Beroperasi
1.	Projek Pembinaan Bangunan Baru Pejabat Penerangan Daerah Pekan, Pahang	Pekan, Pahang	4.5 juta	2018
2.	Projek Pembinaan Bangunan Baru Pejabat Penerangan Daerah Rompin, Pahang	Rompin, Pahang	4.5 juta	2018
3.	Projek Perolehan Operasi Pusat Media dan Komunikasi Bergerak (MMCC-Mobile Media and Communication Centre)	Putrajaya, Sarawak dan Sabah	2.65 juta	2018

Projek Pembinaan Bangunan Baru Pejabat Penerangan Daerah Pekan, Pahang

Projek ini merupakan projek menggantikan bangunan sedia yang tidak lagi ekonomi untuk dilaksanakan penyelenggaraan. Pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan di Daerah Pekan, Pahang. Ini berikutan bangunan sedia ada tidak lagi dapat menampung pengunjung Pusat Maklumat Rakyat (PMR), ruang kerja yang terhad, sistem pendawaian elektrik yang tidak selamat dan keadaan bangunan yang telah uzur untuk dibaik pulih. Oleh itu, projek ini akan dilaksanakan dengan merobohkan bangunan sedia ada bagi tujuan perlaksanaannya yang lengkap dengan kemudahan serta fasiliti yang lebih sempurna. Projek ini akan dibina diatas Lot 18, Sek. 8, Jalan Tok Tuan, 26500 Pekan dengan keluasan tanah 2673 m². Pembinaan projek ini akan diselia oleh pihak Jabatan Kerja Raya Daerah Pekan dan dipantau oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang.

Kos RMKe-11	: RM 4,500,000.00
Siling Projek RP-1 (2016)	: RM 100,000.00
Siling Projek RP-1 (2017)	: RM 1,920,000.00
Siling Projek RP-1 (2018)	: RM 2,380,000.00
Siling Projek RP-1 (2019)	: RM 100,000.00
Tarikh Iklan Tender	: 17 November 2016
Tarikh SST	: 15 Mac 2017
Tarikh Milik Tapak	: 30 Mac 2017
Tarikh Siap	: 14 Mac 2018
Tarikh Serah Projek	: 30 Mac 2018
Tempoh Pembinaan	: 51 Minggu

i. Projek Pembinaan Bangunan Baru Pejabat Penerangan Daerah Rompin, Pahang

Projek ini merupakan projek menggantikan bangunan sedia yang tidak lagi ekonomi untuk dilaksanakan penyelenggaraan. Pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan di Daerah Rompin, Pahang. Ini berikutan bangunan sedia ada tidak lagi dapat menampung pengunjung Pusat Maklumat Rakyat (PMR), ruang kerja yang terhad, sistem pendawaian elektrik yang tidak selamat dan keadaan bangunan yang telah uzur untuk dibaik pulih. Oleh itu, projek ini akan dilaksanakan dengan merobohkan bangunan sedia ada bagi tujuan perlaksanaannya yang lengkap dengan kemudahan serta fasiliti yang lebih sempurna. Projek ini akan dibina diatas Lot 18, Jalan Kilat 26800 Rompin dengan keluasan tanah 3102 m². Pembinaan projek ini akan diselia oleh pihak Jabatan Kerja Raya Daerah Rompin dan dipantau oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Kos RMKe-11	: RM 4,500,000.00
Siling Projek RP-1 (2016)	: RM 100,000.00
Siling Projek RP-1 (2017)	: RM 1,920,000.00
Siling Projek RP-1 (2018)	: RM 2,380,000.00
Siling Projek RP-1 (2019)	: RM 100,000.00
Tarikh Iklan Tender	: 17 November 2016
Tarikh SST	: 28 Februari 2017
Tarikh Milik Tapak	: 15 Mac 2017
Tarikh Siap	: 27 Februari 2018
Tarikh Serah Projek	: 15 Mac 2018
Tempoh Pembinaan	: 51 Minggu

ii. **Projek Perolehan Operasi Pusat Media dan Komunikasi Bergerak (MMCC-Mobile Media and Communication Centre)**

Projek ini merupakan projek perolehan teknologi baru di dalam Jabatan Penerangan Malaysia. Projek ini menyediakan kenderaan bergerak yang lengkap dengan Sistem VSAT untuk memberi perkhidmatan data internet semasa bencana berlaku. Selain daripada itu, projek ini juga merupakan penghubung maklumat dengan mudah dan cepat diantara masyarakat dan pihak Kerajaan. Perolehan projek ini terbahagi kepada dua (2) komponen asas iaitu, Kenderaan Bergerak dan juga Sistem VSAT. Pusat Media dan Komunikasi Bergerak ini akan ditempatkan di Negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia dengan enam (6) buah Kenderaan VSAT Bergerak. Perolehan projek ini akan diselia oleh pihak Jabatan Penerangan Malaysia.

Kos RMKe-11	: RM 2,650,000.00
Siling Projek RP-1 (2016)	: RM 1,050,000.00
Siling Projek RP-1 (2017)	: RM 1,024,000.00
Siling Projek RP-1 (2018)	: RM 576,000.00
Tarikh Perolehan	: 12 Januari 2017
Kenderaan (Rundangan Terus)	
Tarikh Jangka Tender	: 15 Mac 2017
Tarikh Jangka Siap	: 15 September 2017
Tarikh Jangka Serah	
Projek	: 30 November 2017
Tempoh Perlaksanaan	: 24 bulan

4. **Projek Pembinaan Jabatan Yang Siap Didalam RMKe-11 (RP-1, 2016-2017)**

Pada tahun 2016, terdapat tiga (3) Projek Pembinaan Fizikal RMKe-10 siap sepenuhnya di dalam RMKe-11 seperti berikut :-

Nama Projek	Kos Projek (RM)	Tarikh Projek Slap
Projek Pembinaan Bangunan Baru Pejabat Penerangan Daerah Batang Padang, Perak	3.0 juta	16 Februari 2016
Projek Pembelian dan Ubahsuai Bangunan Baru Pejabat Penerangan Bahagian/Daerah Beaufort, Sabah	6.6 juta	12 April 2016
Projek Pembinaan Bangunan Baru Pejabat Penerangan Daerah Batu Pahat, Johor	3.0 juta	25 Julai 2016

5. **Projek Pembinaan Jabatan Yang Dalam Pembinaan RMKe-11 (RP-1, 2016-2017)**

Nama Projek	Daerah/ Negeri Projek Dilaksanakan	Kos Siling Projek (RM)	Tahun Projek Dijangka Siap/ Beroperasi
Projek Pembinaan Bangunan Baru Kompleks Bersepadu Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) Wilayah Persekutuan Labuan	Wilayah Persekutuan Labuan	4.5 juta	2018

i. **Projek Pembinaan Bangunan Baru Kompleks Bersepadu Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM)**

Projek ini merupakan projek pembinaan bangunan baru bagi kegunaan Jabatan Penerangan Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan. Pembinaan bangunan baru Kompleks ini akan meliputi Jabatan Penerangan, Jabatan Penyiaran, Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan BERNAMA di bawah satu (1) pentadbiran KKMM. Lokasi pembinaan bangunan Kompleks ini di Lot PA 23479, Jalan Tanjung Taras, 87023 Wilayah Persekutuan Labuan dengan keluasan 4789 m². Kompleks ini akan dilengkapi dengan satu (1) unit blok bangunan

pentadbiran dua (2) tingkat, kafeteria, ruang kerja, surau, ruang pakir, pondok pengawal dan ruang pemungahan barang. Pembinaan projek ini akan diselia dan dipantau oleh pihak Jabatan Kerja Raya, Wilayah Persekutuan Labuan.

Kos RMKe-11	: RM 10,500,000.00
Siling Projek RP-1 (2016)	: RM 2,000,000.00
Siling Projek RP-1 (2017)	: RM 3,200,000.00
Siling Projek RP-1 (2018)	: RM 4,800,000.00
Tarikh Iklan Tender	: 16 November 2015
Tarikh Milik Tapak	: 11 Julai 2016
Tarikh Siap	: 8 Julai 2018
Tempoh Pembinaan	: 24 bulan
Kos Kontrak	: RM 9,540,941.28
Status Projek sehingga 31 Disember 2016	: 6% (Kerja-kerja <i>load testing & pilling</i>)

Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC)

Kerajaan telah meluluskan peruntukan Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) di bawah RMK11 sebanyak RM30,000,000.00 untuk membantu pengeluar filem tempatan supaya terus menghasilkan filem-filem cereka tempatan. Kerajaan masih meneruskan pemberian insentif ini kerana menyedari kepentingan industri kandungan kreatif yang boleh menyumbangkan kepada ekonomi negara.

Di antara syarat-syarat pemberian ITFC ialah filem cereka tempatan yang telah ditayangkan di pawagam dan berdaftar melalui Skim Wajib Tayang pada atau selepas 1 Julai 2011. Sepanjang tahun 2016, tiga (3) kali pemberian ITFC telah dilaksanakan. Sebanyak 88 buah filem cereka, 60 buah syarikat telah menerima ITFC dengan melibatkan pembayaran Insentif sebanyak RM6,852,341.74.

Pemberian pertama telah dilaksanakan pada 29 Mei 2016 di

Pawagam Mini P.Ramlee, FINAS Hulu Kelang dan disampaikan oleh Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak, Menteri KKMM. Sebanyak 27 buah filem, 17 buah syarikat telah menerima ITFC dengan melibatkan pembayaran Insentif sebanyak RM3,009,762.94.

Pemberian kedua telah dilaksanakan pada 25 Ogos 2016 di Panggung 1, FINAS Petaling Jaya dan disampaikan oleh Dato' Mohd Khusairi Abdul Talib, Pengerusi FINAS. Sebanyak 28 buah filem, 20 buah syarikat telah menerima ITFC dengan melibatkan pembayaran Insentif sebanyak RM1,731,333.60. Manakala pemberian ketiga telah dilaksanakan pada 29 Disember 2016 di Pawagam Mini P.Ramlee, FINAS Hulu Kelang dan disampaikan oleh Dato' Mohd Khusairi Abdul Talib, Pengerusi Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. Sebanyak 33 buah filem, 23 buah syarikat telah menerima ITFC dengan melibatkan pembayaran Insentif sebanyak RM2,111,245.20.



Pemberian pertama telah dilaksanakan pada 29 Mei 2016 di Pawagam Mini P.Ramlee, FINAS Hulu Kelang dan disampaikan oleh Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak, Menteri KKMM.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



Pemberian ketiga telah dilaksanakan pada 29 Disember 2016 di Pawagam Mini P.Ramlee, FINAS Hulu Kelang dan disampaikan oleh Dato' Mohd Khusairi Abdul Talib, Pengerusi FINAS.

CENTER OF EXCELLENCE (COE)

Matlamat penubuhan COE adalah untuk menjadikan FINAS Petaling Jaya sebagai pusat kecemerlangan bertaraf dunia bagi produksi, sumber rujukan, pemuliharaan dan pemeliharaan kandungan digital negara. Bagi memastikan matlamat ini dicapai secara berterusan dengan jayanya, berikut adalah komponen bagi menjayakan matlamat di atas iaitu Produksi Kandungan Digital FINAS, *Mediatheque*, Restorasi dan Preservasi Kandungan Digital, *Museum Of Moving Images (MOMI)* dan Transformasi Tenaga Mahir Dalam Sedia Ada.

Produksi Kandungan Digital FINAS

FINAS telah berjaya memperoleh sebahagian daripada kamera sedia ada yang digunakan dalam penyediaan promo, dokumentari, dan liputan arkib terbitan agensi. Kualiti penghasilan produksi telah berjaya dipertingkatkan dengan peruntukan yang telah disediakan melalui Projek COE ini. Bagi tahun 2016, FINAS telah berjaya menerbitkan sejumlah 225 judul kandungan melebihi sasaran yang telah ditetapkan sepanjang 2016. Bagi tahun 2017, sejumlah 400 judul liputan arkib telah disasarkan.

Mediatheque

Sejumlah 37 lawatan dan tujuh (7) program telah berjaya diadakan sepanjang tahun 2016. Hasil dari lawatan dan program yang telah diadakan ini, FINAS telah berjaya mengumpul sejumlah 5463 pengunjung yang terdiri daripada penggiat industri, pelajar dan masyarakat. Melalui program yang telah diadakan, para pengunjung dapat lebih mengenali dengan lebih dekat FINAS sekaligus dapat menjadikan *Mediatheque* FINAS sebagai *hub* khazanah kandungan negara. Melalui projek COE, FINAS telah berjaya menambah baik 2 unit *film vault* sedia ada, mengikut piawaian antarabangsa. Ini sekaligus membolehkan FINAS memelihara khazanah kandungan negara agar kekal dan ianya boleh dijadikan sumber rujukan di masa hadapan. Bagi tahun 2017, sejumlah 9,630 pengunjung telah disasarkan akan berkunjung ke *Mediatheque*.

Restorasi dan Preservasi Kandungan Digital

Sepanjang tahun 2016, pendigitalan bahan audio visual yang berformat analog telah dijalankan dengan menggunakan kemudahan fasiliti sedia ada di FINAS. Sejumlah 176 jam bahan audio visual telah berjaya dialih digital dan tersedia bagi urusan pengarkiban khazanah kandungan negara. Sepanjang tahun 2016, dalam usaha memperoleh semula kandungan serta bahan berkaitan sejarah Festival Filem Malaysia (FFM), FINAS telah berjaya memperoleh kesemua trofi anugerah FFM, buku rujukan Malam FFM dan 40% rakaman Malam Anugerah FFM dari tahun 1981 hingga 2016. Bagi tahun 2017, pendigitalan bahan audio visual akan diteruskan dan telah meletakkan sasaran sebanyak 200 jam. Pendigitalan yang bakal dilaksanakan turut melibatkan pendigitalan bahan audio visual pelbagai format seperti pita VHS, pita U-Matic, dan Mini-DV.

Museum of Moving Images (MOMI)

MOMI merupakan muzium pertama di rantau Asia Tenggara, yang didedikasikan khas kepada pameran dan pembelajaran industri perfileman tempatan. Muzium mini khusus untuk industri perfileman menjadi platform bagi pameran bahan sedia ada untuk masyarakat memahami industri perfileman. MOMI juga menyediakan lawatan berpandu kepada pengunjung untuk

menyaksikan proses produksi dan restorasi kandungan digital bagi memupuk minat masyarakat awam melalui pengetahuan dan pemahaman bagi proses penerbitan pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah kandungan negara. Sepanjang tahun 2016, sejumlah 8,226 pengunjung telah melawat muzium perfileman ini.

Transformasi Tenaga Mahir Dalam Sedia Ada

Dalam menghasilkan kandungan yang lebih berkualiti FINAS telah mengadakan kursus dan latihan yang melibatkan tenaga pakar dalam bidang penerbitan promo dan dokumentari. Program transformasi tenaga mahir dalam akan lebih dipergiatkan merangkumi penerbitan, restorasi dan preservasi khazanah kandungan negara.

Produksi Kandungan Digital FINAS



Penggambaran Video Promo sempena Hari Polis Sedunia



Liputan Arkib sempena Hari Pahlawan 2016

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



Unit Bengkel Latihan Bahagian Pembangunan Ekosistem Modal Insan, FINAS

Pelaksanaan program memperkasa modal insan industri kreatif bermatlamat untuk mewujudkan pasaran buruh yang lebih cekap di mana 35% komposisi pekerja mahir tempatan menguasai pasaran buruh di peringkat nasional. Kumpulan sasar bagi menjayakan matlamat ini adalah rakyat Malaysia yang terdiri daripada penggiat/karyawan industri kreatif, orang awam, pekerja awam/swasta, pelajar luar bandar, pelajar pengajian tinggi dan penerbit program TV. Oleh itu empat (4) program utama telah diasaskan bagi mendapatkan komposisi buruh berkenaan:

1. **Program Pemacuan:** Memberi tumpuan kepada penggiat industri generasi muda bumiputera dari luar bandar dan mempunyai pengalaman menghasilkan produk kreatif

filem. Bimbingan daripada mentor bermula daripada peringkat pembangunan projek, yang mana ia melibatkan penjanaan idea, rekaan produksi, penyelidikan pasaran serta analisa pemasaran. Ini termasuklah menterjemah pembangunan sesuatu idea ke dalam bentuk penulisan skrip, penyelidikan dan pembangunan (R&D) konsep, pelan perniagaan, dan penyediaan dokumen-dokumen yang mesra pelabur.

2. **Program Pembangunan Kemahiran:** Satu aktiviti pembelajaran berterusan kepada penggiat-penggiat industri bagi memastikan mereka sentiasa mengekalkan prestasi kerja dari segi peningkatan ilmu, pengalaman dan kemahiran. Program dilaksanakan secara TVET menerusi bengkel-bengkel latihan dan amali. Tiga peringkat telah disasarkan iaitu *Greenhorn* bagi penggiat industri yang kurang berpengalaman atau sebagai pendatang baru, *Creator* bagi penggiat industri yang mempunyai pengalaman yang terhad, sebagai contoh, penggiat menerbitkan tiga (3) filem atau kurang dari sepuluh (10) tahun manakala *Professional* bagi penggiat industri yang mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun.

3. **Program Perkongsian Idea:** Suatu platform untuk pakar bidang kreatif dari dalam negara dan luar Negara, penggiat-penggiat industri, pensyarah institusi pengajian tinggi (IPT), penuntut-penuntut IPT berhimpun untuk berkongsi idea, maklumat dan teknologi terkini berkaitan industri kandungan kreatif. Platform yang dilaksanakan melalui sidang persidangan, simposium, forum dan seminar. Ia menasaskan percambahan idea antara penggiat industri yang berpengalaman dan manakala IPT disasarkan untuk melakukan transformasi bidang-bidang kritikal bagi industri.

4. **Program Kesedaran Industri Kreatif:** Kekerapan mengadakan kempen-kempen kesedaran ilmu yang disasarkan terhadap orang ramai dan belia terutamanya di luar bandar. Ini juga merangkumi kempen media yang menyebarkan informasi kejayaan industri kreatif dan potensi industri kandungan kreatif tersebut sebagai kerjaya bagi mereka yang berbakat.

FINAS pada tahun 2016 telah melaksanakan sebanyak 59 program memperkasa modal insan industri kreatif di mana 49% adalah Program Pembangunan Kemahiran, 15% adalah Program Pemacuan, 21% adalah Program Perkongsian Idea dan 15% adalah Program Kesedaran Industri Kreatif.

Pelaksanaan Program Pemacuan seperti 'Next New Wave', 'Shortcuts: A Filmmakers Workshop' dan 'Buy The Future' telah berjaya melatih seramai 175 warga industri generasi muda dan melalui program tersebut telah berjaya mengeluarkan lebih dari 20 buah kandungan kreatif berbentuk filem-filem pendek. Program *Next New Wave*, Putri Purnama Sugua finalis yang mewakili Malaysia ke ASEAN-Republic Of Korea Film Leader Youth Workshop atau FLY ROK di Phnom Pehn telah berjaya memenangi Asian Film Academy Scholarship.

a) Dalam program Pembangunan Kemahiran, FINAS melalui bengkel – bengkel dilaksanakan, setiap latihan-latihan komponen industri yang dianjurkan, telah bekerjasama dengan persatuan bukan kerajaan atau NGO. Program seperti Bengkel Penulisan Skrip, Penyuntingan Naratif, Dokumentari, Seni Lakonan, Audio, Pengarahan dan Teknik Kamera telah berjaya melatih seramai 873 penggiat-penggiat industri oleh pakar-pakar industri tempatan sendiri melalui 3 peringkat latihan iaitu bengkel-bengkel Asas, Pertengahan dan Lanjutan.

b) Program – program Perkongsian Idea juga telah berjaya menghimpun seramai 1208 warga industri dan ahli akademik bagi membincangkan pelbagai aspek-aspek kreatif. Program-program ini juga turut melibatkan pakar-pakar dari luar negara seperti Pengarah filem China, Profesor Xie Fei; Peter D. Marshall, Mark Travis, Geoff Schaff & Michael Bruce Adams dari Hollywood yang antaranya pernah memenangi anugerah berprestij Emmy Awards. Selain itu, Jen Bahan dan Jon Meier adalah pakar-pakar pengendali program VFX manakala Eliza Kubraska dan David Kaszlikowski, pembikin filem dokumentari antarabangsa.

c) Program Kesedaran Industri Kreatif pula berjaya mendedahkan 2,935 masyarakat awam tentang potensi kerjaya dalam industri kreatif yang majoriti nya adalah dari golongan belia. Program-program seminar kesedaran, tayangan-tayangan filem tempatan dan antarabangsa yang meliputi aktiviti eksperimen pembikinan filem asas seperti aktiviti Ekspresikan Kreativiti melalui program KREATIVITI@KOMUNITI adalah antara program yang dimaksudkan. Selainnya adalah program-program Majlis Perkongsian Ilmu Filem di Politeknik anjuran FINAS-FDAM dan Pesta Filem Kita. Berikut adalah gambar-gambar aktiviti-aktiviti program yang sempat dirakam di sepanjang program-program berlangsung.



• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

JABATAN PENYIARAN MALAYSIA PEMBANGUNAN FASILITI

Di bawah *Rolling Plan 1* Rancangan Malaysia Ke-11 bagi tahun pelaksanaan 2016 dan 2017 Jabatan Penyiaran Malaysia telah diperuntukkan lebih RM69juta bagi melaksanakan 11 bilangan projek baru bagi meningkatkan kualiti serta melebar luas perkhidmatan penerbitan dan penyiaran Jabatan kepada seluruh rakyat Malaysia. Projek-projek pembangunan yang dilaksanakan adalah seperti berikut ;

I) PEROLEHAN PERALATAN STUDIO RADIO UNTUK STESEN KAWASAN RTM DI SARAWAK

Projek yang bermula pada 24 Ogos 2016 sedang dalam proses penyiapan dan dijangka siap sepenuhnya pada 4 April 2017. Projek dengan kos RM6,521,040.00 melibatkan naiktaraf sistem penyiaran radio untuk empat (4) kawasan di Sarawak iaitu di RTM Bintulu, RTM Limbang, RTM Sibu dan RTM Sri Aman. Dengan projek ini kualiti penyiaran radio RTM akan ditingkatkan kepada kualiti digital. Perkhidmatan ini dapat dinikmati oleh masyarakat Sarawak di kawasan tersebut melalui siaran radio RTM iaitu SibuFM, LimbangFM, BintuluFM dan RasaFM.

II) PROJEK PENGISIAN LIPUTAN RADIO FM

Projek yang bermula pada 24 Ogos 2016 sedang dalam proses penyiapan dan dijangka siap sepenuhnya pada 29 April 2017. Projek dengan kos RM2,761,571 ini akan memberi perkhidmatan radio FM RTM kepada masyarakat sekitar yang masih tidak menerima perkhidmatan radio FM Kerajaan dengan pemasangan sistem pemancar di 11 lokasi . Lokasi tersebut adalah di Bukit Fraser Pahang, Pulau Tioman Pahang, Batu 18 Hulu Langat Selangor, Felda Trolak Perak, Ulu Slim Perak, Sg. Siput Perak, Gulau Sik Kedah, Bukit Kemiri Semporna Sabah, Pulau Brait Daro Sarawak, Simpang Ulu Skrang Sri Aman Sarawak dan Bukit Siang-Siang Lawas Sarawak. Siaran Radio yang akan dapat didengari seperti NasionalFM, KlasikFM, TraxxFM, AiFM, MinnalFM, AsyikFM, SarawakFM, SabahFM, SibuFM, RasaFM, LimbangFM dan TawauFM.

III) SISTEM PEMBERITAAN MUDAH ALIH *ELECTRONIC NEWS GATHERING* (ENG) STESEN NEGERI DAN DAERAH

Projek yang bermula pada 19 Disember 2016 sedang dalam proses penyiapan dan dijangka siap sepenuhnya pada 5 Jun 2017. Projek dengan kos RM8,988,889.00 ini menyediakan kemudahan sistem pemberitaan terkini untuk stesen-stesen RTM negeri dan kawasan di Sabah dan Sarawak. Melalui perolehan ini RTM dapat menyediakan laporan berita dan hal ehwal semasa dengan lebih cepat dan masa sebenar (*real-time*).

IV) SISTEM ARKIB AUDIO VISUAL DIGITAL DI JABATAN PENYIARAN SARAWAK DAN SABAH

Projek yang bermula pada 29 Ogos 2016 sedang dalam penyiapan dan dijangka siap sepenuhnya pada 12 Mac 2017. Projek dengan kos RM4,910,000.00 ini melibatkan pemasangan *Archiving System* di dua (2) lokasi iaitu RTM Sabah dan RTM Sarawak. Sistem Archiving ini merangkumi Library Management System (LMS), *Video Ingest System*, *Audio Ingest System*, *Storage Server*, *Media Asset Management (MAM)* untuk Video dan Audio dan *Non Linear Editing (NLE)*. Bagi *site* di Kuching, terdapat juga kerja-kerja civil dan mekanikal seperti pemasangan *Glass Server Room* dan *Compactus Rack*.

V) PEROLEHAN VAN SIARAN LUAR TV, RTM KUCHING

Projek yang bermula pada 17 Ogos 2016 sedang dalam proses penyiapan dan dijangka siap sepenuhnya pada 24 Mei 2017. Projek dengan kos RM10,917,998.94 ini akan dapat memberikan perkhidmatan penerbitan daripada negeri Sarawak kepada seluruh rakyat Malaysia melalui Sistem Van Siaran Luar dengan kualiti penerbitan berdefinisi tinggi (HD).

VI) MENAIKTARAF SISTEM RANGKAIAN IT BERSEPADU DI ANGKASAPURI

Projek yang bermula pada 29 Ogos 2016 sedang dalam proses penyiapan dan dijangka siap sepenuhnya pada 10

Februari 2017. Projek ini menelan belanja RM 5,283,944.00. Projek ini adalah projek menaik taraf infrastruktur sistem rangkaian bagi Kompleks Angkasapuri yang meliputi Wisma TV, Wisma Berita, Wisma Radio dan Bangunan *International Broadcasting Centre* (IBC). Skop projek ini dibahagikan kepada lapan (8) item utama, iaitu *Network Switches, Network Security, Server, Server Room Equipment, Wireless Network, Network Management System, Network Monitoring System* dan *Indoor Fiber Optic Cabling*. Selepas projek ini disiapkan, sistem rangkaian RTM akan berfungsi dengan lebih baik, selamat dan efisien. Selain itu, pengurusan sistem rangkaian akan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan teratur.

VII) SISTEM PENYIARAN RTM JOHOR

Projek yang bermula pada 29 Ogos 2016 sedang dalam proses penyiapan dan dijangka siap sepenuhnya pada 29 Mac 2017. Projek dengan kos RM 8,765,000.00 ini akan meningkatkan kualiti penerbitan dan penyiaran stesen RTM Johor kepada kualiti penyiaran radio digital melalui siaran JohorFM. Di samping itu Auditorium dengan kapasiti 500 orang akan dinaiktaraf melibatkan sistem audio dan sistem akustik keseluruhannya bagi memberi kualiti penerbitan dan persembahan yang terbaik kepada audien.

VIII) PEROLEHAN PERALATAN UNIT SIARAN LUAR RADIO

Projek yang bermula pada 12 Ogos 2016 sedang dalam proses penyiapan dan dijangka siap sepenuhnya pada 1 Mac 2017. Projek dengan kos RM3,852,173.00 ini menyediakan sebuah kenderaan lengkap dengan kemudahan peralatan siaran luar radio terkini (*Radio Outcast Broadcasting*). Melalui projek ini Jabatan Penyiaran khususnya RTM Sabah dapat melebarluaskan lagi perkhidmatan siaran dan penerbitan radio Sabah kepada masyarakat khususnya di kawasan pedalaman sebagai medium berita, maklumat dan hiburan secara langsung atau rakaman pada bila-bila masa.

IX) SISTEM SUNTINGAN *NON-LINEAR*, PENERBITAN TV RTM SABAH

Projek yang bermula pada 12 Ogos 2016 telah siap sepenuhnya pada 29 Disember 2016. Projek dengan kos RM3,742,600.00 ini telah meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan khususnya di Jabatan Penyiaran Negeri Sabah, Kota Kinabalu. Melalui perolehan ini, proses suntingan dan penghasilan penerbitan akan menjadi lebih pantas dan efisien.

X) SISTEM VISUAL *GRAPHIC-ON-AIR* DAN PANGKALAN DATA (*DATABASE*) UNTUK ANALISIS LIPUTAN SUKAN

Projek yang bermula pada 12 Ogos 2016 telah siap sepenuhnya pada 29 Disember 2016 dengan kos RM1,697,307.00. Melalui projek ini jabatan dapat menambah baik kualiti perkhidmatan khususnya dalam liputan siaran sukan melalui penambahan paparan grafik-grafik menarik dalam penyampaian liputan sukan agar setanding atau lebih baik dari siaran swasta atau antarabangsa.

XI) SISTEM PENYIARAN DI DEWAN NEGARA DAN DEWAN RAKYAT

Projek yang bermula pada 12 Ogos 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada 11 Februari 2017 sedang dalam proses pelaksanaan. Dengan kos RM10,284,626.00 projek ini, jabatan telah diberi kepercayaan oleh Jabatan Perdana Menteri melaksanakan penambahbaikan terhadap sistem rakaman dan penerbitan berkualiti Definisi Tinggi (HD) bagi sesi persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Parlimen.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

1. Meningkatkan Tahap Kompetensi Warga Kerja KKMM

1.1 Program Pembangunan Modal Insan (BPSM)

Pembangunan modal insan merupakan faktor kritikal bagi menggerakkan fungsi Kementerian ke arah hala tuju yang telah ditetapkan. Perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia harus dilaksanakan dengan berkesan bagi menentukan organisasi mempunyai sumber manusia yang berkualiti, berkemahiran dan kompeten serta berintegriti bagi mencapai objektif sesebuah organisasi. Untuk memastikan fokus ini sentiasa relevan, elemen-elemen tersebut merupakan panduan kepada perancangan dan pengurusan sumber manusia Kementerian ini.

- i. Memastikan sumber manusia mencukupi dan berusaha mengekalkannya bagi mengelakkan *brain-drain* (*human resource management*).
- i. Melatih sumber manusia yang dilantik supaya memiliki kompetensi yang bersesuaian dengan tugas (*human resource development*).
- i. Memastikan sumber manusia yang dilantik dapat memberi perkhidmatan yang terbaik dan berprestasi tinggi (*performance management*).
- i. Memastikan sumber manusia yang dilantik mempunyai peluang peningkatan kerjaya (*career development*).

Pemantapan Kapasiti Organisasi

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia terbahagi kepada tiga (3) Sektor Utama iaitu Sektor Dasar, Sektor Operasi dan Sektor Pengurusan. Terdapat 13 Bahagian yang menjalankan fungsi utama dan sokongan Kementerian dan diperkemas dengan lima (5) Unit dan pejabat Penasihat Undang-Undang. Bagi menggalas visi dan misi Kementerian, tunjang utama adalah pada kapasiti organisasi yang merujuk kepada keupayaan untuk menggunakan sumber dan kemahiran yang ada demi mencapai matlamat organisasi dan memenuhi ekspektasi *stakeholder* dari segi struktur, skim perkhidmatan dan proses kerja untuk menangani cabaran dan pergolakan persekitaran yang berubah.

Sehingga hujung tahun 2016, kapasiti organisasi Kementerian adalah sebanyak 715 orang dan pengisian adalah 653 orang. Pengisian di Jabatan Penyiaran Malaysia adalah seramai 3921 orang daripada 4,670 jawatan yang belum diisi. Bagi Jabatan Penerangan Malaysia terdapat 275 jawatan yang tidak diisi daripada 2,534 orang.

BERNAMA masih terdapat 167 jawatan yang belum diisi daripada 586 jawatan. Hanya 358 jawatan yang diisi sehingga tahun ini daripada 418 jawatan di Finas. Pengisian di JASA agak memuaskan iaitu 261 dari 272 jawatan di jabatan tersebut. Terdapat empat (4) jawatan yang masih belum diisi dari 18 jawatan di Jabatan Perlindungan Data Peribadi.

Jadual 1 : Ringkasan Kapasiti Organisasi Kementerian, Jabatan dan Agensi

Jabatan/Agensi	Perjawatan	Pengisian	Kosong
KKMM	715	653	62
RTM	4,670	3,921	749
JAPEN	2,534	2,259	275
BERNAMA	586	419	167
FINAS	418	358	60
IPPTAR	119	96	23
JASA	272	261	11
JPDP	18	14	4

Pengemaskinian bagi kekuatan sumber manusia turut diberi penekanan dengan penganjuran Kursus Pengurusan Perjawatan yang turut mengundang penceramah dari Jabatan Perkhidmatan Awam. Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 - Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia, Bahagian ini juga menganjurkan Kursus *Training Of Trainers* (Tot) Bagi Penyediaan Waran Perjawatan kepada Pengurus Hal Ehwal Perjawatan di Jabatan/Agensi di bawah Kementerian.

Pembangunan Modal Insan

Pelaksanaan program latihan memainkan peranan penting kepada pencapaian KPI pihak pengurusan tertinggi dalam usaha merealisasikan teras Rancangan Malaysia ke-11 iaitu meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju. Dengan mengambil kira keperluan pembangunan modal insan serta fokus terhadap kesejahteraan hidup rakyat Malaysia, maka perkhidmatan-perkhidmatan Kementerian terus diperkukuhkan melalui penganjuran latihan dan kursus kepada warga Kementerian/ Jabatan dan Agensi.

Fokus utama Program Latihan KKMM 2016 ialah untuk merealisasikan transformasi perkhidmatan awam ke arah pembentukan pegawai yang kompeten dan berprestasi tinggi disamping mengurangkan jumlah pegawai bermasalah dan meningkatkan pembudayaan nilai, etika dan integriti.

Jadual 2 : Kuantiti Kursus anjuran Kementerian

Bahagian	Bilangan Kursus
BPSM	78
UI	14
Kewangan	1
BKP	5
Akaun	22
Pembangunan	1
BPM	13
BPS	4
BTK	6
Antarabangsa	1

Jadual 3 : Kuantiti Kursus anjuran Jabatan/Agensi

Jabatan/ Agensi	Bilangan Kursus
RTM	104
JAPEN	22
FINAS	119
IPPTAR	89

Kementerian telah memperuntukkan sebahagian besar peruntukan sebanyak RM12, 104,760 dibawah belanja mengurus OS:29000 untuk menganjurkan kursus dan latihan kepada warga sepanjang tahun 2016. Dari peruntukan tersebut sebanyak RM2,281,300 merupakan program latihan anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Program latihan Jabatan/Agensi turut dilaksanakan dengan peruntukan tahunan sebanyak RM8,434,060 dan selebihnya diperuntukkan kepada program latihan kendalian Bahagian-bahagian di Kementerian.

Bahagian ini yang menerajui pengendalian kursus di Kementerian telah berjaya untuk menganjurkan 78 kursus termasuk di Sabah dan Sarawak. Bahagian lain turut menganjurkan kursus yang berbentuk fungsional sejajar dengan fungsi Bahagian masing-masing. Pengendalian kursus di Jabatan dan Agensi juga dilihat memberansangkan terutamanya Jabatan Penyiaran dan FINAS yang berjaya untuk menganjurkan lebih dari 100 kursus sepanjang tahun 2016. Bagi kemajuan kerjaya, kursus *Training Road Map* telah dilaksanakan mengikut skim dalam usaha melahirkan pegawai dan pelapis kepimpinan organisasi.

1.1 Program Pengukuhan Integriti (UI)

Unit Integriti KKMM telah ditubuhkan pada 1 Januari 2015 bertujuan untuk mengurus dan melaksanakan inisiatif-inisiatif penginstusian integriti, pencegahan, pematuhan, pengesanan salah laku dan punitif dengan lebih fokus, terancang, efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 menggariskan enam (6) fungsi teras Unit Integriti iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pematuhan, Pengurusan Aduan, Pengesanan dan Pengesanan Serta Pengurusan Tatatertib.

PROGRAM DAN AKTIVITI

Selaras dengan fungsinya untuk menyemarakkan dan menyuburkan integriti dalam diri warga kementerian, Unit Integriti telah melaksanakan pelbagai program sepanjang tahun 2016. Antara aktiviti dan program UI adalah seperti berikut:

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Kursus ini bertujuan untuk menyemai dan membaja nilai-nilai integriti dalam jiwa penjawat awam daripada aspek kerohanian, jati diri, nilai-nilai murni dan semangat berpasukan. Antara topik yang disentuh dalam modul ini adalah seperti berikut:

- a. Akauntabiliti dan kaitannya dengan Hari Pembalasan
- b. Sabar dan Syukur
- c. Hubungan Akidah, Syariah dan Akhlak
- d. Ihsan Sebagai Indikator Penting Al-Falah (Kejayaan)
- e. Kemantapan Iman Asas Integriti
- f. Kesempurnaan Solat Pemangkin Integriti
- g. Konsep Itqan (Komited)
- h. Muhasabah Diri

Kursus Bina Insan (*Smart Integrity*) telah dilaksanakan sebanyak empat (4) siri mengikut Zon (Negeri) dan pecahan zon adalah seperti berikut:

Bil	Siri / Zon	Tarikh	Tempat
1.	Siri 1 – Zon Selatan	24 – 26 Mac 2016	Klana Beach Resort, Negeri Sembilan
2.	Siri 2 – Zon Utara	21 – 23 April 2016	Hotel TH, Pulau Pinang
3.	Siri 3 – Zon Timur	25 – 27 September 2016	Institut Latihan Islam Malaysia, Besut, Terengganu
4.	Siri 4 – Zon Sabah/ Sarawak dan Labuan	10 – 12 November 2016	Pusat Latihan Islam Kundasang, Sabah



Gambar 1 : Kursus Bina Insan Siri 1, Zon Selatan pada 24-26 Mac 2016 bertempat di Klana Beach Resort, Port Dickson Negeri Sembilan



Gambar 2 : Kursus Bina Insan Siri 2, Zon Utara pada 21-23 April 2016 bertempat di Hotel TH, Pulau Pinang



Gambar 3 : Kursus Bina Insan Siri 3, Zon Timur pada 25-27 September 2016 bertempat di Institut Latihan Islam Malaysia Besut, Terengganu



Gambar 4: Kursus Bina Insan Siri 4, Zon Timur pada 10-12 November 2016 bertempat di Pusat Latihan Islam, Kundasang Sabah.

2) PROGRAM IHYA' RAMADHAN KKMM 1437H/2016

Unit Integriti turut mengadakan program Ihya' Ramadhan 1437H/2016 untuk menimbulkan kesedaran, penghayatan, rasa keinsafan dan kehambaan di kalangan warga KKMM terhadap kelebihan bulan Ramadhan berbanding bulan-bulan yang lain. Selain itu, bulan Ramadhan juga boleh menjadi batu loncatan untuk melakukan perubahan diri ke arah yang lebih baik.

Antara program yang telah berjaya dijalankan adalah seperti berikut:

- a. Anda Tanya, Ustaz Syed Jawab
- b. Persiapan Memburu Al-Qadar
- c. Al-Quran Mulai Hilang
- d. Kemenangan Hakiki
- e. Program Semarak Al-Quran dan Bertadarus bersama Ustazah Sharifah Khasif
- f. Program 60 Minit Bersama Ustaz



Gambar 1: "Anda Tanya, Ustaz Syed Jawab" oleh Ustaz Syed Abdul Kadir Syed Hussin Al-Joofre pada 8 Jun 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks KKMM, Putrajaya



Gambar 2: "Persiapan Memburu Al-Qadar" oleh Ustaz Dr. Mohammad Nidzam Abd. Kadir pada 15 Jun 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks KKMM, Putrajaya.



Gambar 3: "Al-Quran Mulai Hilang" oleh Ustaz Syed Mohd Norhisyam Tuan Padang Al-Idrus pada 21 Jun 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks KKMM, Putrajaya.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



Gambar 4: "Semarak Al-Quran dan Bertadarus bersama Ustazah Sharifah Khasif" pada 29 Jun 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks KKMM, Putrajaya.



Gambar 5: "Kemenangan Hakiki" oleh Ustaz Pahlol Mohamad Juoi pada 30 Jun 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks KKMM, Putrajaya.

3) Program Bicara Ilmu

Unit Integriti juga telah melaksanakan program Bicara Ilmu bersempena Hari Kebesaran Islam Isra' Mikraj dan Maal Hijrah supaya para peserta dapat mengambil iktibar dan ibrah daripada pengorbanan Rasulullah S.A.W. Di samping itu, Unit Integriti turut bekerjasama dengan Hab Halal, JAKIM dalam penganjuran program Bicara Ilmu bertajuk Viral Halal "Fakta atau Auta" bertujuan memberi pendedahan kepada warga KKMM mengetahui status halal sesuatu produk dan juga viral halal yang palsu dalam media sosial.

Penceramah-penceramah selebriti terkenal tanah air telah dijemput bagi menjayakan program-program ini antaranya Dato' Dr. Hj. Izhar Ariff bin Mohd Kashim dari UKM, Dato' Badlishah Alaudin dari Jabatan Agama Islam Pahang dan juga Ustaz Amri bin Abdullah dari Bahagian Hab Halal, JAKIM. Semua program diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks KKMM, Putrajaya.



Gambar 1: Program Bicara Ilmu Bertajuk "Menguji Sempadan Iman" oleh Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim yang diadakan pada 5 Mei 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks KKMM, Putrajaya.



Gambar 2: Program Bicara Ilmu Bertajuk Viral Halal "Auta atau Fakta" oleh Ustaz Mohd Amri Abdullah yang diadakan pada 6 September 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks KKMM, Putrajaya.



Gambar 4: Program Bicara Ilmu Bertajuk "Transformasi Diri: Sebuah Manifestasi Hijrah" oleh Dato' Badli Shah Alauddin yang diadakan pada 06 Oktober 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks KKMM, Putrajaya.



Gambar 1: Bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) yang diadakan pada 24 - 26 Oktober 2016 bertempat di Dewan Aras 34, Kompleks KKMM

4) Bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (*Corruption Risk Management-CRM*)

Dalam usaha untuk memastikan semua bahagian dalam Kementerian bebas daripada aktiviti rasuah dan juga salah guna kuasa, Unit Integriti telah mengadakan Bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah pada 24 - 26 Oktober 2016, bertempat di Dewan Makan Aras 34, Kompleks KKMM.

Bengkel CRM ini diadakan dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Antara objektif utama bengkel adalah untuk memberi pendedahan tentang kaedah-kaedah terbaik yang diaplikasikan untuk mengenal pasti risiko-risiko rasuah dan penyelewengan yang berlaku di dalam organisasi. Bengkel ini juga bertujuan untuk memberikan bimbingan bagi memperbaiki, memperkemas dan memantapkan kemahiran penyediaan pelan tindakan strategik dalam pengurusan risiko rasuah. Penceramah dan fasilitator bengkel merupakan pakar CRM di SPRM iaitu Tuan Teh Chau Chin dan Puan Khoo Lee Yee.



Gambar 2: Bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) yang diadakan pada 24 - 26 Oktober 2016 bertempat di Dewan Aras 34, Kompleks KKMM

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

2. Meningkatkan Kecekapan Pengurusan dan Perkhidmatan

3.1 Prestasi Pencapaian Unit KPI

Pada 1 Januari 2015, Unit Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah ditubuhkan melalui Waran Perjawatan Bil. K186 Tahun 2014 bertarikh 17 November 2014 dan diletakkan di bawah seliaan Ketua Setiausaha.

VISI

Pelaksanaan kerja berprestasi, memantapkan mutu produktiviti

MISI

Mewujudkan budaya kerja berasaskan prestasi bagi menyokong kecemerlangan organisasi.

OBJEKTIF

- i. Memastikan pelaksanaan KPI Menteri dan KSU berdasarkan Pelan Transformasi Negara.
- ii. Memastikan pelaksanaan KPI di Bahagian/Jabatan/Agensi mengikut fungsi dan peranan.
- iii. Memastikan pemantauan berkala terhadap KPI di Bahagian/Jabatan/Agensi.

PENCAPAIAN

Unit KPI bertanggungjawab bagi menyelaras, memantau dan melaporkan pencapaian KPI Menteri dan Ketua Setiausaha KKMM serta organisasi secara keseluruhan agar KPI yang telah ditetapkan seiring dengan hala tuju dan *core business* KKMM. Selaras dengan tanggungjawab tersebut di atas, Unit KPI telah melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut di sepanjang tahun 2016, iaitu:

1. Penetapan KPI YB. Menteri, Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 1 (Ketua Setiausaha) dan Tier 2 (Timbalan Ketua Setiausaha dan Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan))

- i. Menetapkan KPI Tahun 2016 bagi YB. Menteri menerusi siri perbincangan bersama Jabatan/Agensi

di bawah KKMM. Sebanyak 22 KPI telah dicadangkan sebagai KPI YB. Menteri Tahun 2016;

- ii. Membangun KPI Tahun 2016 bagi Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 2 (Timbalan Ketua Setiausaha). Ini adalah selaras dengan arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui suratnya bertarikh 10 April 2015 supaya pengurusan prestasi berasaskan KPI diperluaskan pelaksanaannya ke atas penjawat di Tier 2 (Fasa 1) mulai Tahun 2015; dan
- iii. Mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Sesi *Mid-Year Review* 2016 yang diadakan pada 21 Julai 2016 di Peringkat Menteri Mesyuarat ini dihadiri oleh Jabatan, Agensi serta Bahagian yang terlibat dalam penyelarasan KPI YB Menteri KKMM bagi tahun 2016.
- iv. Mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Sesi *Mid-Year Review* 2016 yang diadakan pada 14 Julai 2016 dan dipengerusikan Oleh YBhg. Dato' Sri Dr. KSU KKMM. Mesyuarat ini dihadiri oleh Jabatan, Agensi serta Bahagian yang terlibat dalam penyelarasan KPI YB Menteri KKMM bagi tahun 2016.

2. Pemantauan dan Penyelarasan KPI

- i. Mengadakan Mesyuarat Penyelarasan KPI YBM KKMM sebelum sesi *Mid Year Review* dan *Year End Review* di adakan bagi tahun 2016. Mesyuarat ini di adakan bersama KSU KKMM (sebelum peringkat YBM KKMM) dan bersama YBM KKMM (sebelum sesi *Mid Year/Year End Review* di adakan) . Kedua-dua mesyuarat ini melibatkan Jabatan, Agensi dan Bahagian yang terlibat dalam status pencapaian KPI tersebut;
- ii. Mengadakan Mesyuarat Penyelarasan KPI YBM KKMM sebelum sesi *Mid Year Review/Year End Review* di adakan. Sebelum sesi KPI *Mid Year/Year*

End Review YBM bersama PM bermula, Unit KPI mengadakan persediaan dari aspek mesyuarat bagi menyelaraskan dan mengemaskini status pencapaian KPI tersebut. Sesi ini juga adalah sesi konsultasi dan perbincangan bersama antara KSU KKMM, YBM KKMM dan Jabatan, Agensi serta Bahagian yang terlibat. Sesi ini turut membincangkan aspek-aspek tertentu yang perlu diperinci sebelum sesi *Mid Year/ Year End Review* bermula;

- iii. Menyelaraskan dan mengemaskini status pencapaian KPI YBM pada setiap 15hb bulan dalam sistem *Dashboard* PEMANDU. Pemantauan bulanan ini dilaksanakan dengan penghantaran emel peringatan kepada Jabatan dan Agensi yang terlibat;
- iv. Mengemaskini dan menyelaraskan status pencapaian bagi KPI *TIER 1* dan *TIER 2* ke dalam sistem MYKPI JPA secara berkala dan mengadakan sesi perbincangan bersama Pegawai KPI di peringkat Bahagian;
- v. Menyelaraskan persediaan sesi *PM-Minister Year End Review 2015* pada 9 Mac 2016 dan *Mid-Year Review* pada 28 Julai 2016; dan
- vi. Memantau pencapaian KPI Jabatan/Agensi di bawah KKMM di bawah bidang NKEA: *Communication Content and Infrastructure (CCI)*.

3. Pelaporan Pencapaian KPI YB Menteri dan KSU KKMM

100%	Prestasi Pencapaian KPI YB Menteri dikemukakan kepada Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) melalui <i>dashboard</i> PEMANDU pada tahun 2016 mengikut takwim yang ditetapkan.
100%	Pengemaskinian maklumat MyKPI di <i>dashboard</i> Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan penghantaran dokumen sokongan untuk tujuan pengauditan markah penilaian KPI Ketua Setiausaha.

Hasil daripada aktiviti-aktiviti tersebut di atas, pencapaian keseluruhan KPI YB. Menteri KKMM bagi Tahun 2016 telah mencatatkan peratusan pencapaian yang cemerlang iaitu 109%. Antara pencapaian *HIGHLIGHT* bagi KPI YB. Menteri adalah:-

NKEA	CCI EPP7: Broadband For All <i>KPI: Number of ports providing high speed broadband with speed up to 100Mbps in capital cities and major towns (HSBB2)</i>	
Score: 110%	Target: 150,000	Achievement: 164,390

NKEA	CCI EPP7: Broadband For All <i>KPI: Number of ports providing high speed broadband in sub-urban areas (SUBB)</i>	
Score: 83%	Target: 133,000 (Baseline : 88,588), (Cumulative : 200,000)	Achievement: 110,426 (Cumulative : 202,270 ports)

NKEA	Business Services EPP2: Building globally-competitive outsourcers <i>KPI: Overseas sales revenue of outsourcing companies (RM mil)</i>	
Score: 88%	Target: 3,007	Achievement: 2641.3

MKRA	Bumiputera Economic Enhancement Agenda <i>KPI: Percentage achievement on Bumiputera Economic Empowerment Agenda</i>	
Score: 107%	Target: 90%	Achievement: 96.6% (Q4 Result from EPU)

PRESTASI DAN PENCAPAIAN PENGURUSAN ASET BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

1. MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN (JKPAK)

Unit Pengurusan Aset adalah Urus setia kepada Mesyuarat JKPAK yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan). Mesyuarat JKPAK diadakan sekali dalam tempoh tiga (3) bulan untuk membentangkan laporan pengurusan aset bagi setiap suku tahun dan UPA bertanggungjawab menyelaras laporan suku tahun yang dikemukakan oleh semua Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah KKMM untuk dibentangkan menerusi Mesyuarat JKPAK.

Jadual 1.1: Takwim Mesyuarat JKPAK Tahun 2016

Bil	Mesyuarat	Tarikh	Tempat
1.	Suku Tahun Pertama (Januari – Mac 2016)	22 April 2016	Kompleks KKMM Putrajaya
2.	Suku Tahun Kedua (April – Jun 2016)	21 Julai 2016	Kompleks KKMM, Putrajaya
3.	Suku Tahun Ketiga (Julai – September 2016)	25 Oktober 2016	Kompleks KKMM, Putrajaya
4.	Suku Tahun Keempat (Oktober – Disember 2016)	24 Januari 2017	Kompleks KKMM, Putrajaya

2. LAPORAN EKSEKUTIF PENGURUSAN ASET KERAJAAN

2.1 UPA turut bertanggungjawab untuk menyediakan dan mengemukakan Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Kerajaan kepada Perbendaharaan sebelum 15 Mac setiap tahun bagi melaporkan perkara seperti berikut:-

2.1.1 Pengurusan Aset

Laporan Tahunan Harta Modal dan Aset /Laporan Pemeriksaan Aset/ Laporan

Tahunan Pelupusan/Laporan Kehilangan dan Hapus kira aset keseluruhan Kementerian.

2.1.2 Pengurusan Stor

Laporan Kedudukan Stok Tahunan/ Laporan Pemeriksaan Aset/Verifikasi Stor/Laporan Tahunan Pelupusan Stok/Laporan Tahunan Kehilangan dan Hapuskira Stok keseluruhan Kementerian.

3. TAKLIMAT PEMERIKSAAN ASET ALIH KERAJAAN

Sesi Taklimat Pemeriksaan Aset telah diadakan pada 22 Ogos hingga 22 Oktober 2016 di zon-zon negeri dan di Kompleks KKMM, Putrajaya yang melibatkan seramai 250 orang Pegawai Aset dan Pegawai Pemeriksa Aset di Peringkat Kementerian dan Jabatan (Ibu Pejabat dan negeri). Taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Aset Kementerian dan Bahagian Pengurusan Maklumat.

4. PEMERIKSAAN ASET TAHUNAN

4.1 Pemeriksaan Aset Alih Kerajaan bagi KKMM dan Jabatan/Agensi di bawahnya telah diadakan pada 15 Ogos hingga 30 November 2016 selaras dengan ketetapan 1PP/Tatacara Pengurusan Aset Aset Alih Kerajaan – AM 2.4, Bab Penggunaan, Penyimpanan dan Pemeriksaan yang mengariskan pemeriksaan aset alih Kerajaan perlulah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun. Pemeriksaan bertujuan untuk mengetahui keadaan dan prestasi aset, memastikan setiap aset mempunyai daftar/rekod yang lengkap, tepat dan kemas kini serta memastikan setiap aset berada di lokasi yang sama seperti yang tercatat dalam daftar.

4.2 Pemeriksaan oleh Pegawai Pemeriksa yang dilantik bagi tempoh dua (2) tahun telah dilaksanakan secara silang di antara Bahagian-Bahagian di Kementerian melibatkan seramai 60 orang Pegawai Pemeriksa. Laporan pemeriksaan dikemukakan kepada UPA untuk diselaraskan dan dibentangkan menerusi Mesyuarat JKPAK KKMM.

5. PEMERIKSAAN STOK DAN VERIFIKASI STOR

5.1 Pengurusan Stor Utama di KKMM telah dilaksanakan selaras dengan 1PP-Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan (TPS)/AM6.1 bagi memastikan stok sentiasa ada apabila dikehendaki dan menepati kehendak pelanggan dan kualiti stok sentiasa terjamin dengan cara memberi perlindungan, penjagaan dan penyelenggaraan yang sewajarnya semasa dalam simpanan.

5.2 Pemeriksaan stok dan Verifikasi Stor di Stor Utama KKMM telah dilaksanakan pada 12 hingga 30 Disember 2016 oleh tiga (3) orang Pegawai Pemeriksa Stok dan dua (2) orang Pemverifikasi Stor yang dilantik daripada semua Bahagian di Kementerian.

5.3 UPA turut menyelaraskan laporan-laporan Pengurusan Stor bagi Jabatan dan Agensi di bawah KKMM untuk dibentangkan menerusi mesyuarat JKPAK dan dilaporkan di dalam Laporan Eksekutif Pengurusan Aset Alih Kerajaan kepada Kementerian Kewangan.

3.1 Prestasi Pengauditan Unit Audit Dalam (UAD)

Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah ditubuhkan pada 15 Mei 2013 adalah selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Malaysia 1PP-PS 3.1. UAD merupakan sebahagian komponen dalaman

organisasi yang menjalankan pengauditan secara profesional dan bebas serta melaporkan hasil pengauditan kepada Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian bagi menambah nilai dan meningkatkan tadbir urus Kementerian. Bagi memenuhi peranan dan fungsi yang ditetapkan UAD telah melaksanakan pelbagai kaedah pengauditan sepanjang tahun 2016 merangkumi:-

Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengauditan Pengurusan Kewangan di PTJ dijalankan bagi menilai sama ada wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan dalam organisasi; wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah/Deposit, aset dan stor serta pengurusan kenderaan; pengurusan kewangan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Pengauditan juga dilaksanakan bagi memastikan rekod dan dokumen yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan teratur. Pada tahun 2016, UAD telah melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan di 13 PTJ negeri, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM Negeri) di seluruh negara antara bulan Februari hingga Oktober 2016.

Pengauditan Baucar Bayaran

Pengauditan baucar bayaran dijalankan bagi memastikan wujud kawalan dalaman yang mencukupi terhadap pembayaran; pembayaran diluluskan oleh pegawai yang diberi kuasa serta mematuhi peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa; pembayaran dibuat dengan cepat dan tepat; pembayaran diakaunkan dengan betul; dan rekod pembayaran diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan disimpan dengan teratur. UAD telah menjalankan pengauditan baucar bayaran di Bahagian Kewangan di KKMM, Ibu Pejabat Jabatan Penerangan Malaysia dan Ibu Pejabat JASA pada bulan Jun hingga Oktober 2016.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Pengauditan Prestasi

Pengauditan Prestasi dilaksanakan bertujuan bagi memastikan sesuatu program/aktiviti/projek di Kementerian/Jabatan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai objektif yang ditetapkan. Pengauditan ini juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlakunya pemborosan dan pembaziran serta memberikan impak positif kepada golongan sasaran. Pada tahun 2016, 3 pengauditan prestasi yang telah dilaksanakan iaitu:

- Pengauditan Terhadap Pengurusan Pembayaran Emolumen JASA
- Pengauditan Terhadap Perolehan dan Penggunaan Sistem Peralatan Siaraya, Jabatan Penerangan Malaysia
- Pengauditan Terhadap Projek Pengisian Liputan Radio, Jabatan Penyiaran Malaysia

Pengauditan Perolehan

Pengauditan Perolehan dijalankan bagi menentukan sesuatu perolehan telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan perolehan yang sedang berkuat kuasa. Pengauditan ini juga dijalankan bagi memastikan objektif perolehan tercapai serta tidak berlaku salah guna kuasa, pembaziran, pemborosan dan penyelewengan. Pengauditan meliputi perolehan bekalan, peralatan, kerja dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pembekal/kontraktor melalui kaedah pembelian terus, sebut harga, tender dan rundingan terus. Pada tahun 2016, sebanyak empat (4) Pengauditan Perolehan telah dilaksanakan iaitu:

- Pengauditan Terhadap Pengurusan Perolehan, Bahagian Operasi Penyiaran Jabatan Penyiaran Malaysia
- Pengauditan Terhadap Pengurusan Perolehan RTM Kelantan
- Pengauditan Terhadap Pengurusan Perolehan, Jabatan Penerangan Malaysia

Pengauditan ICT

Pengauditan ICT merangkumi Kajian ICT dan Penampilan Audit ICT seperti berikut:

i. Kajian ICT

Kajian ICT dijalankan bagi memastikan projek dan perolehan berkaitan ICT telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Pada tahun 2016, sebanyak dua (2) kajian ICT yang telah dilaksanakan iaitu:

- Pengauditan Terhadap Pengurusan Sistem Pemberitaan TV, Jabatan Penyiaran Malaysia
- Pengauditan Terhadap Pengurusan Sistem Penerbitan Penyiaran, Jabatan Penyiaran Malaysia Negeri Sarawak

ii. Penampilan Audit ICT

Penampilan Audit ICT dijalankan bertujuan untuk memastikan kawalan pengurusan ICT, kawalan kemudahan ICT dan kawalan pengurusan aset ICT telah diuruskan dengan teratur, mematuhi garis panduan dan peraturan yang berkuat kuasa. Pada tahun 2016, enam (6) PTJ yang diaudit antara bulan April hingga Ogos 2016 iaitu di RTM Kelantan, JAPEN Kelantan, JASA Kelantan, RTM Melaka, JAPEN Melaka dan JASA Melaka.

Pengesahan Baki Awal Aset dan Liabiliti

Pengesahan Baki Awal Aset dan Liabiliti dijalankan bagi mengesahkan ketepatan nilai baki awal aset dan liabiliti Kementerian untuk tujuan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan yang akan dilaksanakan. Pengauditan meliputi aset tak alih, aset alih, aset dalam pembinaan, akaun belum terima dan akaun belum bayar. Pengesahan Baki Awal Aset dan Liabiliti melibatkan pengesahan dokumen senarai aset dan liabiliti yang diterima daripada Bahagian Akaun KKMM serta pemeriksaan fizikal terhadap aset alih dan aset tak alih Kementerian yang telah dilaksanakan di tujuh (7) negeri iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Melaka, Pahang dan Selangor.

Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA)

Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) dilaksanakan sebagai satu mekanisme pemantauan oleh Pengurusan Tertinggi bagi memantapkan dan mempertingkatkan lagi tadbir urus khususnya dalam pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi. Isu/perkara yang dibangkitkan oleh UAD atau Jabatan Audit Negara dibentang dan dibincangkan dalam mesyuarat JKA untuk diambil tindakan *preventive* dan *corrective* oleh pihak pengurusan (auditi) supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang. UAD telah mengadakan empat (4) kali Mesyuarat JKA pada tahun 2016 seperti yang ditetapkan iaitu:

Mesyuarat JKA	Tarikh Mesyuarat	Bilangan Kertas Pembentangan
Bilangan 1/2016	30 Mac 2016	7
Bilangan 2/2016	23 Jun 2016	4
Bilangan 3/2016	7 Oktober 2016	5
Bilangan 4/2016	6 Januari 2017	15

3.2 Pengurusan Pelanggan dan Aduan (UKK)

UKK bertanggungjawab dalam mengendalikan aduan awam. Aduan ini termasuklah aduan Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah KKMM.

Berdasarkan Laporan Aduan daripada Biro Pengaduan Awam (BPA), KKMM telah menerima sebanyak 143 kes iaitu 4% daripada jumlah keseluruhan. KKMM juga berada di tempat ke-11 di mana Kementerian yang tidak menerima aduan yang tinggi berbanding 25 Kementerian yang lain. Bagi status penyelesaian, KKMM berjaya mencapai sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan oleh BPA seperti berikut:

Penyelesaian Aduan Keseluruhan	92%
Penyelesaian Aduan dalam tempoh 15 hari bekerja	80%



Status Penyelesaian Aduan KKMM Tahun 2016

Jumlah Aduan	143
Penyelesaian Aduan Keseluruhan	142 (99.3%)
Penyelesaian Aduan dalam tempoh 15 hari bekerja	112 (86.2%)

Walaupun bagaimanapun, pihak Kementerian juga menerima aduan secara terus daripada Sistem Pengurusan Aduan Awam yang juga dikenali sebagai SISPA dan sumber lain seperti emel, panggilan telefon, surat, media sosial serta saluran aduan awam yang lain. Berdasarkan rekod aduan KKMM yang diterima, sebanyak 558 kes aduan dan telah diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2016. Pecahan aduan adalah seperti berikut:

Aduan Sektor Awam	188 (33.7%)
Aduan Sektor Swasta	370 (66.3%)

Skop Aduan bagi KKMM adalah seperti berikut:

- Industri Penyiaran (Analog dan Digital)
- Industri Telekomunikasi yang meliputi perkhidmatan telefon dan internet
- Perkhidmatan Pos dan Penghantaran
- *Digital Certification*

Bagi memastikan aduan yang diterima diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan, UKK juga telah melantik Pegawai Perhubungan Pengaduan Awam (PPPA) dari Bahagian, Jabatan dan Agensi KKMM serta wakil pembekal perkhidmatan telekomunikasi iaitu seramai 75 orang. Tahniah dan syabas kepada semua yang telah memberikan kerjasama.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

PRESTASI PIAGAM PELANGGAN KKMM 2016

Berdasarkan Piagam Pelanggan yang ditetapkan oleh KKMM, berikut merupakan maklumat Prestasi Piagam Pelanggan KKMM sepanjang tahun 2016. Prestasi ini turut dimuatnaik ke Portal Rasmi KKMM bagi tujuan pemakluman kepada orang awam.

Piagam Pelanggan Ketiga : Memproses permohonan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.

BULAN	BILANGAN PERMOHONAN		PERATUSAN DIPROSES DALAM TEMPOH 5 HARI
	KESELURUHAN	DALAM TEMPOH 5 HARI	
JANUARI	157	157	100%
FEBRUARI	162	162	100%
MAC	193	193	100%
APRIL	173	173	100%
MEI	210	210	100%
JUN	159	159	100%
JULAI	108	108	100%
OGOS	215	215	100%
SEPTEMBER	153	153	100%
OKTOBER	154	154	100%
NOVEMBER	161	161	100%
DISEMBER	118	118	100%
KESELURUHAN	1963	1963	100 %

Piagam Pelanggan Keempat : Memberi respons kepada aduan pelanggan dengan cepat, tepat dan berbudi bahasa dalam tempoh masa seperti berikut :

- i) Aduan penerimaan dalam tempoh 1 hari bekerja;
- ii) Maklum balas awal dalam tempoh 3 hari bekerja; dan
- iii) Laporan status bulanan aduan awam kepada Biro Pengaduan Awam (BPA) pada minggu pertama setiap bulan

BULAN	JUMLAH KES ADUAN	AKUAN TERIMA DIHANTAR DALAM 1 HARI BEKERJA	PERATUS (%)	MAKLUM BALAS AWAL DIHANTAR DALAM 3 HARI BEKERJA	PERATUS (%)	LAPORAN KEPADA BPA
JANUARI	55	55	100%	55	100%	1
FEBRUARI	53	53	100%	53	100%	1
MAC	62	62	100%	62	100%	1
APRIL	48	48	100%	48	100%	1
MEI	45	45	100%	45	100%	1
JUN	34	34	100%	34	100%	1
JULAI	34	34	100%	34	100%	1
OGOS	37	37	100%	37	100%	1

BULAN	JUMLAH KESADUAN	AKUAN TERIMA DIHANTAR DALAM 1 HARI BEKERJA	PERATUS (%)	MAKLUM BALAS AWAL DIHANTAR DALAM 3 HARI BEKERJA	PERATUS (%)	LAPORAN KEPADA BPA
SEPTEMBER	44	44	100%	44	100%	1
OKTOBER	38	38	100%	38	100%	1
NOVEMBER	49	49	100%	49	100%	1
DISEMBER	59	59	100%	59	100%	1
KESELURUHAN	558	558	100%	558	100%	12

Piagam Pelanggan Kelima : Memastikan bil dan inouis dibayar dalam masa 14 hari dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap

BULAN	BILANGAN BIL YANG TELAH DIPROSES			PERATUSAN BIL DIPROSES DALAM TEMPOH 14 HARI
	KESELURUHAN	DALAM TEMPOH 14 HARI	MELEBIHI TEMPOH 14 HARI	
JANUARI	2166	2166	0	100%
FEBRUARI	9229	9229	0	100%
MAC	11,928	11,928	0	100%
APRIL	12,702	12,702	0	100%
MEI	11,209	11,209	0	100%
JUN	13,376	13,376	0	100%
JULAI	7427	7427	0	100%
OGOS	10,901	10,901	0	100%
SEPTEMBER	11,006	11,006	0	100%
OKTOBER	11,246	11,244	1	99.99%
NOVEMBER	15,515	15,515	0	100%
DISEMBER	15,320	15,319	1	99.99%
JUMLAH	132,024	132,022	2	99.99%

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN **2016**

**JARINGAN
KERJASAMA STRATEGIK**

153 //

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

A. Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Telekomunikasi Dan Teknologi Maklumat ASEAN (TELSOM) Dan Mesyuarat Menteri-Menteri Telekomunikasi Dan Teknologi Maklumat ASEAN (TELMIN) Ke-16 Dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan 2016

Mesyuarat ini telah diadakan di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam dari 22-26 November 2016 turut disertai oleh YB Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak, Menteri KKMM.

Impak program : Memperkukuhkan kerjasama dalam kalangan negara anggota ASEAN bagi memaksimumkan kemampuan telekomunikasi dan teknologi maklumat (ICT) ke arah pembangunan progresif serantau.



Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak (keempat dari kanan) bersama Menteri-Menteri Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat ASEAN

B. Sidang Kemuncak Pengarang ASEAN 2016

Sidang Kemuncak Pengarang ASEAN 2016 yang bertemakan *Connecting ASEAN Community Through the Media* telah diadakan di Kuala Lumpur pada 5 dan 6 April 2016. Perasmian sidang telah disempurnakan oleh Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak, Menteri Komunikasi dan Multimedia di Hotel Royale Chulan, Kuala Lumpur pada 5 April 2016.

Impak program :

- i. Penganjuran Sidang Kemuncak Pengarang ASEAN ini adalah bertepatan dengan usaha Malaysia untuk meningkatkan kesedaran mengenai pembentukan Komuniti ASEAN pada tahun 2015. Dalam hal ini, media merupakan wadah utama dan memainkan peranan penting dalam meningkatkan hubungan (*connectivity*) serta jalinan kerjasama (*networking*) dalam kalangan lebih kurang 600 juta orang di rantau ASEAN.
- ii. Sidang Kemuncak Pengarang ASEAN 2016 telah membantu meningkatkan imej negara sebagai penganjur program antarabangsa yang menyediakan platform untuk memupuk kerjasama dalam kalangan pengamal media di peringkat antarabangsa.



C. Forum Enculturing An Informed Society - WDID

Bahagian Antarabangsa, KKMM telah menganjurkan forum bersempena dengan sambutan *World Development Information Day - WDID* pada 20 Oktober 2016 (Khamis) bertempat di Cyberjaya.

Perasmian forum telah dirasmikan oleh Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad, Ketua Setiausaha, KKMM yang dihadiri seramai 180 orang peserta.

Impak program : Berjaya menyebarkan dan mewar-warkan peranan dan tanggungjawab setiap individu dalam mewujudkan dan mengekalkan masyarakat bermaklumat dan bersama-sama berkongsi maklumat tentang kaedah dalam menangani cabaran dalam masyarakat bermaklumat.



Moderator dan ahli-ahli panel



Ucapan Perasmian oleh Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad - Ketua Setiausaha, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Malaysia



Antara peserta yang turut hadir



Majlis Pemeteraian Memorandum (MoU) antara Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Menteri Perhubungan dan Penerangan, Republik Singapura

D. Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Penerangan dan Komunikasi Antara Malaysia Dengan Republik Singapura

Pada 19 Februari 2016, Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam bidang penerangan dan komunikasi antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Singapura telah dimeterai dan ditandatangani oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Menteri Perhubungan dan Penerangan Singapura.

Impak : Hubungan kerjasama yang terjalin antara Malaysia dan Singapura dapat diperkukuhkan dan akan memberi nilai tambah kepada Malaysia dengan mengambil kira perkembangan pesat industri teknologi maklumat di Singapura. Kedua-dua negara dapat menimba ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam teknologi baru seperti digital TV, media baru seperti penyiaran berita melalui *teleconferencing*, siaran program melalui Internet TV dan Radio.

E. Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Malaysia Dan Kerajaan Cambodia Mengenai Kerjasama Dalam Bidang Penerangan Dan Penyiaran

Pada 3 Jun 2016, Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam bidang penerangan dan penyiaran antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Cambodia telah dimeterai dan ditandatangani oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang menjalankan tugas Menteri Komunikasi dan Multimedia dan Menteri Penerangan Cambodia di Putrajaya semasa lawatan kerja Perdana Menteri Cambodia ke Malaysia.

Majlis pemeteraian MoU tersebut telah berlangsung di Putrajaya dengan disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Cambodia.

Impak : Berimpak tinggi kepada Kerajaan Malaysia dalam menyediakan satu platform yang membuka peluang dan ruang lebih luas kepada para usahawan dan pengamal-pengamal media dikedua-dua buah negara.



Sesi bergambar YB Menteri, Dato' Sri Dr. KSU dan delegasi-delegasi antarabangsa.

F. Program KL CONVERGE! 2016

KL CONVERGE! 2016 telah berlangsung pada 22 hingga 24 September 2016 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Salleh Keruak, Menteri KKMM.

Impak program :

- i. Menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Pasaran Industri Komunikasi dan Industri Kandungan Kreatif di peringkat antarabangsa. KL CONVERGE! 2016 telah menyatukan pihak industri Telekomunikasi, Multimedia serta belia generasi Y yang kini semakin berminat untuk menjalankan perniagaan secara atas talian dalam "Fiesta Blog Shop" yang dibawa oleh pihak MYNIC Berhad.
- ii. Penganjuran kali ini telah memberi suntikan baru kepada generasi muda untuk turut bersama-sama terlibat

- iii. Penonjolan teknologi kandungan yang mampu dimanfaatkan oleh industri dikongsi oleh beberapa orang tokoh utama yang dibawa iaitu Mikiko Nishiyama, Fred CY Wang, Daniele Ferdani, Valentino Catricala, Marzia Dal Fabbro, Iljoong Kim, Masafumi Kawanishi, Walter Wong, dan sebagainya untuk berkongsi ilmu dan kepakaran mengenai kaedah terkini bagi menembusi pasaran antarabangsa terutamanya di rantau Asia dan Hollywood.

bersama dalam pelbagai aktiviti yang telah dijalankan. KL CONVERGE! 2016 telah membuka peluang kepada 113 pempamer yang terdiri daripada Kementerian, Agensi/ Jabatan, syarikat telekomunikasi dan penyiaran, peniaga-peniaga produk atas talian dan syarikat animasi.

• KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

G. Mesyuarat Asian Pacific Postal Union Executive Council (APPU-EC)

Majlis Perasmian APPU-EC telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, YB Dato' Jailani bin Johari di Berjaya Langkawi Resort, Kedah. APPU-EC telah berlangsung selama lima (5) hari bermula pada 16 Mei hingga 20 Mei 2016 melibatkan kehadiran 26 daripada 32 negara anggota.

Impak program :

- i. Malaysia telah membentangkan hasil perbincangan kumpulan kerja (*working group*) mengenai reformasi APPU. Antara perkara yang telah dibentangkan termasuklah memperkemas peranan serta struktur APPU, memperkenalkan KPI terperinci bagi Pengarah Biro APPU serta perubahan terhadap perlembagaan APPU. Melihat kepada pencapaian dan penglibatan aktif Malaysia dalam UPU dan APPU, Mesyuarat APPU-EC telah bersetuju agar Malaysia mengetuai reformasi APPU ini.
- ii. Selain itu, Mesyuarat APPU-EC pada kali ini adalah merupakan platform yang penting untuk Malaysia melobi negara-negara anggota agar mengundi Malaysia memenangi kerusi CA Kongres *Universal Postal Union* (UPU) di Istanbul, Turki pada bulan September 2016. Kejayaan Malaysia menganjurkan APPU-EC 2016 di Langkawi ini telah meningkatkan peluang Malaysia memenangi kerusi CA tersebut.
- iii. Mempromosi Malaysia khususnya Langkawi menerusi Program *Excursions* pada 21 Mei 2016 sebelum para delegasi berangkat pulang ke negara masing-masing. Rata-rata maklum balas yang diterima daripada delegasi asing memuji kejayaan Malaysia menganjurkan Mesyuarat APPU-EC Tahun 2016 serta mengagumi keindahan Pulau Langkawi.



YB Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri KKMM sedang menyampaikan ucapan perasmian Mesyuarat *Asian Pacific Postal Union Executive* (APPU-EC) 2016



Sesi Mesyuarat APPU-EC 2016 pada 16 – 20 Mei 2016



Sesi Bergambar Bersama Semua Ketua Delegasi Negara Anggota APPU Selepas Perasmian Mesyuarat APPU-EC 2016



Sesi Bergambar Bersama Semua Delegasi Negara Anggota APPU Selepas Perasmian Mesyuarat APPU-E



Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YB Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia semasa Universal Postal Congress Ke-26, Istanbul, Turki 2016

H. Penyertaan Delegasi Malaysia Ke *Universal Postal Congress (UPC) Ke-26, Istanbul, Turki 2016*

Malaysia berpandangan bahawa keahlian negara di dalam Majlis Pentadbiran (*Council of Administration*) di bawah *Universal Postal Union (UPU)* dilihat penting untuk menyuarakan pendirian dan pandangan negara dalam mengetengahkan isu-isu polisi perkhidmatan pos di peringkat antarabangsa kerana Majlis Pentadbiran (CA) merupakan majlis yang bertanggungjawab menetapkan dasar perkhidmatan pos sedunia. Oleh itu, Kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah menyertai *Universal Postal Congress Ke-26*, yang telah berlangsung di Istanbul, Turki mulai 19 September hingga 7 Oktober 2016 serta bertanding untuk memenangi kerusi Majlis Pentadbiran (CA). Dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri (KLN), usaha melobi negara-negara anggota UPU telah diadakan bagi memenangi kerusi Majlis Pentadbiran (CA).

YB Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia juga telah dijemput sebagai salah seorang ahli panel dalam ministerial conference pada 4 Oktober 2016 yang bertemakan *Delivering Sustainable Development : Connecting Citizens Businesses and Territories*. Beliau juga turut memberikan pandangan serta

perspektif Malaysia menerusi ucapan yang bertajuk *Posting the Future: A Global Coalition for Transformation*.

Impak :

i. Sesi pengundian telah berlangsung pada 5 Oktober 2016 dan hasil keputusan pengundian, Malaysia telah berjaya dipilih menganggotai Majlis Pentadbiran (CA) bagi penggal 2017-2020 dengan memperoleh 124 undi daripada 147 negara yang layak mengundi. Jepun memperoleh undian terbanyak iaitu 134 undi, diikuti dengan Cuba 128 undi dan Brazil 125 undi. Sebanyak 3 buah negara memperoleh 124 undi selain Malaysia iaitu Uruguay dan China.

ii. Di samping kejayaan Malaysia menganggotai Majlis Pentadbiran (CA), Malaysia turut dilantik sebagai Pengerusi Bersama (*Co-Chair*) bagi *Committee 1 - Human Resource, Finance & Administration* bersama-sama dengan negara Switzerland. Semasa Kongres tersebut berlangsung juga, Pos Malaysia Berhad telah diberi 2 pengiktirafan iaitu menduduki tempat kedua dalam Anugerah *Express Mail Service (EMS)* serta Anugerah *A-Star* bagi Persijilan Pengurusan Kualiti iaitu pengiktirafan tertinggi terhadap kualiti perkhidmatan pos di peringkat antarabangsa.

I. Program Merapatkan Jurang Digital Melalui Pelaksanaan Pusat Internet Desa (PID)

Pada tahun 2016, seramai 8,610 orang telah mengikuti kelas asas ICT, 8,254 orang berjaya mengikuti ke tahap kelas lanjutan ICT dan sejumlah 365 orang usahawan mikro telah berjaya dilatih di bawah aktiviti yang dilaksanakan oleh PID. Selain daripada itu, sebanyak 545 bengkel e-Kerajaan telah berjaya dilaksanakan untuk peningkatan pengetahuan orang awam mengenai sistem-sistem yang telah dibangunkan oleh Kerajaan untuk kemudahan mereka.

Impak program : Mempertingkatkan kesedaran dan memberi pengetahuan mengenai kemudahan internet dan teknologi kepada masyarakat luar bandar khususnya, serta memperkenalkan faedah jalur lebar kepada kemudahan komuniti.

Keputusan Undian Kerusi Majlis Pentadbiran (CA) Universal Postal Union (UPU) Bagi Penggal 2017 - 2020



YB Dato' Jailani Johari, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia bersama Ketua Pegawai Eksekutif Pos Malaysia Berhad, Dato' Mohd Shukrie Mohd Salleh ketika menerima Anugerah A-Star Persijilan Pengurusan Kualiti

